

Bil. 1

**Selasa
26 Mac 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Jilid II
Bil. 1



Hari Selasa
26hb Mac, 1996

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KESEMBILAN

Ninth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

MESYUARAT PERTAMA

First Meeting

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAAH

Yang Berhormat Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis) [Ruangan 21]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 21]

Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 21]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 22]

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA [Ruangan 23]

MESYUARAT DEWAN RAKYAT—PENAMBAHAN HARI [Ruangan 24]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 25]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 53]

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen [Ruangan 54]

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong—

Y.B. Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin (Yan) [Ruangan 55]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
1997

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, D.I.M.P., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRs. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).

Yang Berhormat TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
 „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
 „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
 „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
 „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
 „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
 „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
 „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
 „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
 „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
 „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
 „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
 „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
 „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
 „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
 „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
 „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
 „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.S.M., S.S.A.P. (Merbok).
 „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
 „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
 „ DATO' HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N.,
 P.J.K., J.P. (Jerlun).
 „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
 „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
 „ DATO' HEW SEE TENG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
 „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
 „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
 „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
 „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
 „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' ISAHAK (Kota Bharu).
 „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
 „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARIIS, D.I.M.P., S.A.P.
 (Rompin).
 „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
 „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
 „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
 „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
 „ DATUK JOSEPH PAIRIN KJTINGAN (Keningau).
 „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa
 Maju).

Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).

„ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

„ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).

„ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).

„ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).

„ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).

„ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

„ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

„ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

„ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).

„ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).

„ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).

„ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).

„ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).

„ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).

„ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).

„ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).

„ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).

„ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).

„ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).

„ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

„ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).

„ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).

„ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).

„ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).

„ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).

„ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).

„ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).

„ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).

„ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).

„ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

Yang Berhormat DATO' QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

„ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).

„ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).

„ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

„ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

„ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).

„ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).

„ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).

„ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

„ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).

„ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).

„ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).

„ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).

„ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).

„ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).

„ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).

„ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).

„ DR. TAN YEE KEW (Kelang).

„ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).

„ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).

„ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).

„ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).

„ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

„ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).

„ DATO' YAP PIAN HON, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).

„ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).

„ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).

„ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).

„ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).

„ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).

„ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).

„ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).

„ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik.

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah.

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Hajah Supiah binti Dewak.

Mohamed bin Osman.

Hajah Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Norwahidah binti Azizi.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

Shamsina binti Janor.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.
Mejar (B) Zakaria bin Salleh.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 26hb Mac, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut
di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

Y.B. Tuan Haji Amihamzah bin
Ahmad (Lipis)

**PEMASYHURAN TUAN YANG
DI-PERTUA**

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang
Berhormat, saya mengucapkan selamat
datang dan tahniah kepada Ahli Yang
Berhormat yang baru mengangkat sumpah
sebenarnya tadi. Saya berharap semoga Ahli
Yang Berhormat yang baru dipilih itu
dapat memberi sumbangan beliau yang
berguna dan berfaedah kepada Dewan
ini dan kepada negara seterusnya dan
semoga beliau dapat berkhidmat dengan
cemerlangnya.

**TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang
Berhormat, dengan sukacitanya saya
maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada
25hb Mac, 1996 Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong dengan limpah

kurnia Baginda telah berkenan
menyampaikan Titah Ucapan Diraja
dalam Parlimen. Saya telah menerima
satu salinan Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda itu dan seterusnya sekarang saya
mengarahkan supaya salinan Titah
Ucapan itu dibentangkan di atas Meja
Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam
Penyata Rasmi.

*(Teks Titah Ucapan DiRaja seperti di
Lampiran)*

**MEMPERKENANKAN
AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang
Berhormat, saya suka hendak
memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan
limpah kurnia Baginda telah
memperkenankan Akta-akta yang telah
diluluskan oleh Parlimen dalam Penggal
yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Perbekalan 1996;
2. Akta Kewangan 1996;
3. Akta Mahkamah Kehakiman
(Pindaan) 1996;
4. Akta Perbekalan Tambahan 1996;
5. Akta Perindustrian Sekuriti
(Pindaan) 1996;
6. Akta Perindustrian Sekuriti
(Depositori Pusat);
7. Akta Lembaga Perkhidmatan
Kewangan Luar Pesisir Labuan
1996; dan
8. Akta Kanun Tanah Negara
(Pindaan) 1996.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dua perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA
KEPADA DEWAN RAKYAT**

“28hb Disember, 1995

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1996;
2. Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1995;
3. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No.2) 1995;
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No.2) 1995;
5. Rang Undang-undang Pendidikan 1995;
6. Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995;
7. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1995;
8. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1995;

9. Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1995; dan

10. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1995.

Yang Ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA.”**

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA
KEPADA DEWAN RAKYAT**

“15 Januari 1996

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996; dan
2. Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

**MESYUARAT DEWAN RAKYAT—
PENAMBAHAN HARI**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, supaya

mesyuarat Dewan Rakyat yang bersidang sekarang ditambah selama tiga hari lagi iaitu pada 14 Mei hingga 16 Mei 1996. Tujuannya ialah untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Rakyat membahaskan pembentangan usul Rancangan Malaysia Yang Ketujuh.

Oleh yang demikian, tempoh Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Rakyat sekarang ini ialah dari 25 Mac hingga 16 Mei 1996.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PEMANTAPAN INSTITUSI KEKELUARGAAN MELALUI PROGRAM "JAYA WARIS"

1. **Tuan Md. Isa bin Sabu** minta Perdana Menteri menyatakan apakah pendekatan dan kaedah yang akan digunakan bagi memantapkan institusi kekeluargaan melalui "Jaya Waris" oleh BTN. Adakah pihak BTN mempunyai pakar-pakar tertentu agar program ini menjadi kenyataan yang berkesan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Biro Tata Negara akan melancarkan program baru yang dinamakan "Jaya Waris" iaitu satu program untuk menjayakan waris kita ataupun Program Pendidikan Keibubapaan dan Pembangunan Keluarga.

Program ini menggunakan pendekatan penyemaian penyuburan potensi dan pencegahan. Ianya dilakukan menerusi pengukuhan dan pemantapan institusi keluarga membina generasi hari muka. Pembangunan keluarga ini akan

digerakkan melalui pembangunan diri, keluarga, organisasi dan masyarakat untuk menghayati nilai-nilai mulia.

Oleh kerana program ini bersifat permasyarakatan dan kumpulan sasarannya adalah terdiri daripada pelbagai golongan, maka kaedahnya juga dipelbagaikan. Sukacita dimaklumkan bahawa program ini akan dilancarkan dengan rasminya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 13 April 1996 di Dewan Muktamar, Pusat Islam.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan. Dalam pendekatan Biro Tata Negara, dalam usaha menjayakan "Jaya Waris" ini, apakah pihak kerajaan mengutamakan nilai-nilai keagamaan dan juga nilai-nilai kebudayaan masyarakat Malaysia?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, dalam pembangunan masyarakat khususnya bayi dan sebagainya, nilai-nilai masyarakat umum, ini termasuklah nilai-nilai murni dan budaya, semuanya diambil kira dan nilai-nilai agama juga diambil kira dalam usaha-usaha untuk meningkatkan kemantapan institusi keluarga dan masyarakat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pandangan pihak kerajaan pada waktu ini yang boleh mendorong pihak BTN melancarkan "Jaya Waris"? Apakah sebenarnya permasalahan dalam masyarakat kita sekarang ini begitu serius dan meruncing sehinggakan pihak BTN menimbulkan idea untuk melancarkan "Jaya Waris" ini? Kalau permasalahan keluarga berlaku di dalam masyarakat Malaysia ini, apakah ianya begitu serius dan tidak boleh dibendung sama sekali?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita lihat pada masa ini ialah masalah remaja yang mencerminkan sedikit sebanyak masalah yang dihadapi

oleh masyarakat. Ini kalau kita kaji daripada pengalaman-pengalaman masyarakat di Barat, berpunca daripada kemasukan masyarakat yang asalnya masyarakat tani, masuk ke masyarakat perindustrian dengan cepat. Oleh kerana perpindahan ini, maka budaya asalnya yang berteraskan kepada budaya tani, bila masyarakat ini berpindah kepada bidang perindustrian dan mereka terpaksa berhijrah dengan ramai, maka budaya di tempat yang baru ini belum lagi bertapak dan ini menyebabkan masyarakat menghadapi masalah-masalah tertentu dan banyak yang sesat di dalam keadaan ini.

Malaysia hari ini juga mula memasuki dalam bidang perindustrian dengan cepat dan menyebabkan ramai daripada masyarakat kita berpindah ke bandar-bandar dan tinggal di kawasan-kawasan yang asas budaya belum lagi bertapak. Maka ini membangkitkan masalah-masalah yang kita lihat hari ini timbul baik pun masalah terlibat dengan dadah dan juga bohsianya, kita lihat bercambah pada baru-baru ini dan kita berharap melalui pengenalan dan atas perlunya ilmu untuk mendidik anak-anak ini disedari dan diamalkan oleh masyarakat, kita berharap ianya akan sedikit sebanyak mula memberikan asas yang kuat untuk pembangunan masyarakat.

MURID CEMERLANG DI SRJK(T) DAN SRJK(C) KE TINGKATAN SATU

2. **Dr. G. Leelavathi** minta Menteri Pendidikan menyatakan oleh kerana kementerian beliau telah mengumumkan akan meletakkan murid-murid SRJK(T) dan SRJK(C) yang mendapat keputusan cemerlang bagi Peperiksaan Darjah Enam terus ke Tingkatan Satu, mengapa terdapat banyak murid yang mencapai kejayaan cemerlang masih ditempatkan di dalam Kelas Peralihan. Adakah kementerian

sedar dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pelajar SRJK(C) dan SRJK(T) yang berkelayakan telah ditempatkan ke Tingkatan Satu kecuali sebahagian kecil pelajar iaitu 4.72% kekal di Tingkatan Peralihan atas permintaan ibu bapa mereka.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila Kelas Ekspres atau Kelas Lompat yang akan diperkenalkan untuk murid-murid yang cemerlang di dalam Darjah Tiga pada tahun ini, saya ingin tahu adakah murid-murid dari SRJK(T) yang terpilih dalam kelas lompat ini akan diberi secara automatik supaya tidak mengikuti Kelas Peralihan apabila mereka di dalam Darjah Enam nanti?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, rancangan double promotion itu, iaitu mengizinkan sebilangan pelajar yang telah mencapai kecemerlangan dalam satu ujian khas di Darjah Tiga itu untuk membolehkan mereka memasuki Darjah Lima, rancangan itu adalah berasingan dengan rancangan ini. Ertinya pelajar-pelajar yang memenuhi syarat-syarat yang ditentukan akan terus juga dibenarkan untuk memasuki Tingkatan Satu tanpa mengikuti kelas peralihan.

Dr. G. Leelavathi: Berapakah jumlah SRJK(T) di seluruh negara sehingga kini dan adakah cadangan untuk membina bangunan yang baru SRJK(T) Methodist di Kapar dan SRJK(T) Ladang Ledang, Bahau. Jika ada bila dan berapakah peruntukan bantuan khas akan dibelanjakan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, rasanya soalan itu berlainan daripada soalan asal.

**MALAYSIA EAST ASIA
SATELLITE-1 (MEASAT-1)—
JUMLAH PERBELANJAAN**

3. Datuk Song Swee Guan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengenai jumlah perbelanjaan yang digunakan oleh kerajaan dalam mereka membina dan melancarkan Malaysia East Asia Satellite-1 (MEASAT-1) dan bagaimana Malaysia dijangka memperolehi faedah daripada kewujudannya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melesenkan Syarikat Binariang Satelit Sistem Sdn. Bhd., yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk merekabentuk, membina dan melancarkan Sistem Satelit MEASAT.

Kos perbelanjaan untuk MEASAT-1 dan MEASAT-2 yang dijangka akan dilancarkan pada bulan Oktober tahun ini termasuk kos satelit, pelancaran, insurans serta pusat kawalan satelit di Langkawi berjumlah RM650 juta.

Faedah-faedah yang akan diperolehi kepada negara dengan pelancaran Satelit MEASAT ini adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan infrastruktur, komunikasi bagi perkhidmatan kerajaan dan swasta di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil;
- (ii) mewujudkan perkhidmatan rangkaian satelit bersendirian (private satellite network), dengan izin, untuk menyokong pelbagai industri yang sedang bergiat di Malaysia termasuk pembalakan, banking, bidang penggalian khususnya dalam bidang minyak dan gas, pendidikan (education), dengan izin, pengangkutan;

(iii) menerokai dalam bidang teknologi angkasa; dan

(iv) boleh menyokong perkembangan lebih raya maklumat dan multimedia super corridor.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana teknologi Malaysia dalam MEASAT-1 atau adakah kita beli 100% yang dibina oleh orang lain kemudian dilancarkan maka kita claim itu hak Malaysia, sejauh mana teknologi Malaysia dalam MEASAT-1?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan sebentar tadi, dengan pelancaran MEASAT-1 ini membolehkan Malaysia menerokai dalam bidang teknologi angkasa. Buat masa ini sungguhpun satelit ini adalah buatan Amerika dan dilancarkan oleh pihak Perancis, tetapi walau bagaimanapun dengan pelancarannya dan pengwujudan satu pusat kawalan satelit di Langkawi, maka pihak Malaysia berharap technology transfer ini akan wujud tidak lama lagi.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan pelancaran MEASAT-1 ini, bolehkah Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bilakah kerajaan boleh memberikan perkhidmatan satelit TV melalui penggunaan parabolic disc.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, dengan pelancaran MEASAT-1, Syarikat Binariang melalui anak syarikatnya Binariang Broadcasting Sdn., Bhd., dijangka akan memulakan perkhidmatan satelit TV atau lebih tepat dikenali sebagai Direct To Users (DTU) pada bulan Ogos tahun ini dan di bawah program tersebut rakyat Malaysia boleh dapat menerima 20 lagi channel television dan 8 channel radio dengan menggunakan parabolic discs.

**SKANDAL KEWANGAN
TAN SRI LOY HEAN HEONG—
SIASATAN OLEH
SURUHANJAYA SEKURITI**

4. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Kewangan menyatakan apakah hasil penyiasatan oleh Suruhanjaya Sekuriti mengenai skandal kewangan Tan Sri Loy Hean Heong, Ketua Pengarah MBf Finance Sdn. dan MBf Holdings Bhd, dalam projek perumahan Taman Miharja di mana sejumlah besar wang daripada MBf Finance Bhd. telah disalurkan ke dalam projek tersebut di mana beliau dianggap ada kepentingan oleh Hakim Mahkamah Tinggi.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, kes pemberian pinjaman oleh MBf Finance Berhad kepada projek perumahan Taman Miharja tidak dibuat siasatan oleh Suruhanjaya Sekuriti kerana ianya adalah di bawah bidangkuasa Bank Negara Malaysia.

Mengenai kes itu, pihak Bank Negara Malaysia mendapati ia hanyalah berkaitan dengan urusan perlantikan MBf Properties Services Sdn. Bhd., sebagai pengurus projek kepada pemaju taman perumahan tersebut iaitu Uncang Mas Sdn. Bhd. dan Miharja Development Sdn. Bhd.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes itu telah pun diputuskan oleh Mahkamah Tinggi pada bulan November, 1994 di mana pihak mahkamah telah memberi kebenaran kepada Syarikat Uncang Mas Sdn. Bhd. dan Miharja Development Sdn. Bhd. untuk menarik balik petisyen penggulangan yang dikemukakan oleh mereka. Mahkamah Tinggi juga membenarkan penghakiman kebenaran (consent judgement), dengan izin, yang melibatkan perkara-perkara berikut:

- (i) pemindahan syer-syer dalam Uncang Mas dan Miharja kepada Insa Harta Sdn. Bhd;

- (ii) pembayaran sebanyak RM6 juta oleh Insa Harta kepada pengarah-pengarah Uncang Mas dan Miharja; dan
- (iii) pemegang-pemegang syer Uncang Mas dan Miharja melepaskan hak masing-masing dalam kedua-dua syarikat ini.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ada satu rekod bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi jaminan dalam Parlimen ini dalam bulan Jun, 1995 di mana Yang Berhormat ada mengatakan, beliau akan mengarah Security Commission untuk menyiasat laporan yang terkandung dalam soalan ini dan mengapa kini beliau berkata Security Commission tidak ada hak untuk menjalankan penyiasatan ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengatakan saya mengarah Bank Negara Malaysia untuk menyiasat perkara ini. Jadi persoalan Bank Negarakah, Security Commissionkah, kedua-duanya adalah agensi yang bertanggungjawab, jadi sesiapa yang menjalankannya tidak relevan dalam hal ini, asalkan ianya telah dijalankan dan ianya telah pun dijalankan.

**PROJEK JANAKUASA
HIDRO ELEKTRIK ULU SUNGAI
LABUK—ANALISA EIA**

5. Tuan Asmat Nungka minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah pihak kementerian khususnya Lembaga Letrik Negara telah membuat analisa EIA kesesuaian projek Janakuasa Hidro Elektrik Ulu Sungai Labuk. Jika ya, apakah rancangan kerajaan untuk mencegah hakisan sungai terutamanya di muara Sungai Labuk, pencemaran sungai dan sungai yang akan menjadi cetek; dan

- (b) apakah perancangan kementerian untuk mengatasi masalah bekalan elektrik di sepanjang Lebuhraya Sandakan-Kota Kinabalu dari Batu 26 hingga Batu 32. Jika tidak, adakah pihak kementerian melalui Lembaga Letrik Negara akan meluluskan lesen persendirian pembekalan elektrik kepada syarikat-syarikat swasta yang berkelayakan dalam menangani masalah ini.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat satu kajian kesan alam sekitar EIA terperinci telah dilaksanakan oleh Lembaga Letrik Sabah pada tahun 1989. Berdasarkan garis panduan Jabatan Alam Sekitar kajian EIA ini telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar setelah mendapatinya tidak memberi kesan negatif. Walau bagaimanapun pihak Jabatan Alam Sekitar telah mengarahkan Lembaga Letrik Sabah untuk membuat kajian tambahan iaitu bagi pelan pengurusan kawasan tadahan.

Berdasarkan kajian EIA, pembinaan empangan di Paso tidak akan memberi kesan hakisan terhadap muara Sungai Labuk di mana empangan akan dibina.

- (b) Lembaga Letrik Sabah akan membuat feasibility study bagi pembekalan tenaga elektrik ke kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu di sepanjang Lebuhraya Sandakan-Kota Kinabalu dari Batu 26 hingga Batu 32 melalui cara-cara lain, umpamanya pemasangan talian 33 KV dan sebagainya. Pada ketika ini Lembaga Letrik Sabah belum dapat membekal tenaga elektrik ke kawasan sepanjang kawasan

yang disebutkan tadi kerana kedudukannya yang terlalu jauh daripada punca pembekalan bagi pengagihan melalui sistem talian 11 KV.

Lembaga Elektrik Sabah juga akan melaksanakan penyambungan stesen-stesen janakuasa Pantai Timur melalui Rangkaian Grid Penghantaran 132 KV dalam beberapa tahun yang akan datang. Dengan adanya grid tersebut kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini akan dapat menikmati perkhidmatan bekalan elektrik kelak.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan mengenai soalan (b). Tadi, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa beberapa langkah akan diambil tetapi tidak ada tarikh yang spesifik (specific date) yang dikatakan bilakah kemudahan-kemudahan bekalan elektrik akan dibekalkan ke jalan raya sepanjang Sandakan-Kota Kinabalu ini ataupun khususnya di antara Sandakan dengan Tuaran. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya kata tadi, oleh kerana tempat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ini terlalu jauh daripada kawasan pengagihan. Yang terdekat sekali adalah di Beluran Stesen Janakuasa, iaitu 30 kilometer dan dari Sandakan 40 kilometer, maka memang susah sekarang bagi pihak LS untuk membekalkan elektrik. Walau bagaimanapun, sepertimana yang saya katakan tadi juga, Lembaga Elektrik Sabah akan melaksanakan penyambungan stesen-stesen janakuasa. Saya kata dalam beberapa tahun yang akan datang, spesifiknya ialah dalam tahun 2001.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Timbalan Menteri tadi telah mengatakan bahawa kesan kajian EIA tidak menunjukkan kesan negatif. Soalan saya, adakah

kementerian beliau sedar bahawa memang banyak kampung yang terlibat dalam pelaksanaan pembinaan empangan ini dan di antara kampung-kampung yang terlibat itu adalah di kawasan saya, iaitu di Kawasan Kinabalu. Jadi, soalnya, adakah pihak kementerian telah mengenal pasti kawasan yang telah terlibat ataupun ditenggelami oleh air dan juga kawasan penempatan baru untuk menempatkan penduduk kampung yang terlibat dan kalau sudah bilakah perkara ini akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, rasanya, soalan itu berlainan langsung daripada soalan asal. Soal yang ditanyakan ialah soal yang lain, Yang Berhormat.

**TUNTUTAN ORANG AWAM
KERANA KECUAIAN
DAN SALAH LAKU
UNDANG-UNDANG**

6. Tuan Kamarudin bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang ditanggung keseluruhannya akibat tuntutan orang awam terhadap kerajaan kerana kecuaiian dan salah laku undang-undang diselesaikan melalui mahkamah dan di luar mahkamah bagi tiap-tiap negeri termasuk terhadap Kerajaan Persekutuan sejak 10 tahun yang lalu hingga kini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, sejak 10 tahun yang lalu, yakni dari tahun 1985 sehingga tahun 1995, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah RM67,287,365 juta bagi membayar segala tuntutan orang awam terhadap kerajaan kerana kesalahan kecuaiian dan salah laku undang-undang yang diselesaikan melalui mahkamah dan di luar mahkamah. Butir-butir untuk setiap kerajaan negeri tidak dapat diberi dalam masa yang singkat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jumlah RM67 juta yang telah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada pihak-pihak yang menuntut adalah suatu jumlah yang besar. Saya ingin tahu, oleh kerana kecuaiian ini dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan atau penjawat-penjawat awam, apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka ini untuk memberi suatu kompensasi terhadap justifikasi kerajaan membayar sejumlah wang yang begitu besar. Apakah bentuk-bentuk tindakan sama ada tindakan disiplin, tindakan buang kerja atau tindakan-tindakan lain telah diambil terhadap mereka yang cuai ini. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang telah diambil terhadap pegawai-pegawai ini adalah tindakan-tindakan yang diizinkan mengikut perjanjian di antara pekerja itu dengan kerajaan. Saya tidak mempunyai detailnya, tetapi kalau Yang Berhormat mahu, boleh kita minta untuk di jawab secara bertulis.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Speaker, dalam tahun 1995, 11 orang Pegawai Polis termasuk pegawai atasan ada terlibat dengan kematian seorang mekanik Lee Quat Leong. Hanya dua orang yang didakwa di dalam mahkamah disabit dan dipenjarakan, tetapi 9 orang yang lain tidak ada apa-apa tindakan yang diambil terhadapnya. Soalan saya, pertama, adakah kerajaan bersedia untuk membayar ganti rugi kepada balu dan anak mekanik ini? Soalan kedua, apakah tindakan disiplin atau tindakan lain yang diambil terhadap 9 orang pegawai yang lain termasuk pegawai atasan dalam PDRM?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan saya jelas menunjukkan bahawa kalau didapati betul sesuatu

perkara yang telah dibangkitkan itu, sememangnya, kerajaan membayar tuntutan orang awam terhadap pegawai yang telah cuai dan melakukan kesalahan undang-undang. Oleh kerana ini satu soalan yang khusus, saya rasa dalam kes ini belum diselesaikan lagi.

TANAH LOMBONG TERBIAR— PENGAGIHAN KEPADA PETANI

7. Dato' Hew See Tong minta Menteri Pertanian menyatakan walaupun pentadbiran tanah ialah di bawah kawalan kerajaan negeri, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pertanian dan agensi-agensi negeri bagi memastikan pembahagian tanah-tanah lombong terbiar diagih-agihkan kepada petani-petani yang benar-benar ingin mengusahakannya untuk projek pertanian sahaja, terutamanya di kawasan Lembah Kinta yang mempunyai lebih daripada 90,000 hektar tanah-tanah bekas lombong yang berpotensi untuk dimajukan dengan tanaman, akuakultur dan penternakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Dato' Abu Bakar bin Taib): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Yang Berhormat telah maklum, pengagihan tanah-tanah lombong terbiar adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, untuk menggalakkan pembangunan kawasan-kawasan bekas tanah lombong, Kementerian Pertanian melalui jabatan atau agensi di bawahnya memberikan khidmat nasihat dan syor-syor mengenai tanaman yang boleh diusahakan. Dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti pemulihan tanah dan pengurusan ladang yang baik, tanaman-tanaman seperti betik, belimbing, sayur-sayuran, ubi kayu, ubi keledek, kacang tanah, sengkayang, bunga-bunga, tanaman hiasan dan sebagainya adalah sesuai dan ekonomik untuk diusahakan.

Sementara itu Jabatan Perikanan juga sedang menyediakan Pelan Operasi

Akuakultur Negeri Perak. Melalui Pelan Tindakan Akuakultur tersebut, dicadangkan diwujudkan Zon Ternakan Ikan Hiasan di Lawan Kuda (seluas lebih kurang 400 hektar) dan Zon Ternakan Airtawar di Malim Nawar (seluas kira-kira 400 hektar).

Di bidang penternakan pula, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah menyediakan perkhidmatan veterinar dan khidmat nasihat, menyokong permohonan, serta membantu menilai kesesuaian tanah kawasan bekas lombong berkenaan untuk penternakan. Penternakan yang sesuai adalah penternakan itik, ayam atau penternakan ruminan secara feedlot.

Adalah diharapkan pihak berkuasa negeri akan menyediakan kemudahan infrastruktur, susunatur dan pecahan lot-lot dan kaedah pengagihan kepada pengusaha-pengusaha yang ingin menjalankan usaha-usaha tersebut.

RUMAH KOS RENDAH— JUMLAH UNIT SIAP DIBINA

8. Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sehingga 31.12.1995, berapakah unit rumah kos rendah yang telah siap dibina. Sila nyatakan jumlah unit yang telah siap dibina mengikut negeri-negeri; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja dapat membeli rumah kos rendah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Disember, 1995 sebanyak 258,000,010 unit rumah kos rendah dianggar telah siap dibina.

Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah
Johor	45,566
Kedah	39,823
Kelantan	4,697
Melaka	5,954
Negeri Sembilan	12,395
Pahang	16,967
Perak	22,613
Perlis	2,439
Pulau Pinang	18,044
Selangor	59,789
Terengganu	8,428
Kuala Lumpur	11,348
Sabah	4,427
Sarawak	5,440
JUMLAH	258,010

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sedang menyediakan sistem pendaftaran terbuka yang seragam bagi mendaftar dan memilih bakal-bakal pembeli rumah kos rendah awam dan swasta untuk digunakan oleh kerajaan-kerajaan negeri bagi menentukan golongan yang layak sahaja mendapat kemudahan rumah kos rendah.

Pengwujudan sistem pendaftaran terbuka yang seragam bagi mendaftar dan memilih bakal pembeli rumah kos rendah kerajaan dan swasta akan memperbaiki lagi proses pemilihan ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar kenyataan-kenyataan daripada pihak kementerian bahawa salah satu masalah mengapa ketidakcukupan rumah murah ini berlaku kerana keengganan pihak-pihak swasta untuk mengambil bahagian membina rumah-rumah murah kerana harga atau keuntungannya yang terlalu sedikit. Apakah pihak kerajaan berhasrat untuk berunding dengan kerajaan tempatan supaya membenarkan majlis-majlis kerajaan tempatan iaitu majlis-majlis daerah dan majlis-majlis

perbandaran di seluruh negara memberi kuasa kepada mereka dengan menggunakan tabung yang ada di peringkat mereka untuk membina lebih banyak rumah-rumah murah? Soalan pertama. Yang kedua.....boleh yang kedua?

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja. (Disampuk) (Ketawa)

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, dari segi pencapaiannya, pihak swasta telah mendapat pencapaian yang agak baik iaitu lebih daripada 100% sasaran, manakala pihak awam ataupun pihak kerajaan pencapaiannya hanya 30% sahaja. Jadi, anggapan Yang Berhormat dari Macang yang mengatakan pihak swasta tidak membina rumah-rumah kos rendah ini agak kurang tepat.

Bagaimanapun, walaupun pencapaiannya baik, kita masih berharap agar pihak swasta dapat memainkan peranan yang lebih agresif lagi untuk membina rumah-rumah kos rendah, terutama sekali di kawasan-kawasan di mana permohonannya begitu tinggi misalnya di Johor, Wilayah Persekutuan, Selangor dan juga Pulau Pinang.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, berapakah orang yang tidak layak telah memperolehi rumah kos rendah itu dan apakah tindakan yang akan diambil, sama ada rumah itu akan diambil balik dan di bawah peraturan mana yang boleh dijalankan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian tidak ada mempunyai angka berkenaan dengan mereka yang tidak layak tetapi dapat memiliki rumah-rumah kos rendah ini. Bagaimanapun, kalau pihak negeri mempunyai satu senarai berkomputer, pemohon-pemohon yang layak untuk memohon rumah-rumah kos rendah, dan kalau misalnya senarai

komputer ini dihantar ke kementerian, apabila seseorang itu mendapat rumah murah, maka kita akan dapat menyemak senarai sama ada nama mereka ada di dalam daftar senarai pemohon ataupun tidak.

Maka dengan senang kita akan dapat angka-angka berkenaan dengan mereka yang tidak layak yang memiliki rumah-rumah kos rendah. Daripada senarai-senarai ataupun daripada maklumat yang kita perolehi, ada juga mereka yang tidak layak memiliki rumah-rumah kos rendah. Tetapi dalam perkara ini saya rasa, dengan izin, prevention is better than cure. Tidak memberikan mereka peluang untuk memiliki rumah kos rendah lebih senang daripada kita hendak merampas rumah-rumah ini apabila mereka sudah dapat membeli rumah-rumah kos rendah.

Itulah sebabnya kementerian memang meminta kerjasama kerajaan negeri supaya di pihak negeri ada satu senarai berkomputer dan seandainya kita mempunyai cukup kewangan, maka komputer daripada negeri akan dihubungkan dengan komputer di pihak kementerian supaya kita akan ada senarai komputer berpusat di Kuala Lumpur untuk semua negeri dan kita akan dapat monitor pemilik-pemilik rumah kos rendah ini dengan senang sekali.

JABATAN HASIL DALAM NEGERI—MEMPERBADANKAN

9. Tuan Hoo Seong Chang minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) akan diperbadankan dan apakah perubahan dari segi pengurusan setelah JHDN diperbadankan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Hasil Dalam Negeri telah diperbadankan mulai daripada 1hb Mac tahun ini dan nama Jabatan Hasil Dalam

Negeri telah ditukarkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Perubahan dari segi pengurusan ialah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia kini ditadbir oleh sebuah Lembaga Pengarah yang dilantik oleh kerajaan yang diketuai oleh seorang pegawai, seorang Pengerusi Eksekutif yang bertanggungjawab terus kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Lembaga ini diberi kuasa di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menjalankan kegiatan-kegiatannya yang berhubung dengan tugas-tugas kutipan cukai pendapatan dan urusan-urusan yang berhubung dengan pekerja seperti perlantikan kakitangan, latihan tatatertib, menawarkan gaji yang kompetitif dan juga tugas-tugas kewangan seperti menawarkan kontrak dan pengurusan amnya.

Peruntukan ini membolehkan Lembaga ini menjalankan tugasnya dengan lebih cekap dan berkesan dengan kuasa autonomi dan fleksibiliti pengurusan yang diberikan seperti yang dijelaskan.

BEKALAN SIMEN— LANGKAH MENGATASI KEKURANGAN

10. Tuan Chang See Ten minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan tentang kedudukan bekalan simen pada masa kini dan sama ada ia mencukupi untuk keperluan sektor pembinaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho): Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada pertambahan purata permintaan di Semenanjung sebanyak 14%, bekalan simen daripada pengeluar-pengeluar tempatan tidak mencukupi untuk menampung keperluan pada tahun 1996.

Pengeluaran daripada 7 buah kilang di Semenanjung dianggarkan sebanyak 11.4 juta tan sementara keperluan dijangkakan sebanyak 12 juta tan, iaitu kekurangan sebanyak 600,000 tan untuk keseluruhan tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kilang-kilang di negara ini masih tidak mampu membekalkan simen yang secukupnya untuk keperluan negara, sebagai langkah jangka pendek, import simen masih diperlukan. Bekalan import sudah pun terjamin melalui 2 buah kapal terapung yang sedang beroperasi di pelabuhan barat Pelabuhan Kelang.

Kedua-dua buah kapal ini akan beroperasi sehingga bulan Disember dan mampu membekalkan simen sebanyak 100,000 tan sebulan atau lebih 1 juta tan sepanjang tahun. Di samping itu, kerajaan telah pun mengiktiraf 4 buah kilang di negeri China yang mengeluarkan simen mengikut standard yang ditetapkan bagi membolehkan pemaju binaan dan peniaga mengimport simen.

Berdasarkan sumber-sumber tersebut, kerajaan yakin bekalan simen untuk tahun 1996 adalah mencukupi untuk menampung keperluan negara.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian telah menyiasat sama ada benar atau tidak bahawa satu daripada sebab mengapa krisis kekurangan simen menjadi lebih serius dan rumit ialah kerana pengeluar-pengeluar kilang tempatan ini mengeluarkannya secara pukal dan ini menyusahkan kontraktor-kontraktor yang tidak mampu membeli secara pukal. Oleh sebab itu, adakah tindakan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa pengeluar-pengeluar kilang tempatan tidak mengeluarkan simen secara pukal, tetapi juga berasingan kepada kontraktor-kontraktor kecil?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, kementerian dimaklumkan bahawa permintaan ke atas simen sederhana kerana projek-projek pembinaan baru bermula selepas musim perayaan. Pada masa lepas, oleh kerana pembangunan atau pembinaan yang pesat di negara kita, oleh itu, berlakulah kekurangan simen di negara kita. Tetapi kerajaan telah mengambil langkah, iaitu menggalakkan peniaga atau kontraktor-kontraktor mengimport simen dari negara asing.

Untuk memastikan bekalan simen yang mencukupi, kerajaan telah menggalakkan kilang simen tempatan mengambil langkah yang bersesuaian, misalnya pembesaran kilang dan pembinaan kilang baru dan langkah-langkah ini pun telah dilaksanakan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingin bertanya tentang pengeluaran secara pukal, oleh sebab itu ia menyusahkan kontraktor-kontraktor kecil kerana mereka tidak mampu apabila simen ini dikeluarkan secara pukal. Mereka hanya boleh membelinya kalau ia dibuat di dalam beg. Pukal ialah bulk. Itu secara besar-besaran. (*Disampuk*)

Tuan Tan Chai Ho: Saya akan teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Kerana tak jawab soalan saya.

Tuan Tan Chai Ho: Kementerian telah memberi arahan kepada kilang simen tempatan supaya membuat simen pukal yang berlebihan supaya kontraktor akan dapatnya dengan mudah.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen

menyatakan bahawa ada beberapa syarikat yang telah diberi kebenaran untuk mengimport simen dari luar negara. Soalan tambahan saya ialah adakah harga simen yang diimport itu sama dengan harga yang dibayar untuk simen yang dikeluarkan dalam negeri. Kalau sama, kenapa?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengiktiraf kilang pembuat simen di Negeri China dan harga simen import adalah sama dengan harga simen kilang tempatan tetapi mereka boleh tambah kos pengangkutan sahaja.

**PERUNTUKAN BAGI
MEMAJUKAN KAWASAN
LUAR BANDAR DI SARAWAK—
JUMLAH**

11. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapakah peruntukan diagihkan bagi memajukan kawasan luar bandar di Sarawak, dan berapakah peruntukan diagihkan bagi kawasan Selangau bagi membina jalan-jalan kampung dan kemudahan asas yang lain bagi penggal 1996.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1996, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mencadangkan anggaran peruntukan sebanyak RM90.43 juta untuk memaju dan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar di Sarawak. Pada masa ini pihak Pegawai Pembangunan Negeri Sarawak dan kementerian sedang mengenal pasti projek-projek di semua kawasan negeri Sarawak dan bagi kawasan Selangau peruntukan sebanyak RM1.4 juta sedang ditimbangkan.

**PENDATANG ASING DI
KAWASAN SETINGGAN—
TINDAKAN**

12. Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah benar Kuala Lumpur dan Johor Bahru menjadi tumpukan kepada pendatang-pendatang asing dan menjadi penduduk di kawasan setinggan; dan
- (b) apakah benar pendatang-pendatang ini telah menduduki tanah-tanah kerajaan secara haram; dan jika ya, apakah tindakan kementerian dalam menangani masalah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Memang benar Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Selangor menjadi tumpuan mereka yang mendirikan rumah-rumah setinggan. Inilah salah satu sebab kenapa projek perumahan rakyat yang dibina untuk disewa tertumpu ke kawasan-kawasan ini.
- (b) Memang benar ada pendatang-pendatang yang telah menduduki tanah-tanah kerajaan secara haram. Bagaimanapun, selain dari Wilayah Persekutuan, perkara yang berbangkit adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Bagi kawasan Kuala Lumpur, tindakan telah diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai pihak yang berkuasa terhadap perkara berkaitan dengan tanah dalam kawasan Wilayah Persekutuan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa pihak kerajaan tempatan tidak dengan lebih awal lagi mengambil langkah-

langkah yang berkesan untuk mencegah daripada berlakunya kampung-kampung haram ini memandangkan di dalam lebih satu dekad ini kita semua pun tahu, kalau kita pergi ke Ampang pun kita tahu, di tempat-tempat di mana...

Beberapa Ahli: Kepong! (*Ketawa*)

Seorang Ahli: Soalan!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalnya Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Di Kepong kita mengambil tindakan dengan serta-merta, tidak wujud kampung haram – serta-merta, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, mengapa pihak Kerajaan Persekutuan tidak mengambil tindakan melalui kerajaan-kerajaan negeri untuk mencegah daripada berlakunya perkara ini. Memandangkan di dalam lebih satu dekad kita pun tahu, di Ampang misalnya di lereng bukit kadangkala tumbuh dengan begitu pesat.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya?

Seorang Ahli: Soalan, bukan ceramah!

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu sudah cukup!

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan itu tanya, ini satu penjelasan untuk memahamkan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Saya sendiri pun faham. (*Ketawa*)

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ahli Yang

Berhormat dari Kepong seandainya pada masa yang akan datang kalau kerajaan bertindak merobohkan rumah-rumah setinggan di kawasan-kawasan haram, kita tidak mahu melihat anggota-anggota Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri daripada DAP berdiri di hadapan bulldozer-bulldozer mempertahankan rumah-rumah setinggan. (*Tepuk*) Kita mengambil.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka!

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh check *Hansard* esok, dia tidak sebut pendatang haram, 'rumah-rumah haram', dia tidak sebut pendatang haram. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita hendak tahu sama ada rumah yang berkenaan didirikan oleh pendatang ataupun orang tempatan kerana tanah kepunyaan orang tempatan dijual kepada pendatang, akhirnya baru kita tahu melalui akhbar.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan di kementerian bahawa tanah-tanah di mana rumah-rumah ini dibina di Selangor tidak termasuk dalam kawasan majlis tempatan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tak merapu macam Kepong. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sama ada sekarang ini berbangkit daripada kes-kes di mana banyak penempatan haram oleh pendatang haram di kawasan-kawasan luar daripada Wilayah Persekutuan. Adakah pihak Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menjalankan satu kajian di Wilayah Persekutuan sendiri sama ada terdapat lagi kawasan-kawasan haram yang dibina oleh pendatang-pendatang haram?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, selepas perkara ini timbul dalam akhbar, pihak kementerian akan berhubung rapat dengan pihak-pihak berkuasa tempatan sama ada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun Majlis Perbandaran Shah Alam dan lain-lain supaya kita dapat maklumat yang tepat berkenaan dengan pendudukan haram ini. Bagaimanapun, ingin ditegaskan kepada pihak-pihak majlis daerah ataupun pejabat-pejabat tanah sebagaimana yang saya sebutkan dalam soalan saya yang ke-8 tadi 'prevention is better than cure', dengan izin, kerana apabila rumah-rumah ini telah pun dibina dengan harga RM70,000 dan sebagainya memang susah kita hendak menolak kerana akan timbul berbagai-bagai masalah. Oleh itu, lebih cepat lagi pihak-pihak berkuasa tempatan ataupun pejabat tanah bertindak sebelum rumah-rumah ini didirikan, lebih baik lagi kepada kita semua.

SIARAN BAHASA IBAN MELALUI RANGKAIAN RADIO FM — PELAKSANAAN

13. Tuan Jimmy Donald minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah siaran Bahagian Bahasa Iban di Sarawak akan disiarkan melalui rangkaian FM.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kementerian Penerangan untuk memperluaskan perkhidmatan penggunaan Radio FM di seluruh negara. Namun begitu, pelaksanaannya adalah secara berperingkat-peringkat dan bergantung kepada peruntukan kewangan.

Pada peringkat sekarang ini, perkhidmatan Radio FM ditumpukan kepada siaran-siaran radio utama. Dalam hubungan ini, negeri Sarawak telah pun menerima 6 siaran Radio FM iaitu Saluran 1, Saluran 2 Radio Muzik, Siaran 3 Rangkaian Nasional Bahasa Malaysia, Saluran 4 Radio Empat, Saluran 5 dan Saluran 6 untuk bahasa Cina dan Inggeris.

Memandangkan masyarakat Iban kebanyakannya terletak di pedalaman, siaran menggunakan gelombang pendek dengan kekuatan 100 kilowatt yang ada sekarang ini telah banyak memperluaskan liputan siaran Iban yang selama ini agak terhad apabila disiarkan menerusi gelombang sederhana.

Mengenai dengan usaha untuk rangkaian FM baru meliputi seluruh negeri Sarawak memerlukan perbelanjaan yang besar. Dalam hubungan ini, RTM menerusi Kementerian Penerangan akan terus memperbaiki kemudahan ini pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Jimmy Donald: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah mendengar jawapan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi dan saya juga telah difahamkan bahawa jentera untuk kemudahan FM dalam bahagian bahasa Iban memang lama sudah diadakan atau disediakan. Jadi, mengapakah urusan ini telah memakan masa yang begitu lama walaupun memang sudah ada diperuntukkan dari asalnya?

Datuk Mohd. Shafie bin Apdal: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan tadi, memandangkan Sarawak adalah sebuah negeri yang begitu luas, apa yang penting bagi kita ialah kekesanan untuk menerima siaran radio. Bagi hakikat pada hari ini, pada saat ini, apa yang penting bagi kita menerusi 100 kilowatt adalah merupakan satu rangkaian yang berkesan untuk kita menyampaikan maklumat menerusi radio.

Maka sekiranya kita sampaikan maklumat menerusi rangkaian sederhana seperti yang saya nyatakan, agak sulit sedikit kerana banyak kawasan di pedalaman di mana masyarakat Iban tinggal is a bit scattered, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

AJARAN SYIAH— LANGKAH MEMBENDUNG

14. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) dari manakah timbulnya ajaran Syiah;
- (b) di manakah ianya bertapak di Malaysia, siapa pemimpin-pemimpinnya; dan
- (c) apakah tindakan yang diambil bagi membendung kegiatannya setakat ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, ajaran Syiah dilihat dari sudut perkembangannya timbul kira-kira tahun 655 Masihi iaitu setelah Saidina Ali bin Abi Talib diangkat menjadi Khalifah Ar-Rasyidin keempat. Apabila baginda wafat, golongan ini kemudian meningkatkan ketaksuban kepada Saidina Ali dan keturunannya.

Mereka bersifat fanatik dengan pendapat di antaranya Nabi Muhammad S.A.W. telah memutuskan siapa yang akan menjadi khalifah sepeninggalannya berdasarkan satu wasiat ia satu akidah yang penting. Kedua, Khalifah dan imam itu maksum iaitu terpelihara dari dosa dan lahir padanya mukjizat. Ketiga, majoriti para sahabat dianggap murtad dan kafir sepeninggalan Rasulullah S.A.W. Keempat, menghalalkan mutaah.

Tarikh sebenar bila Syiah bertapak di Malaysia tidak diketahui. Namun ia ada kaitan dengan keghairahan segelintir individu terhadap kejayaan Ayatollah Khomeini menumbangkan kerajaan Syah Iran dalam tahun 1979.

Demikian juga siapa pemimpin Syiah tempatan tidak diketahui kerana mereka bergerak secara sendirian atau berasingan.

Kerajaan buat masa ini sedang mengumpul maklumat yang lebih terperinci dan langkah-langkah yang sesuai akan diambil bagi membendung pengaruh ajaran ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang telah dijelaskan tadi, saya ingin bertanya sama ada adakah kes-kes ajaran Syiah sekarang ini berlaku di institusi-institusi pengajian tinggi kerajaan mahu pun swasta dan adakah benar sebagaimana yang didakwa bahawa setengah-setengah daripada pensyarah-pensyarah di universiti berkenaan ada yang menganut fahaman ini dan adakah kes-kes kahwin mutaah sekarang ini diamalkan di negara kita?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tiga soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia sembunyikan.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Yang pertama, sebagaimana yang dinyatakan tadi, kita tidak dapat memastikan secara tepat siapa yang menganut fahaman Syiah yang sebenarnya sama ada di peringkat institusi pengajian tinggi ataupun di luar. Tetapi kalau kita perhatikan, memanglah kita juga mengetahui ada di antaranya itu terlibat di institusi pengajian tinggi dan juga di luar dan kerajaan sedang menyiasat perkara ini.

Saya ambil yang ketiga dulu, mengamalkan kahwin mutaah ini, kita tidak berapa pasti tetapi apa yang kita dapati sekarang ada di antara mereka yang berkahwin tidak menggunakan wali hakim. Mereka hanya kalau bersetuju di antara lelaki dan perempuan, boleh berkahwin dan ini kita anggap di antaranya amalan ini juga merupakan amalan kahwin suka sama suka dan juga kemungkinan mengikut ajaran-ajaran atau kefahaman mereka sendiri, tidak mengikut peraturan Islam yang sebenarnya.

Selain daripada itu, soalan satu lagi, mutaah. Saya sudah sebut kahwin mutaah.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Pengajian tinggi, saya sudah sebut dan yang lain-lainnya, saya kira semuanya saya sudah sebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 43 adalah dijilid dalam naskhah berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan satu Usul iaitu:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi hendaklah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa

halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

**UCAPAN TERIMA KASIH
KEPADA SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN
AGONG**

3.42 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin (Yan): Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah alamin wasalatuwasala muala asyrafil ambia iwalmursalin waalaalhi wasohbihi ajamain.

Tuan Yang di-Pertua, saya Haji Badruddin bin Amiruldin, Ahli Parlimen Yan memohon mencadangkan:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesembilan.”

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai ahli Dewan yang mulia ini sungguh merasa kagum dan bangga di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang begitu cukup prihatin dan mengambil berat tentang pentadbiran kerajaan kita hari ini.

Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh segenap aspek apatah lagi kita akan melangkah ke dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, sudah tentu ianya akan memanfaatkan setiap rakyat Malaysia dan program-program yang akan mengharumkan nama Malaysia di mata dunia.

Kejayaan Rancangan Malaysia Ketujuh akan membawa Malaysia menjadi sebuah negara membangun, oleh yang demikian, marilah kita semua ahli politik, pegawai-pegawai kerajaan dan setiap rakyat bersama mengemblem tenaga menjayakan Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita berbangga menjadi rakyat Malaysia kerana negara kita aman, makmur dan maju. Seluruh dunia mengenali Malaysia kerana kejayaan kita mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan kadar inflasi dan pengangguran yang rendah.

Kita dipuji kerana cekap menguruskan kewangan negara sehingga mampu membayar hutang luar lebih awal daripada tempohnya. Kejayaan ini membolehkan kita memainkan peranan yang berkesan di arena antarabangsa. Suara kita di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan forum-forum antarabangsa dan serantau tidak lagi dianggap suara sumbang yang remeh-temeh. Pandangan dan teguran kita kini diambil kira dan dalam banyak keadaan kita diminta menjadi juru bicara kepada perjuangan negara-negara membangun.

Kita tidak lagi bimbang dan gentar untuk menyuarakan apa yang hak kerana kita tidak lagi berdiri di bawah telunjuk orang lain. Penyertaan kita di dalam menangani krisis antarabangsa seperti di Bosnia, Somalia dan Kampuchea adalah bukti komitmen kita kepada keadilan dan keamanan sejagat. Ini semua dicapai kerana kita mempunyai pemimpin yang berani, tegas, cekap dan pintar.

Bagi pihak semua Ahli Parlimen Barisan Nasional, saya ingin merakamkan perasaan terima kasih dan syabas rakyat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kerana berjaya mengangkat maruah, martabat negara sehingga kita mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain di dunia. *(Tepuk)*

Inilah kali pertama dalam sejarah kita sejak 600 tahun lalu seorang pemimpin Melayu dihormati dan diiktiraf oleh pemimpin dan masyarakat antarabangsa. Kini Malaysia dianggap sebagai 'role model' oleh kebanyakan negara membangun. Kalau dahulu Dato' Seri Dr. Mahathir sibuk melawat ke luar negara mencari rakan kongsi, teknologi dan kemajuan, kini pemimpin-pemimpin negara asing pula silih berganti mengunjungi Malaysia untuk mempelajari pengalaman kita.

Malaysia adalah contoh masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya yang paling aman di dunia. Kita bukan mengangkat diri, tetapi inilah hakikat yang terjelma hasil daripada perkongsian kuasa melalui Barisan Nasional.

Pemimpin-pemimpin dunia mengakui hakikat ini, cuma pemimpin pembangkang yang sejak dahulu hingga sekarang kerjanya membangkang sahaja. Bagaimanapun saya kira di dalam hati kecil Yang Berhormat dari Tanjong, Gua Musang dan Marang mengakui hakikat ini cuma 'tak gamak' hendak luahkan secara terbuka, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan sepanjang tahun 1995 terus berjaya membuktikan kekukuhan ekonomi negara. Pertumbuhan yang dicatat pada kadar 9.6% sepanjang 1995 melampaui paras 9.2% yang dicatat sepanjang 1994. Sekali gus ia juga membuktikan keupayaan ekonomi negara menjana pertumbuhan pada purata 8.9% selama 8 tahun berturut-turut sejak 1988. Dalam hubungan tersebut sektor pembuatan telah memainkan peranan penting sebagai landasan yang melancarkan bagi pertumbuhan tersebut. Kadar pertumbuhan begitu rupa jika diteruskan sehingga awal abad yang akan datang akan memastikan bahawa tahap negara maju akan berjaya dicapai lebih awal daripada tahun 2020.

Mengikut perkiraan saya, jika kadar pertumbuhan ekonomi negara dikekalkan pada purata 8% setahun status negara maju akan dicapai pada tahun 2017 iaitu 3 tahun lebih awal dari tahun sasaran yang ditetapkan. Jika kadar pertumbuhannya dicatat pada purata kadar 9% setahun status negara maju akan dicapai pada tahun 2014, iaitu 6 tahun lebih awal daripada tahun 2020.

Seterusnya jika ekonomi negara dijana pada purata kadar 10% setahun, status negara maju akan tercapai pada tahun 2011 iaitu 9 tahun lebih awal daripada tahun 2020. Namun demikian, kita harus sedar bahawa kadar pertumbuhan tinggi yang dikejar dan bukan pendapatan per kapita yang tinggi yang menjadi matlamat akhirnya. Kita mempunyai agenda yang lebih besar dari itu, agenda untuk memenuhi segala tuntutan, cabaran yang terkandung dalam Wawasan 2020 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Kejayaan Malaysia amat diidamkan oleh pemimpin dan seluruh rakyat Malaysia, ialah kejayaan yang berterusan. Berlipat ganda pertumbuhan ekonomi, aman dan damai. Kejayaan ini hendaklah sama atau jauh melebihi negara maju yang sedia ada dan akan datang

berlandaskan konsep kejayaan yang diadunkan oleh kita sendiri.

Kita kenalah belajar dari sejarah, jika tidak sejarah akan berulang kembali. Sejarah telah membuktikan bahawa sebelum Perang Dunia I meletus negara Argentina merupakan sebuah negara yang terkaya kedua selepas Amerika Syarikat dari sudut pendapatan penduduknya. Pengalaman Argentina jelas menunjukkan kerajaan yang tidak stabil dan tidak kukuh boleh menghancurkan ekonomi sebuah negara yang terkaya pada waktu itu.

Sekarang negara Argentina terletak lebih kurang di tangga 50 setelah mengalami keruntuhan ekonomi akibat ketidakstabilan politik dalam tempoh tiga suku abad.

Tuan Yang di-Pertua, pentingnya pertumbuhan ekonomi memang tiada siapa yang boleh sangkal. Pentingnya industri yang efisien juga tiada siapa yang boleh sangkal untuk pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, apa yang tidak kurang penting, malahan lebih penting ialah bagaimana mahu meningkatkan seluruh rakyat Malaysia supaya lebih efisien, sekiranya peningkatan kecemerlangan seluruh rakyat dipertingkatkan, sekali gus industri dan juga tahap hidup rakyat dan sejahtera akan lebih cemerlang. Sejarah juga telah membuktikan bahawa polisi ekonomi sesebuah negara yang hanya menumpukan semata-mata kepada pertumbuhan ekonomi boleh menghancurkan negara tersebut jika tidak menghiraukan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita inginkan negara kita kaya dan tahap kesejahteraan di kalangan rakyat tinggi kerana ia bukan sahaja tuntutan Tuhan yang maha kuasa, malahan ia juga meningkatkan pengaruh dan maruah Malaysia di dunia ini. Malaysia boleh menjadi contoh sebuah negara Islam yang cemerlang kepada negara-negara Islam yang lain dan kepada

barat yang telah melihat Islam dengan mata kejulungan mereka. Wawasan negara dalam sektor kewangan Malaysia untuk mencapai sistem perbankan Islam sepenuhnya sudah mencerminkan kejayaannya. Dalam tahun 1970-an, Sistem Kewangan Islam tidak wujud di Malaysia. Pada masa itu hanya Lembaga Tabung Haji sahaja yang wujud. Dalam tahun 1993, di samping Bank Islam, kerajaan telah mengambil langkah yang amat wajar dan berani dengan mengamalkan sistem Perbankan Tanpa Faedah.

Kedadaan ini berbeza pada hari ini. Mengikut Laporan Ekonomi 1995/1996 yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan pada akhir Julai, 1995, di samping Bank Islam Malaysia Bhd., Bank Negara telah meluluskan 21 buah Bank Perdagangan, 15 buah syarikat kewangan dan 3 buah merchant bank untuk menawarkan perkhidmatan dalam sistem Perbankan Islam. Di samping itu atas saranan yang kuat dari Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, pada 10 Oktober, 1994, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah menubuhkan satu kumpulan kajian yang terdiri dari ulama dan cendekiawan Islam dalam bidang pasaran modal untuk membuat input dan nasihat dalam usaha membangunkan pasaran modal Islam. Keahliannya, buat masa ini terdiri dari 4 pakar atau Scholar Syariah iaitu Yang Berbahagia Dato' Sheikh Azmi Ahmad, Mufti Pulau Pinang, Dato' Haji Mohamad Khudzairi Haji Dainuri, Timbalan Mufti Johor; Prof. Madya Mohd. Hashim Yahya dari Universiti Islam Antarabangsa dan Ustaz Hassan Haji Ahmad, Fakulti Syariah, Universiti Malaya.

Dari bidang industri pula, dua orang pakar telah dipilih. Mereka ialah Dato' Dr. Halim Ismail, Pengerusi Eksekutif Bank Islam Malaysia Berhad dan Encik Nor Mohamed Yaakob, salah seorang Profesor Universiti Utara yang juga Penasihat AGI Resources Sdn. Bhd. Di

antara lain tugas kumpulan ini ialah untuk memberi nasihat kepada Suruhanjaya Sekuriti mengenai tujuan dan operasi pasaran modal Islam dan untuk memastikan bahawa aktiviti dalam pasaran modal yang dikelaskan selari dengan Islam adalah mengikut prinsip syariah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pasaran modal Malaysia seperti yang ditunjukkan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan KLOFFE adalah di antara yang terkemuka di rantau ini, penglibatan bumiputera sebagai pengurus, dealer dan agen amat terhad sekali. Buat masa ini dealer dan remisier adalah umpama jurujual di kaunter supermarket. Mereka tidak berupaya membuat analisis dan penyelidikan dalam pasaran. Ada di antara mereka yang memberi nasihat berasaskan khabar angin dan tidak dari penyelidikan yang teratur dan saintifik mengikut kajian pasaran saham. Untuk menggalakkan lebih ramai bumiputera terlibat dalam profesion ini, saya ingin menyarankan supaya pihak Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Saham Kuala Lumpur dan KLOFFE mengadakan Skim Pembangunan Khas untuk bumiputera yang lebih terancang dan berkesan untuk menambah jumlah serta mempertingkatkan lagi kualiti penglibatan bumiputera sebagai pengurus, dealer dan agen dalam kedua-dua Bursa ini. Bursa ini juga boleh dipertingkatkan dengan kerjasama universiti-universiti tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula konsep penswastaaan diperkenalkan adalah di Barat. Namun demikian, ianya tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuh sempurna di negara Barat itu dan menimbulkan banyak masalah. Walaupun Malaysia telah lama menswastakan Lebuhraya Utara-Selatan, Kerajaan Britain baru sahaja hendak mengimplimentasikan Lebuhraya yang dibangunkan oleh swasta. Begitu juga Germany dan Switzerland, banyak laporan di peringkat antarabangsa telah

memperakukan kelicinan penswastaaan yang dilaksanakan di Malaysia. Polisi penswastaaan ini telah terbukti berjaya mengurangkan beban kewangan negara.

Sehingga kini kita difahamkan bahawa kerajaan telah menerima hasil sebanyak RM21.5 bilion melalui pindaan dan penjualan beberapa aset dan saham yang dimiliki oleh kerajaan. Di samping itu kerajaan juga akan memperolehi pendapatan melalui bayaran pajakan atau list payment serta cukai korporat. Melalui pengkorporatan juga kerajaan telah menyelamatkan RM7 bilion setahun dalam bentuk perbelanjaan operasi dan RM73 bilion dalam bentuk perbelanjaan pembangunan. Penjimatan dan penjualan saham kerajaan ini membolehkan kerajaan mengurangkan hutang dan seterusnya mengagihkan sumber kewangan kepada projek-projek yang penting seperti membasmi kemiskinan, mengadakan rumah-rumah kepada rakyat dan sebagainya. Satu kesan baik yang paling ketara ialah pengurangan jumlah staf kerajaan sebanyak 97,000 orang. Satu perkara yang amat menonjol hasil daripada penswastaaan ialah penjelmaan usahawan-usahawan yang terkemuka juga.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita telah banyak berjaya dalam sudut penswastaaan dan telah berjaya mengeluarkan beberapa jutawan dan bilionan bumiputera dan bukan bumiputera yang berjaya, projek penswastaaan ini sebenarnya mempunyai kapasitinya atau kemampuan untuk memperbanyakkan lagi usahawan kecil dan sederhana bumiputera serta membangun dan mempertingkatkan kemampuan mereka. Ada rungutan bahawa projek yang didapati ini dialibabkan oleh penerima kontrak, sedangkan kerajaan sedang berusaha untuk mengadakan usaha sama yang tulen di antara bumiputera dan bukan bumiputera untuk meneruskan kerja-kerja perniagaan dan juga industri-industri vendor.

Mengenai keusahawanan, tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Usahawan kerana telah melaksanakan resolusi-resolusi kongres ekonomi bumiputera yang ketiga. Penubuhan sebuah Kementerian Pembangunan Usahawan adalah dianggap sebagai puncak saranan dalam Resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga itu. Siri-siri dialog yang dilaksanakan bersama usahawan dan agensi amat memberangsangkan sekali. Dari segi saranan untuk menubuh dana pinjaman khas dari bank, jemaah menteri telah mengambil maklum mengenai inisiatif 6 buah bank untuk mengadakan satu dana pinjaman khas dengan modal sebanyak RM200 juta bagi membiayai perniagaan bumiputera. Mengenai saranan supaya ditubuhkan Pelaburan Amanah Bumiputera, saya difahamkan jemaah menteri telah bersetuju supaya Skim Amanah Pelaburan Bumiputera ditubuh di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputera untuk menjamin pegangan ekuiti bumiputera jangka panjang.

Kerajaan juga telah bersetuju dengan saranan supaya peranan agensi-agensi amanah diperkukuhkan untuk mencapai pembentukan MPPB. Hasil daripada ini juga bilangan syarikat bumiputera yang terlibat dalam program vendor dengan STM, TMB, PETRONAS, PROTON, SAPURA juga meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan dan kepimpinannya di atas konsep penswastaaan. Yang saya ingin pohonkan di sini supaya pengagihan projek biarlah adil dan saksama. Yang sudah berjaya dengan projek penswastaaan dan mempunyai modal yang besar dan keuntungan daripada skim penswastaaan ini serta boleh berdikari, mereka harus bergerak sendiri dan mencari peluang

sendiri, sama ada dalam negeri ataupun luar negeri. Yang belum berpeluang diberi peluang, dan dengan ini kerajaan akan memperbanyakkan lagi usahawan-usahawan yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu ibarat satu seloka yang berbunyi kalau bahasa Inggerisnya Dick, Tom and Harry, kalau bahasa Melayunya "Id Ad dan Ud" — Said, Saad, Saud. Jadi, Kedah dia panggil "Id, Ad dan Ud" dan dalam bahasa Tionghuanya "Tang, Ting dan Tong".

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita mengharap kerajaan akan mengagihkan projek-projek yang kaya, projek-projek yang besar ini kepada semua rakyat, bumiputera dan bukan bumiputera supaya penswastaaan ini akan dinikmati oleh keseluruhan rakyat dan tidak ada rungutan daripada rakyat tentang ketidakadilan dari segi pengagihan projek-projek penswastaaan dan inilah konsep yang saya harap akan dapat menolong syarikat-syarikat kecil dan sederhana untuk mendapat titisan pengaliran keuntungan dari projek-projek raksasa kepada syarikat-syarikat yang kecil ini. Konsep payung perlu diperbesarkan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memperbetulkan, kadang-kadang tokoh-tokoh korporat yang berjaya, depa lupa daratan — depa lupa, Tuan Yang di-Pertua. Depa tidak ingat yang kejayaan mereka itu adalah diberi oleh Allah S.W.T. dan doa rakyat. Tetapi, kadang-kadang kejayaan itu telah disalahgunakan. Mereka menjadi sombong, mereka tidak menghormati kerajaan, mereka tidak menghormati tokoh-tokoh politik dan mereka tidak menghormati orang-orang di bawah, sedangkan mereka perlu sedar, untuk mereka berjaya, mereka memerlukan setiap orang yang bekerja

di dalam syarikat mereka itu daripada kuli sampai ke peringkat eksekutif.

Jadi, saya berharap dan menyeru kepada tokoh-tokoh korporat yang lupa daratan ini supaya balik ke pangkal jalan dan menghormati. Kalau pun mereka kaya, mereka berjaya di negara kita, janganlah bila kekayaan itu mereka perolehi, mereka pergi ke negara asing, cari 'mem' di sana pula, Tuan Yang di-Pertua. Tidak apalah cari 'mem', tetapi, kata pula, 'saya akan hidup di negara ini', sudah lupa yang dia ini rakyat Malaysia, atas kekayaan yang dia dapat di tanah air kita ini. Saya menyarankan kepada kerajaan, kalau ada orang-orang macam ini, stop projek-projek kepada dia. Stop, jangan beri. Banyak lagi orang lain yang memerlukan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit hari lagi, kita akan dibentangkan pengkorporatan UDA. Insya-Allah, Dewan Rakyat akan meluluskan Rang Undang-undang tersebut dan saya minta kalau boleh, pengkorporatan ini jangan diberi kepada "orang tu" sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Orang lain pun mengerti kira satu dua tiga. Ini dok pi mai, pi mai, tang tu juga. Jadi, balik kepada konsep 'tang, ting, tong', 'ad, id, ud'.....cuma, masalah kita hendak meluluskan Akta ini fasal pengerusinya. (*Ketawa*) Orang hendak swastakan dengan pengerusinya sekali! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya banyak lagi program vendor ini akan dilaksanakan dengan bantuan semua syarikat besar bumiputera dan bukan bumiputera, syarikat milik rakyat Malaysia dan juga syarikat multinational, saya percaya program pembangunan usahawan di kalangan bumiputera akan lebih berjaya. Ini memerlukan bantuan semua rakyat, semua syarikat dan juga pembentukan polisi kerajaan untuk menggalak dan memastikan penglibatan syarikat-syarikat ini.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya mengakui bahawa program pembangunan vendor yang dilancarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Kewangan merupakan langkah yang baik dan bijak untuk meningkatkan lagi penglibatan usaha bumiputera dalam bidang pembuatan. Program ini telah berjaya melahirkan beberapa vendor bumiputera yang maju.

Namun demikian, saya merasakan bahawa program tersebut perlu diperketatkan lagi. Beberapa syarikat multinational yang berperanan sebagai syarikat induk tidak mempunyai pelan strategik khusus untuk pembangunan vendor bumiputera dalam perancangan mereka. Ketiadaan pelan strategik sedemikian rupa dapat disalahertikan sebagai melepas batuk di tangga.

Syarikat-syarikat ini menunjukkan iltizam yang jelas dalam usaha membangunkan vendor bumiputera dari segi kuantiti dan kualiti vendor tersebut. Dalam tempoh pembangunan suatu vendor itu, pemupukan dan bantuan tidak harus terbatas kepada bantuan kewangan dan pasaran semata. Ia harus meliputi segala aspek pengurusan dan pengeluaran untuk memastikan supaya akhirnya mampu berdikari.

Tempoh pembangunan vendor harus digaris dan ditentukan dalam pelan tersebut lantaran pentingnya vendor itu dikeluarkan dari program pembangunan apabila ia sudah boleh berdiri supaya lapisan kedua dapat dikenalpasti dan dibangunkan lagi.

Begitu juga usahawan bumiputera yang berperanan sebagai vendor kepada syarikat-syarikat tersebut, mereka harus mempunyai pelan strategik untuk menggariskan rancangan masa depan mereka. Ketiadaan pelan demikian rupa

sering berakhir dengan masalah kekurangan disiplin dan bergantung tahap syarikat induk. Lantaran itu, saya mencadangkan agar syarikat induk dan vendor digesa menyediakan pelan strategik masing-masing demi kepentingan jangka sederhana dan panjang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, menerusi sokongan dan bantuan Kementerian Pembangunan Usahawan telah pun menginisiatifkan usahasama tulen di antara usahawan-usahawan bumiputera dan bukan bumiputera. Lantaran ini, saya mencadangkan agar program pembangunan vendor diperluaskan kepada syarikat-syarikat usahasama tulen di antara usahawan bumiputera dan bukan bumiputera dalam bidang pembuatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan program francais yang diperkenalkan untuk meningkatkan lagi penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor dan bidang peruncitan, pengedaran dan pemasaran. Program ini telah terbukti kejayaannya.

Lantaran itu, saya mencadangkan agar program ini diperluaskan lagi. Sebagai contoh, kejayaan EON memasarkan kereta Proton melalui program francaisnya perlu dicontohi oleh syarikat-syarikat besar tempatan. Telekom sebagai contohnya, boleh membimbing kemungkinan francais Kedai Telekom kepada usahawan-usahawan bumiputera yang minat dan mempunyai kemampuan kewangan dan pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu mengawas dan pengawalan perjalanan agensi-agensy syarikat-syarikat milik kerajaan lebih ketat dan teliti. Dengan kepakaran, kemampuan dan keistimewaan yang ada kepada syarikat-syarikat kerajaan ini, syarikat-syarikat ini tidak sepatutnya mengalami kerugian kecuali syarikat-syarikat kerajaan yang

diwujudkan bagi membantu mensubsidikan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa syarikat kerajaan ataupun usahasama kerajaan mengalami kerugian. Ada yang rugi besar, ada yang rugi kecil. Contohnya, anak-anak syarikat Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, BBMB dahulu, sekarang okay, dan akhir-akhir ini kita dengar PERWAJA.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya satu kajian mendalam dilakukan bagi mengenalpasti akan kerugian syarikat-syarikat ini. Kalau kerugian disebabkan faktor perniagaan, ia boleh dimaafkan, tetapi jika ada penyelewengan dan pecah amanah, maka tindakan yang sewajarnya perlu diambil supaya pengurusan tidak mengambil kesempatan di atas sikap lembut kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanjiran buruh asing ke Malaysia sudah sampai ke tahap yang membimbangkan, sama ada yang masuk secara sah dan haram. Tanpa badan khas yang menyelia dan mengawal mereka, pergerakan buruh asing sukar diawasi. Tanpa sistem maklumat dan maklum balas yang sistematik dan kemaskini, kita tidak tahu berapa ramaikah pekerja asing dan apakah jenis pekerjaan mereka di suatu daerah ataupun bandar.

Kita memerlukan pekerja asing, tetapi biarlah mereka yang datang itu ikhlas untuk mencari rezeki di negara kita. Kita tidak mahu penjenayah yang diburu di negara mereka berhijrah di negara kita. Beberapa tahun lalu kadar jenayah rompakan dan pecah rumah naik dengan mendadak sehinggakan rumah hakim dan rumah pegawai polis serta wakil rakyat pun turut dirompak.

Selain daripada jenayah rompakan dan pecah rumah, kehadiran buruh asing juga tidak dikawal dan telah meninggalkan

kesan sosial yang buruk kepada masyarakat tempatan. Hari ini berita gadis-gadis kampung kahwin dengan pekerja asing semakin kerap kita dengar. Jurunika palsu muncul di sana sini. Cerita suami hilang meninggalkan anak isteri pun semakin banyak dan yang menyedihkan, kes bayi baru lahir ditinggalkan di tepi tong sampah dan longkang semakin menjadi-jadi.

Saya yakin, kes ini ada kaitannya dengan buruh-buruh asing atau pendatang-pendatang asing kerana sebelum ini kita jarang dengar anak-anak yang ditinggalkan kerana budaya Malaysia kita amat menyayangi antara satu sama lain, apatah lagi anak yang tidak berdosa.

Hari ini, menjadi masalah di mana banyak janda-janda tinggal dikampung kerana diceraiakan oleh suami mereka, selepas mereka memperolehi duit, mereka balik ke negeri mereka. Maka, tinggallah janda-janda ini dengan anak-anak. Siapa hendak tanggung, Tuan Yang di-Pertua? Siapa hendak tanggung? Jadi, ini satu persoalan sosial yang perlu kita atasi.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dikejutkan dengan berita pendatang asing sudah membeli tanah dan membuat rumah banglo. Saya ingin mengucapkan syabas kepada TV3 yang mendedahkan kedudukan ini. Sudah wujud perkampungan pendatang asing yang lengkap dengan kedai dan klinik. Saya sedih kerana sesetengah rumah banglo pendatang asing itu lebih besar daripada rumah kita. Dari mana mereka dapat duit, saya tak tahu. Mungkin kerana mereka kerja kuat, sudah itu pendapatan mereka pula tidak bayar cukai pendapatan. Perkara ini pihak Kementerian Kewangan kena ambil perhatian.

Yang saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, siang mereka buat rumah, malam mereka pecah rumah. Yang ini saya bimbang, siang mereka kerja buat

rumah, bila malam mereka pecah rumah orang pula. Saya harap pihak Kementerian Dalam Negeri tolong tengok, kalau seorang pendatang haram boleh masuk daripada Johor Bahru dan sampai ke Alor Setar, di sini menunjukkan bahawa keselamatan kawalan negara kita tidak terjamin. Mungkin patrol boat kita tak cukup, mungkin polis kita tak cukup dan mungkin macam-macam lagi. Jadi, kita kena mengatasi masalah ini kerana kita tengok baru-baru ini bila polis tembak 11 orang pun, ada orang pendatang haram dalam itu, samun di sana pun pendatang haram, samun di sini pun pendatang haram. Jadi, ini menjadi masalah kepada kita.

Mereka datang ke negara kita dengan naik tongkang, naik perahu sahaja tetapi sudah boleh buat rumah batu besar, tak apalah, kita pun tak marah, ini rezeki, tetapi ikut undang-undang dan peraturan. Orang kita yang berhijrah daripada Yan, daripada Padang Terap, daripada Ceruk Tok Kun, daripada Lohok Yu, Pokok Sena, duduk di Kuala Lumpur sudah 20 tahun, rumah pun rumah setingan lagi. Jadi, tang mana tak betul? Mungkinkah orang kita kerana segan bekerja ataupun orang kita kerja siang sahaja, malam dia tak kerja. Yang itu kita sama-sama fikirilah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membasmi kehadiran buruh asing tidak meninggalkan angkara buruk kepada negara kita, saya mencadangkan kerajaan mewujudkan jabatan khas di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi mengurus dan menyelia buruh asing. Jabatan ini mestilah bekerjasama dengan setiap pejabat daerah supaya setiap buruh yang bekerja di daerah mempunyai rekod di pejabat daerah. Bagi memastikan mereka tidak berkeliaran di seluruh negara, buruh asing mesti diwajibkan melaporkan diri sebulan atau dua bulan sekali di pejabat daerah. Jika mereka hendak berhijrah ke daerah lain, mereka mestilah memberitahu pejabat daerah

terlebih dahulu. Jabatan Penerangan yang ada di setiap pejabat daerah boleh diberi tugas ini. Hanya dengan cara ini sahajalah baru kejadian pejabat daerah tidak sedar wujud perkampungan pekerja asing seperti di Selangor dapat dielakkan. Kejadian di Selangor akan berlaku di negeri-negeri lain jika langkah berkesan mengawal mereka tidak diambil sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup kalau saya tidak menyokong kaum wanita di dalam ucapan saya ini. Kaum wanita memainkan peranan yang begitu penting membangunkan negara kita ini. Tanpa wanita bersama dengan kaum laki-laki, maka tempanglah perjalanan kita. Oleh yang demikian, pada masa ini penyertaan wanita di dalam gunatenaga hanya 47%. Ini boleh ditingkatkan lagi melalui beberapa cara. Mungkin kita adakan waktu anjal, adakan tadika dan taska di tempat kerja, kenderaan percuma di antara kilang dengan tempat tinggal, kerja-kerja disubkontrakkan dibuat di rumah.

Tuan Yang di-Pertua, penyertaan mereka masih rendah berbanding dengan kaum laki-laki. Masalah sosial di kalangan pekerja kilang wanita yang hangat diperkatakan sekitar tahun 80-an timbul semula akhir-akhir ini. Masalah yang timbul mungkin kerana kurangnya bimbingan dan perkhidmatan kaunseling disediakan oleh majikan dalam menjaga kebajikan pekerja masing-masing. Sebagai contoh, perkhidmatan 24 jam talian yang dikenali dengan Rumah Semarak Budi Pertiwi, 90% panggilan adalah dari wanita dan kebanyakannya pekerja kilang. Trend yang agak serupa boleh dilihat dari aduan-aduan yang diterima oleh pertubuhan "befriender" di mana 55% pengaduannya terdiri daripada kaum wanita.

Saya kasihan, Tuan Yang di-Pertua, kaum wanita ini. Kita sendiri orang laki-laki kalau suruh jadi orang perempuan, susah, bukan senang, rumah nak jaga, anak nak jaga, suami nak jaga. Jaga anak,

jaga makan tak apa lagi, jaga suami bukan senang, kadang-kadang dia 'merap' macam-macam. Jadi, ini saya amat prihatin. 'Merap' itu dia merungut, nak yang itu, nak yang ini, dia bukan kira. Jadi, kita patut memberi satu tempat ataupun kaunseling yang paling baik kepada pekerja-pekerja ini supaya mereka tidak terjerumus di dalam aktiviti-aktiviti yang tidak baik dan tekanan mental.

Kegiatan bimbingan bertujuan untuk mengatasi masalah berkaitan dengan tugas seperti kekurangan pengetahuan kemahiran, manakala kaunseling pula bertujuan menyelesaikan masalah peribadi seseorang individu seperti masalah rumah tangga, anak-anak dan hubungan dengan rakan sekerja. Dengan perkhidmatan seumpama ini kita akan mengurangkan kadar masalah sosial dan ketegangan di kalangan ibu bapa yang bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan kadang-kadang kedua-dua ibu bapa itu bekerja dan anak-anak mereka akan terbiar disebabkan oleh penjagaan yang tidak sempurna. Kadang-kadang anak-anak itu dibiarkan dibesarkan oleh pembantu rumah dan kadang-kadang pembantu rumah ini adalah pembantu yang tidak berdisiplin, yang tidak tahu menjaga anak-anak ini, maka anak-anak ini kelak akan menjadi masalah balik kepada negara kita. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan bahawa syarikat-syarikat atau kilang-kilang mewujudkan tadika-tadika untuk anak-anak ini diletakkan di tadika dan ibu mereka bekerja. Di tadika ini diberi pendidikan asuhan semasa ibu mereka bekerja, lepas itu waktu balik ibu akan ambil anak-anak ini balik ke rumah. Begitu juga di jabatan-jabatan kerajaan, saya tengok di Kuala Lumpur, pukul 5.00 pagi lepas sembahyang subuh, dia kena keluar. Kadang-kadang dia keluar rumah, anak itu tidur lena lagi, pak dan mak sudah bekerja. Kemudian pak balik pukul 7.00 malam sebab trafik jam dan hujan lebat. Balik pukul 7.00 malam, anak dan pak tak sempat makan nasi sekali, anak

sudah lena, pak dan mak tak sempat jumpa anak. Jadi, hanya boleh jumpa anak kadang-kadang hari Sabtu dan Ahad sahaja, itu pun kalau pak baik. Kalau pak yang liar itu kadang-kadang sebulan tak jumpa anak di rumah. Ini masalah yang bukan kita boleh main-main. Ini masalah yang cukup serius.

Tuan Yang di-Pertua, tanah sering dikaitkan dengan pusaka. Tanah yang dipusakai oleh orang-orang Melayu ialah tanah Melayu, yang menjadikan tanah milik Melayu. Tanah milik Melayu termasuk tanah yang digazetkan sebagai Tanah Simpanan Melayu dan tanah antarabangsa yang dimiliki oleh orang-orang Melayu. Walaupun dahulunya tanah pusaka Melayu yang bertaraf antarabangsa ini besar keluasan tetapi kini kadar dan jumlah kehakisan milikan tanah pusaka Melayu amat ketara dan menakutkan. Tanah pusaka Melayu yang mempunyai potensi tidak dibangunkan kerana kekurangan kemampuan dari segi sumber kewangan kemahiran, akibatnya tanah ini bertukar tangan dan dijual. Akibatnya banyak tanah-tanah pusaka Melayu terlepas tangan akibat kesempitan ekonomi dan kesempitan kemampuan orang-orang Melayu.

Akibatnya, Tuan Yang di-Pertua, anak cucu berputih mata kerana tanah datuk nenek mereka terlepas tangan dengan nilai yang begitu rendah. Tanah pusaka oleh datuk nenek kita sering dimiliki orang. Apakah daya pusaka pantun Melayu yang memberi pesanan kepada kita tidak dapat dijadikan iktibar kepada kita untuk memperbaiki keadaan? Biar saya baca pantun lama nenek moyang kita yang berbunyi:

Pulau Pinang bandar baru;
Kapten Light menjadi raja;
Kalau dikenang zaman dulu, Tuan
Yang di-Pertua;
Rasa mengalir si airmata.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan mensyaratkan mana-mana tanah simpanan

Melayu yang dibatalkan hendaklah diganti dengan tanah lain yang sama luas. Apa yang sering berlaku, banyak tanah simpanan Melayu dibatalkan tanpa diganti dengan tanah lain seperti yang disyaratkan dalam Fasal 89, Perlembagaan Persekutuan. Penghapusan tanah simpanan Melayu banyak berlaku selepas kerajaan menguatkuasakan Akta Pengambilan Tanah 1990.

Sebelum merdeka, Tuan Yang di-Pertua, Inggeris meninggalkan kira-kira 3 juta hektar tanah simpanan Melayu. Tetapi perangkaan tahun 1982 menunjukkan tanah simpanan Melayu hanya cuma tinggal 1.7 juta hektar sahaja. Saya tidak tahu berapakah jumlah sebenarnya tanah simpanan Melayu yang tinggal pada masa kini, Tuan Yang di-Pertua. Kita minta Kementerian Kemajuan Tanah dan Pembangunan Luar Bandar melihat perkara ini. Walaupun soal tanah terletak di bawah kerajaan negeri, tanah simpanan Melayu adalah agenda nasional yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Pusat. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya setiap permohonan untuk membatalkan tanah simpanan Melayu di mana-mana negeri mestilah mendapat kelulusan Kerajaan Pusat supaya nisbah tanah simpanan Melayu kekal untuk generasi bangsa yang akan datang.

Matlamat tanah simpanan Melayu akan terkubur jika tanah simpanan Melayu yang terletak di kawasan-kawasan bandar dimajukan oleh orang lain. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula tanah simpanan Melayu yang ada bagi mengenal pasti saiznya, lokasinya dan potensinya untuk dimajukan. Tanah-tanah ini tidak perlu dibatalkan taraf sebagai tanah simpanan Melayu kerana sudah ramai usahawan dan tokoh-tokoh korporat Melayu untuk memajukan dan mempertingkatkan lagi ekuiti Melayu dalam pemilikan harta tanah.

Kejayaan sekim amanah saham sama ada yang dilaksanakan oleh agensi pusat mahu pun negeri membuktikan kesedaran dan kemampuan orang-orang Melayu memiliki saham sudah meningkat. Saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya sekim yang sama dilaksanakan untuk memegang saham harta ataupun property trust, dengan izin, yang dinamakan Amanah Harta Tanah Nasional supaya orang-orang Melayu dapat memiliki harta tanah bernilai tinggi di pusat-pusat bandar. Kerajaan-kerajaan negeri kini sibuk merancang pembangunan bandar-bandar baru dan melalui skim property trust ini, pemilikan Melayu dalam bangunan komersil dapat dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan mengkaji balik mengapakah nilai harga tanah simpanan Melayu tidak seimbang dengan tanah-tanah freehold dan antarabangsa. Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, tanah-tanah itu duduk bersebelahan tetapi oleh sebab kononnya orang Melayu tidak mampu membeli harga-harga tanah ini, maka tanah simpanan Melayu harganya jatuh dan pihak bank pun perlu mengkaji semula kenapakah apabila kita mencagarkan tanah simpanan Melayu, nilai tanah tersebut tidak sama tinggi dengan tanah-tanah bukan simpanan Melayu. Adakah kita sendiri tidak percaya dengan bangsa kita? Adakah kita tidak percaya bahawa tanah simpanan Melayu itu tidak boleh diusahakan ataupun tanah simpanan Melayu itu adalah tanah yang kelas ketiga atau keempat. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan akan mengkaji balik supaya nilai tanah simpanan Melayu itu dinaikkan sama dengan nilai tanah-tanah freehold dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin jelaskan ialah apabila skim perumahan dijalankan, apabila tanah itu tanah simpanan Melayu, kita terpaksa memberi 30% kepada bukan bumiputera

dan apabila tanah bukan bumiputera dimajukan, mereka disyaratkan memberi 30% kepada bumiputera. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang orang-orang bumiputera tidak mampu pada ketika ini untuk memiliki bangunan-bangunan atau rumah-rumah tersebut. Oleh yang demikian, Amanah Harta Tanah Nasional akan menjadi penyelamat untuk memiliki harta-harta ini dan harta-harta ini bolehlah disewa dan bolehlah dijual beli di antara orang-orang bumiputera. Mungkin hari ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ramai yang mampu membeli tetapi suatu hari nanti anak-anak cucu kita akan dapat memiliki harta-harta ini sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Saya mengharap amat sangat kepada kerajaan supaya mempertimbangkan masalah ini. Sedangkan UDA pun akan diswastakan, maka di manakah lagi ruang-ruang untuk kita meletak bumiputera di dalam bidang perniagaan. Saya percaya apabila diswastakan, mungkin UDA akan mencari keuntungan dan akan melupakan hasrat penubuhan UDA itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengharapkan supaya kerajaan mengkaji semula Akta Pengambilan Tanah. Apabila Dewan ini meluluskan akta tersebut, Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat bahawa akta tersebut adalah untuk memastikan pengambilan tanah itu adalah untuk kebaikan masyarakat dan rakyat seperti membina sekolah, hospital dan sebagainya. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kerajaan-kerajaan negeri telah overlook benda-benda ini dan menggunakan Akta Pengambilan Tanah ini untuk membantu syarikat-syarikat swasta mengambil tanah dan membina bangunan-bangunan komersil. Saya kira ini tidak patut. Kalau ya pun biarlah harga-harga yang diambil itu berpatutan. Kerana pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, mungkin Si Amat itu berasal dari Kampung Yan, mungkin Si Amat itu berasal dari Padang Terap, mungkin Si Amat itu berasal dari Pokok Sena.

Mungkin ia tidak sekolah tinggi, tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita kena ingat hasil daripada kemerdekaan, kita telah menghantar anak-anak mereka untuk belajar tinggi dan hari ini anak-anak mereka telah berjaya. Ada yang menjadi doktor, ada yang menjadi lawyer, ada yang menjadi arkitek dan sebagainya. Mereka faham bagaimana hendak membuat subdivision dan ubah syarat tanah.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan, kalau pun tanah-tanah tersebut perlu diambil, maka tuan-tuan tanah itu diberi peluang untuk mendapatkan ekuiti di dalam syarikat yang hendak membangunkan tanah tersebut selain daripada pampasan yang diberi untuk menyenangkan mereka atau memindahkan mereka. Kalaulah mereka membuat skim perumahan, keuntungan daripada skim perumahan tersebut patut diagihkan balik kepada mereka mengikut keuntungan setelah tanah tersebut dipindah milik. Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita buat di dunia ini biarlah adil supaya tuntutan di akhirat tidak teruk.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan sesuatu bangsa itu amat penting kepada negara dan bangsa itu sendiri. Pelaburan dalam pendidikan ialah pelaburan yang strategik seperti pelaburan dalam ketenteraan dan dalam peperangan. Semasa zaman British, orang-orang Melayu diberi persekolahan sekadar untuk mentadbir hal ehwal kebajikan kampung sahaja. Paling tinggi ialah untuk menjadi sekadar kerani sahaja. Pendidikan bahasa Inggeris dan pendidikan menengah yang boleh memberi peluang yang lebih tinggi hanya terhad di bandar-bandar besar sahaja di mana bilangan penduduk-penduduk Melayu hanya boleh diibaratkan untuk buat ubat sahaja.

Sekarang kita sudah lama meninggalkan sejarah peninggalan British di mana Kapten Light menjadi raja. Pelaburan

dalam pendidikan bangsa ialah pelaburan human capital yang amat diperlukan sangat lebih-lebih lagi untuk membangun negara dan mentadbirkan sumber alam, sumber ekonomi dan sumber perniagaan. Kita dalam zaman 'peperangan' untuk meningkatkan pendidikan anak bangsa kita, maka dengan itu kita tidak seharusnya menggunakan strategi zaman keselesaan dalam isu pembangunan dan perkembangan pendidikan anak bangsa kita.

Penyelidikan dalam sejarah telah membuktikan bahawa pendidikan bukan sahaja dapat meningkatkan produktiviti sesuatu bangsa, tetapi ianya merupakan instrument, mobiliti sosial, instrument penyusunan semula masyarakat dan pembangunan negara yang amat berkesan. Tidak hairan Malaysia telah memberi tumpuan penting kepada pendidikan dengan memberi peruntukan yang tinggi dalam bidang pendidikan.

Pendidikan telah membuktikan meningkatkan status dan kedudukan sesuatu bangsa itu, pendidikan telah meningkatkan pendapatan dan sekali gus mengeluarkan kita dari belenggu kemiskinan. Melalui pendidikan sudah terbukti kita telah menjanakan ramai ahli profesional bumiputera ahli-ahli perniagaan bumiputera yang berjaya. Pendidikan juga telah membuatkan kita sampai ke Dewan Rakyat yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Pendidikan anak bangsa bukan sahaja penting ia amat penting dan strategik dan memerlukan perancangan strategik untuk mencapai sebuah negara maju, di mana anak bangsa merupakan active participant dan bukan rakan tidur semata-mata.

Hasil daripada pelaburan pendidikan dapat dirasai bukan dalam masa setahun dua sahaja, hasil daripada pelaburan pendidikan anak bangsa yang dapat

semasa Malaysia mula mengimplimentasikan Dasar Ekonomi Baru sahaja dapat dilihat pada akhir tahun tujuh puluhan. Kesannya yang jelas ialah selepas 10-20 tahun, ini bermakna pelaburan yang baik dan strategik dalam pendidikan rendah hari ini kesan yang jelas ialah semasa Malaysia di ambang 2020, yang kita idamkan setelah British balik negeri dalam tahun 1957, kita akan menjadi negara maju dalam tahun 2020. Tetapi yang kita takut ialah pantun ini yang boleh mengingatkan kita, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya:

One, two three,
 Satu dua tiga,
 Orang putih balik negeri,
 Ada orang Melayu yang tidak tahu
 baca dan mengira.

Pantun ini yang kita takut, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengukur potensi pelajar lebih-lebih lagi pelajar bumiputera, marilah kita mengimbas kembali pencapaian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) baru-baru ini. Pencapaian pelajar bumiputera dalam matematik dan bahasa Inggeris walaupun ada peningkatannya, ia lebih rendah daripada pencapaian pelajar-pelajar lain.

Begitu juga dengan pencapaian bahasa Inggeris, apa yang menyedihkan juga ialah pencapaian pelajar-pelajar di luar bandar, pelajar-pelajar ini adalah warisan bangsa yang akan mendaulatkan negara Malaysia, yang tercinta ini dan seterusnya menentukan pencapaian status negara maju dalam tahun 2020 kelak.

Ada banyak cabaran yang dihadapi oleh anak-anak Melayu di kampung, di dalam dan juga di luar bandar. Ada banyak faktor yang boleh membuat pelajar bumiputera ketinggalan dalam matematik, sains dan bahasa Inggeris.

- (i) Tuan Yang di-Pertua, kelengkapan pelajaran di sekolah luar bandar amatlah menyedihkan dan perlu dipertingkatkan;

- (ii) guru-guru kurang kelayakan di luar bandar; dan
- (iii) proses pembelajaran matematik, bahasa Inggeris dan sains itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kemudahan-kemudahan yang didapati oleh anak-anak di bandar lebih daripada anak-anak di luar bandar. PIBG sekolah-sekolah di bandar mempunyai duit yang begitu banyak, sedangkan di luar bandar Tuan Yang di-Pertua, kalau bapanya petani, nelayan dan penoreh getah, berapa banyakkah sumbangan yang mereka boleh sumbang untuk PIBG dan menjalankan aktiviti-aktiviti sekolah yang berkenaan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada kerajaan supaya mempertingkatkan bantuan kepada sekolah-sekolah luar bandar dan mengadakan kelas-kelas tambahan bagi mengadili keperluan yang didapati oleh anak-anak yang belajar di bandar dengan anak-anak yang belajar di luar bandar. Sudahlah Tuan Yang di-Pertua, anak-anak di luar bandar kadangkala dengan kemiskinannya, kurang vitamin kalau hendak dibandingkan dengan anak-anak di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keghairahan kita menekankan pendidikan tinggi swasta dan pengurangan penghantaran pelajar tajaan kerajaan ke luar negara jangan pula kita lupa bahawa pendidikan tinggi juga merupakan instrument yang penting dan restructuring masyarakat kita. Kini kita sudah nampak peratus pelajar bumi di IPT swasta yang amat kecil, di samping itu juga peratus pelajar bumiputera ke luar negara menjunam sekali.

Saya mencadangkan supaya kerajaan dan agensi-agensi kerajaan seperti MARA, Petronas, Tenaga Nasional mempertingkatkan penghantaran pelajar-pelajar kita ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharap kerajaan akan melipat gandakan peruntukannya kepada MARA untuk menghantar anak-anak kita ke luar negara, walaupun kita mempunyai pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini, saya kira belum mencukupi dan pelajar-pelajar kita perlu didedahkan dengan pendidikan di luar negara supaya bila mereka berkhidmat nanti, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini mempunyai exposure yang cukup dan dapat menjalankan tugas mereka dengan baik.

Anak era ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah anak-anak harapan bangsa Malaysia yang akan mengisi Wawasan 2020 dan biarlah kita belanja banyak untuk melabur dalam bidang pendidikan kerana pendidikan sahajalah yang akan dapat meletak Malaysia menjadi sebuah negara yang mempunyai cendekiawan dan mempunyai pembangunan insan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan berkait rapat dengan harta, pendidikan, kejayaan kesihatan dan juga kemalangan termasuk kemalangan jalan raya. Negara kita telah berjaya menurunkan peratus penduduk di bawah paras kemiskinan kepada lebih kurang 10% tahun ini.

Tahniah saya ucapkan kepada kerajaan yang begitu prihatin untuk membela nasib rakyat yang miskin. Kemiskinan ialah relatif bentuknya ia seharusnya melihat dari sudut sosial ekonomi dan tidak semata-mata ekonomi ataupun pendapatan sebulan semata-mata. Di samping itu pula rancangan-rancangan pembasmian kemiskinan secara strategik harus dipertingkatkan di beberapa buah negeri di daerah di mana peratus penduduk yang masih di takuk bawah paras kemiskinan masih tinggi.

Negeri Kedah sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, walaupun telah banyak maju, tetapi sebilangan penduduknya seperti di daerah Sik, di daerah Kuala

Nerang dan juga Baling masih mempunyai penduduk di bawah paras kemiskinan.

Alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah banyak menolong, kerajaan telah banyak mengadakan program-program PPRT, tanaman semula getah dan sebagainya. Saya juga mengharap program-program ini akan diteruskan selagi ada rakyat Malaysia yang hidup di bawah paras kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, kekayaan yang kita dapat perlu kita agihkan kepada orang-orang yang kurang bernasib baik. Tiada insan di dunia ini ingin menjadi orang miskin. Tiada insan di dunia ini tidak ingin kepada kesenangan, kadangkadang nasib tidak menyebelahi mereka, tetapi mereka juga adalah rakyat yang menyokong dan membantu kerajaan dan saya percaya penuh dengan Skim Amanah Saham, dengan Skim PPRT, dengan skim yang dilancarkan oleh agensi-agensi kerajaan seperti KEDA dan sebagainya kita telah dapat membela nasib orang miskin sama ada di luar bandar ataupun di bandar menjadi rakyat yang terbela. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan agensi-agensi kerajaan yang menjalankan mereka membantu dari segi sosio-ekonomi rakyat di luar bandar dikekalkan.

Saya difahamkan KEDA akan ditutup. KEDA, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu agensi yang diwujudkan bagi membangun rakyat yang miskin di dalam kawasan luar MADA di negeri Kedah dan agensi ini telah berjalan dengan begitu baik dan banyak manfaatnya yang telah didapati oleh orang-orang yang termiskin.

FAMA juga, Tuan Yang di-Pertua, perlukan peruntukan yang lebih untuk membantu Skim PPRT yang ada di dalam FAMA itu sendiri dan kini FAMA telah mengadakan Skim Tanaman Bunga untuk memberi penumbuhan ekonomi di dalam keluarga-keluarga orang termiskin.

Kita dapat lihat hari ini Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan-kerajaan Tempatan ingin mengindahkan bandar-bandar. Kuala Lumpur sendiri berada di dalam sebuah taman (garden). Oleh yang demikian, FAMA telah membuat keputusan untuk memberi bantuan subsidi kepada orang kampung, kepada ibu-ibu di kampung, kepada suri rumah di kampung untuk menanam pokok dan pokok-pokok ini akan FAMA beli dan akan dijual kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan, akan kita jual kepada lapangan terbang yang baru di mana land scapingnya akan menelan belanja berjuta-juta. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi seperti ini perlu lagi bantuan untuk mempertingkatkan dan menebus kembali maruah kemiskinan di tanah kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu kejayaan yang tidak pernah sunyi daripada rasa dengki dan iri hati terhadap kejayaan Malaysia tidak terkecuali. Pihak yang dengki dengan kestabilan politik dan kemakmuran kita tidak berhenti-henti berusaha memburukkan Malaysia di dalam isu-isu alam sekitar, hak asasi manusia dan buruh. Kita mengamalkan dasar terbuka dan semua pihak boleh menyiasat rekod kita dalam ketiga-tiga isu ini. Tidak pernah menyembunyikan apa-apa, malah kita mengalu-alukan siapa sahaja yang datang untuk menyiasat rekod kita dalam alam sekitar, hak asasi manusia dan buruh. Saya menyeru kepada badan-badan tertentu ataupun parti-parti pembangkang supaya jangan menyebelahi dan menjadi dalang ataupun menjadi tali barut mereka untuk mengheret atau menghina Malaysia di dunia ini.

Saya berharap, pihak pembangkang juga akan bekerjasama dengan kerajaan untuk sama-sama kita bangunkan nama Malaysia, untuk sama-sama kita bangunkan Malaysia ini supaya Malaysia ini menjadi sebuah negara contoh di dunia. Isu-isu ini sengaja diadakan kerana ianya dicetus oleh rasa dengki dan iri

hati. Oleh itu saya minta pemimpin-pemimpin kita, khususnya Perdana Menteri dan menteri-menteri janganlah membuang masa untuk membaca tulisan dan mendengar teriakan daripada kumpulan-kumpulan yang anti-Malaysia ini. Seperti yang saya katakan tadi, isu hak asasi manusia ini sengaja diputarbelitkan oleh media dan NGO asing untuk memburuk-burukkan Malaysia. Saya menyokong pandangan Dato' Seri Mahathir Mohamed, "biar kita yang mentadbirkan negara ini, bukan media asing dan NGOs". Mereka cemburu dengan kemajuan Malaysia dan salah satu strategi untuk melemahkan kita ialah dengan mereka mempelbagaikan cerita karut mengenai hak asasi manusia.

Kita sebenarnya telah terperangkap dalam teori hak asasi yang dicipta oleh Barat. Hak asasi manusia adalah hak untuk setiap manusia hidup dalam suasana aman, selesa dan harmoni, hak untuk menikmati tempat tinggal yang sempurna dan memakan makanan yang berzat. Rancangan kerajaan memajukan kaum Penan adalah sebahagian daripada usaha memulangkan hak asasi kepada kaum Penan. Apakah dengan membiarkan kaum Penan hidup pindah randah, makan makanan yang tidak berzat dan tiada pendidikan, itu dinamakan hak asasi manusia?

Masyarakat Asia jauh lebih tua peradabannya daripada Barat, memiliki nilai dan taraf hak asasi manusia yang jauh berbeza dengan Barat. Hak asasi manusia membawa maksud hak asasi masyarakat. Rakyat bukannya individu, hak individu tetap terpelihara tetapi tidak boleh mengatasi hak dan kepentingan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Barat mempunyai fahaman berbeza. Mereka menjadikan hak individu sebagai hak asasi manusia, sedangkan individu tidak boleh hidup tanpa masyarakat. Sebab itulah di Barat, lelaki berkahwin dengan

lelaki dianggapkan hak asasi manusia. Di Amerika Syarikat memiliki senjata dianggap sebagai hak asasi sehinggakan kanak-kanak kecil pun sudah berani membunuh. Kita tidak menerima ini sebagai hak asasi kerana ia boleh mengganggu keharmonian masyarakat dan negara. Kalau kita mengenakan sedikit kawalan dan sekatan, ianya adalah bertujuan untuk memelihara keharmonian hidup bermasyarakat dan bernegara. Kita tidak benarkan lelaki berkahwin dengan lelaki kerana tidak masuk akal. Kita tidak perlu buat undang-undang, kerana masyarakat sendiri akan menghukum orang seperti ini, tetapi di Amerika Syarikat boleh. Masyarakat tidak boleh ditentang kerana itu hak asasi. Tentera Amerika memberi tempat kepada homoseksual kerana itu hak asasi manusia. Mereka tahu dengan membenarkan homoseksual dalam tentera akan melemahkan pasukan tentera itu sendiri, tetapi oleh kerana hendak menang dalam pilihan raya, Presiden Bill Clinton menghalalkannya.

Tuan Yang di-Pertua, Presiden Bill Clinton sepatutnya menjaga dan mentadbirkan negara daripada masuk campur dan menghina Malaysia. Malah banyak lagi orang-orang yang berkeliaran di Amerika Syarikat sendiri dan banyak lagi orang-orang Amerika Syarikat yang lapar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri biasa melihat dengan mata, kepala saya orang-orang Amerika yang memakai billboard di hadapan menulis, dengan izin, "Please help me, I'm hungry". Kita tidak dapat lihat begini di Malaysia. Kita tidak dapat melihat orang-orang Malaysia hidup tanpa rumah ataupun berkeliaran di bandar-bandar besar ataupun bandar kecil, yang ada mungkin orang-orang yang wiranya short, ataupun wiranya bertindih. Itu kita serahkan kepada kerajaan untuk menyelesaikannya. Masukkan dia ke dalam ward - selesai. Tetapi kita tidak melihat hari ini, kalau

kita berada di Kuala Lumpur malam ini, kalau kita lalu, tidak ada orang yang tidur berkeliaran di tepi jalan. Kalau ada pun, hak yang mabuk, yang tidak tahu cari jalan hendak balik ke rumah. Itu lain cerita.

Tuan Yang di-Pertua, Bill Clinton ini diibaratkan sebagai ayam jantan yang kokoknya cukup kuat, berdegar-degar, tetapi ekornya bergelumang dengan tahi. Ini Bill Clinton. Serata dunia dia hendak kacau. Saya berani memberi amaran kepada Amerika Syarikat, tadbirkan negara dia dahulu dan kita tadbir cara kita. Kita mempunyai kerajaan yang baik dan kerajaan yang cekap, tidak payah dia hendak ajar kita cara hendak mentadbirkan negara kita. Selesaikan masalah dalaman dia dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia, kita memberi tumpuan kepada semua kaum. Walaupun kita mempunyai keturunan Orang Asli, keturunan orang Siam yang amat kecil, tetapi kita lantik mereka menjadi Senator, kita lantik untuk memegang berbagai jawatan. Kedudukan Orang Asli dan Siam di Malaysia jauh lebih baik daripada kaum kulit hitam dan orang Red Indian di Amerika. Kaum kulit hitam di Amerika tidak mempunyai tempat dalam pentadbiran Amerika. Tidak ada seorang pun kaum Indian yang dilantik menjadi Senator. Yang ada, mereka membuat filem, suruh naik kuda bawa senapang, bubuh segala rambu-rambu - itu orang Indian dan itu yang digunakan oleh Amerika Syarikat untuk memajukan filem-filem mereka. Kita tidak pernah menggunakan Orang Asli untuk membuat kerja seperti itu. Kerana kita tahu kita menjaga dan menghormati maruah seseorang itu.

Tuan Yang di-Pertua, Allah menciptakan alam untuk manusia memakmurkannya. Sebagai seorang Islam kita amat memahami pentingnya hubungan manusia dengan alam. Kita mengutamakan alam sekitar, sebab itu

kita wujudkan Kementerian Alam Sekitar. Tidak banyak negara yang ada kementerian khas seperti ini. Setiap projek pembangunan tanah diwajibkan mendapat kelulusan dan kajian kesan alam sekitar. Bagaimanapun, apa yang kita lakukan ini masih tidak menyenangkan hati pelobi-pelobi alam sekitar di barat. Mereka mahu kita duduk diam-diam, tidak usah membuat apa-apa. Mereka mahu kita jangan maju supaya terus bergantung kepada Barat. Mereka kenakan pelbagai sekatan dagangan dan bukan perdagangan supaya negara mundur dan pembangunan tidak maju. Inilah niat mereka sebenarnya. Walaupun negara kita pesat membangun kita masih mempunyai lebih 70% kawasan hutan berbanding dengan Amerika dan Eropah yang keluasan hutannya kurang 10%. Oleh kerana hutan-hutan ini mengeluarkan oksigen, secara tidak langsung, Malaysia juga merupakan pembekal oksigen kepada Barat. Kalau oksigen ini tidak bergerak, saya kira rakyat Eropah dan Amerika tentu sesak nafas hari ini.

Walaupun kita menentang segala kempen buruk pelobi alam sekitar di Barat, ini tidak bermakna kita bebas daripada sebarang pencemaran alam sekitar. Sikap pemaju yang tamak mengaut untung tanpa mengira kepentingan alam sekitar masih wujud. Kalau kita lihat sungai-sungai di negara ini, kebanyakannya sudah dicemari, sehingga ikan pun semakin pupus. Sungai-sungai kecil di kawasan bandar yang dahulunya menjadi tempat datuk nenek kita mencari makan, kini sudah bertukar menjadi parit. Perasaan sayangkan sungai belum wujud di kalangan rakyat Malaysia, sedangkan masyarakat Malaysia, khususnya orang-orang Melayu memulakan tamadun mereka di tepi sungai. Kita mengalu-alukan langkah kerajaan memelihara sungai, bagaimanapun, tanpa kerjasama rakyat rancangan ini akan gagal. Kempen "Cintailah Sungai" perlu diadakan lebih

banyak lagi bagi menanam kesedaran kepada rakyat bahawa pencemaran sungai boleh mendatangkan kesusahan kepada mereka.

Sungai yang semakin sempit memudahkan berlaku banjir apabila hujan lebat, sepertimana yang berlaku di Shah Alam minggu lalu. Pertambahan penduduk dan pembangunan yang pesat, terutama di Wilayah Persekutuan menyebabkan banjir kerap berlaku kerana Sungai Kelang semakin sempit.

Berdasarkan pembangunan pada hari ini, Sungai Kelang perlu diperluaskan dua kali ganda. Saya bimbang jika tebing Sungai Kelang diswastakan untuk dimajukan dengan pusat komersil, satu hari nanti, seluruh Kuala Lumpur akan ditenggelami air. Pemetongan bukit-bukit untuk projek-projek perumahan dan lain-lain projek adalah satu sebab bencana seperti banjir, tanah runtuh dan lain-lain.

Kita kena ingat, dalam Al-Quran ada ayat yang bermaksud:

"Kami jadikan segala gunung-ganang, bukit-bukau sebagai pasak bumi ini".

Dan satu lagi ayat bermaksud,

"Kerosakan di dataran dan di lautan akibat apa yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia".

Dan banyak lagi ayat-ayat suci Al-Quran yang mengingatkan kita supaya menjaga alam yang dicipta oleh Allah S.W.T. ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini, kerajaan akan memperkenalkan Rancangan Malaysia Ketujuh yang bermula dengan Rancangan Pertama pada tahun 1965. Sebelum itu, kita ada Rancangan Malaya Yang Pertama dan Kedua—1960 dan 1965. Rancangan Pembangunan Lima Tahun atau Pelita

telah dapat membangunkan negara kita sedikit demi sedikit sehingga dihormati pada masa kini.

Kita juga sedang melangkah ke alam seribu tahun yang berada di ambang kita, cuma 4 atau lima tahun lagi. Walaupun tidak semua dapat yakin akan berada di Penggal Parlimen yang Kesepuluh, namun usaha dan kesungguhan untuk mencapai idaman Wawasan 2020 telah pun giat diatur.

Peranan dan strategi 9 mata sudah ada saranan mengenai wawasan sering kedengaran dan kelihatan. Sektor pertanian yang selama ini menyanjung dan menyokong pertumbuhan ekonomi sudah mula berundur tempat secara perbandingan dengan sektor-sektor lain.

Sektor pertanian, sama ada getah dan kelapa sawit, bahan makanan, termasuk haiwan, perikanan serta bunga-bunga masih tetap penting kerana dua sebab. Pertama, selagi manusia tidak boleh hidup dengan menyedut udara sahaja, selagi itulah makanan yang cukup dan berkhasiat diperlukan dan mesti boleh diperolehi dengan mudah.

Kedua, selagi industri berkehendakkan kepada komoditi dan sumber dari sektor makanan, sama ada tayar kapal terbang mahupun industri perkhidmatan seperti hotel, restoran, termasuk Kentucky Fried Chicken dan Mc Donald, selagi itulah sektor pertanian akan tetap menjadi mustahak, walaupun sumbangan tidak ketara kalau dihitung dari sektor industri. Oleh yang demikian, sektor pertanian hendaklah diberi tumpuan.

Dasar Pertanian Negara yang kini sealiran dengan peranan dan keadaan mutakhir hendaklah disediakan untuk mendasari program projek sehingga selepas 2020. Dasar itu mestilah dipadan dan dipadukan dengan dasar-dasar perindustrian, pemakanan dan seumpamanya dengan matlamat mencapai

peningkatan daya pengeluaran dari segi hasil, khasiat dan harga kepada matlamat untuk mengganti import, di samping menyokong program sektor industri dan juga menambah eksport.

Dasar Pertanian Negara yang perlu ada tidak patut dibatas kepada usaha memindah dan mengubah secara cebisan dasar pertanian yang sedia ada. Ikatan yang kukuh, saling memaanfaati di kalangan negara-negara, sama ada rangkai rantau, pertumbuhan segi tiga mahupun rangkai usaha ASEAN, Lembah Mekong dan sebagainya perlu sangat diusahakan demi kepentingan pertanian dan perindustrian, khas bagi negara kita. Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada kerajaan yang akan mempertingkatkan dan memperbanyakkan peruntukan untuk sektor pertanian di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap kerajaan akan dapat mengkaji dan melihat nasib petani-petani di kawasan bendang. Dengan kenaikan harga sewaan bendang daripada RM200 ke RM400 serelung pada hari ini, dengan kenaikan harga-harga racun-racun serangga, maka petani-petani di luar bandar menghadapi masalah kerugian di dalam penanaman padi. Apatah lagi akhir-akhir ini syarikat-syarikat yang mengendalikan jentera-jentera menuai dan membaja telah menaikkan harga sewaan mereka, sedangkan petani-petani tidak dapat menaikkan harga padi. Ini adalah disebabkan oleh kepentingan keseluruhan negara.

Saya mencadangkan, seandainya pihak kerajaan tidak dapat menaikkan harga padi atau menambahkan subsidi padi kepada petani-petani, saya mencadangkan supaya kerajaan memberi lagi satu subsidi, selain daripada baja iaitu subsidi racun serangga kepada petani-petani supaya dapat menseimbangkan pendapatan ataupun keuntungan daripada usaha mereka menjadi seorang petani.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu tanah-tanah ini menjadi 'rang'. Orang Kedah kata 'rang', maknanya tanah yang tidak digunakan oleh sebab tidak mendatangkan keuntungan kepada petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah penternak-penternak ayam. Akhir-akhir ini kita dapat lihat penternak-penternak ayam menghadapi masalah kerana harga ayam jatuh. Di satu sudut, kita berusaha untuk memastikan pengguna-pengguna mendapat manfaat daripada harga ayam yang murah, tetapi kita juga kena mengkaji nasib penternak-penternak ayam di mana harga ayam begitu rendah dan kos untuk memelihara ayam telah naik dan ini menyebabkan beberapa pengusaha-pengusaha dan penternak-penternak ayam menghadapi masalah.

Baru-baru ini, kita dapati bahawa ada penternak-penternak ayam yang hendak bubuh anak-anak ayam ini di "gas chamber". Saya mencadangkan kepada penternak-penternak ayam, sabar. Kalau boleh, ambillah anak-anak ayam ini dan sedekahkan kepada orang-orang kampung, jangan kita bunuh macam itu. Ini hak asasi binatang, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya bercakap fasal hak asasi manusia, yang ini hak asasi binatang, jangan pergi bunuh.

Saya mencadangkan kepada Persatuan Penternak-penternak Ayam ini, insya Allah, saya percaya kerajaan akan mengkaji balik dan ayam-ayam yang hendak dibunuh ini, kalaulah niat hendak bunuh, pergi hantar kepada orang kampung, beri free kepada depa, suruh depa bela. Daripada ayam bandar, kita hantar ayam di kampung dan ia akan jadi ayam kampung. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan syiar Islam di negara ini amat memberangsangkan. Sebagai sebuah negara Islam kita telah menjadi negara contoh kepada negara-negara Islam lain

dan juga kepada negara-negara bukan Islam di seluruh dunia. Kita telah membuktikan pemerintahan Islam adalah pemerintahan yang adil dan orang-orang bukan Islam tidak diketepikan dan dianiayakan.

Tuan Yang di-Pertua, di zaman serba moden ini, berbagai budaya tidak senonoh di Barat berkembang melalui media cetak dan elektronik, apatah lagi dengan adanya Internet. Budaya-budaya ini akan meruntuhkan akhlak dan moral seseorang itu. Bagi mengatasi gejala ini, saya mencadangkan diwujudkan pusat-pusat maklumat Islam di peringkat negeri yang dapat menyalurkan berbagai maklumat yang berkaitan dengan perkembangan syiar Islam disanjung dan dapat membanteras ajaran yang menyeleweng daripada akidah dan akhlak Islam yang sebenarnya.

Yang kedua, meletakkan kedudukan sekolah-sekolah agama kerajaan dan rakyat setaraf dengan sekolah kerajaan pusat dengan menambah peruntukan kewangan yang mencukupi bagi pentadbiran di samping menambah tenaga pengajar yang terlatih dan memberi perhatian yang khusus terhadap fizikal bangunan sekolah dan asrama serta peralatan yang lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita dapat lihat sekolah-sekolah agama ini amat daif, amat letih dengan kemudahan-kemudahannya dan saya berharap peruntukan akan diberi oleh kerajaan, walaupun kadang-kadang kita katakan ini hak kerajaan negeri, tetapi saya percaya kerajaan pusat di bawah Kementerian Pendidikan dapat mengusahakan supaya sekolah-sekolah rakyat dan sekolah-sekolah agama negeri ini disatukan di bawah Kerajaan Persekutuan.

Yang ketiga, mewujudkan perpustakaan Islam di negeri-negeri yang lengkap dengan buku-buku agama, kitab

muktabar yang boleh menjadi sumber rujukan kepada semua lapisan masyarakat dan kepada pelajar yang sangat-sangat memerlukannya dan dengan ini boleh melahirkan satu generasi masyarakat yang tinggi dalam bidang keagamaan. Kerajaan boleh juga mengadakan perpustakaan dan perpustakaan ini dicantumkan dengan perpustakaan yang sedia ada di setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan patut memberi perhatian ke arah mengadakan kompleks-kompleks Jabatan Agama dan daerah yang dapat memberi gambaran yang jelas kepada rakyat negeri ini, khususnya di dunia Islam, pada amnya bagi pentadbiran jabatan-jabatan lain.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita dapat lihat pejabat-pejabat agama begitu sempit. Kadang-kadang pekerja yang bekerja tidak selesa. Kadang-kadang jika ada kes-kes penceraihan berlaku, Tok kadi yang sedang berusaha untuk memperbaiki kes-kes ini terpaksa berbincang di luar dan kerani-kerani di pejabat itu dengar. Benda ini sulit, kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak boleh cerita kepada orang. Tetapi kadang-kadang kemudahan itu tidak ada.

Kadang-kadang Mahkamah Syariah sendiri, kalau kita tengok, sedih, hendak tunggu Mahkamah Sivil selesai, baru mahkamah ini bersidang. Ini mendatangkan masalah.

Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan untuk mempertingkatkan pejabat-pejabat dan jabatan-jabatan ini supaya ia akan dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada masyarakat Islam itu sendiri dan seluruh rakyat Malaysia.

Saya juga memohon kerajaan memberi kepada keseluruhan pejabat agama dari segi latihan kemahiran serta membuka peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran lebih tinggi serta

memberi layanan yang sewajarnya sesuai dengan keadaan semasa dari segi taraf kehidupan dan kedudukan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang pegawai-pegawai yang bekerja di pejabat-pejabat agama ini pendedahan mereka begitu terhad. Mereka tidak dapat berpeluang untuk melanjutkan 'in service training' ataupun berkhidmat dan melanjutkan pelajaran di dalam bidang-bidang tertentu berbanding dengan jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Kadang-kadang mereka ini boleh melanjutkan pelajaran untuk buat Masters dan sebagainya ke luar negara sedangkan di pejabat-pejabat agama ini "setakat itulah" orang Kedah kata. Kalau dia boleh had itu, had itu sahajalah sampai dia pencen. Jadi, bagaimanakah tugasnya kalau pegawai-pegawai ini tidak didedahkan dengan pengajian yang lebih tinggi, mendedahkan dengan keadaan yang berubah dari masa ke semasa, bagaimanakah mereka hendak mentadbirkan perjalanan pejabat-pejabat agama itu sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, bagi mempertingkatkan dalam bidang dakwah pula, saya memohon supaya setiap program yang disusun atur ke arah memantapkan lagi kegiatan secara menyeluruh melibatkan secara aktif jabatan-jabatan agama yang merupakan satu agensi kerajaan yang diamanahkan khusus dalam hal ehwal agama dan memanfaatkan secara maksimum bangunan-bangunan masjid dan bukan hanya terhad untuk ibadat-ibadat khusus sahaja. Kerajaan juga dirayu supaya kakitangan yang mentadbirkan masjid-masjid di seluruh negara diberi elaun-elaun khas bulanan supaya pegawai-pegawai masjid ini dapat mentadbirkan dengan penuh tumpuan, terutama sekali kepada imam, siak dan bilal.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kebanyakan imam-imam, siak-siak dan

bilal-bilal ini bekerja kerana Allah. Kadang-kadang di kawasan saya depa buat bendang, lepas buat bendang barulah datang nak jadi imam. Kadang-kadang imam naik 'gerek', tayar pun tak ada bunga, maklumlah kerja kampung, jadi imam. Kadang-kadang kita nak ajak ke sini pun ekonomi dia tak berapa baik. Jadi, saya hendak mencadangkan kerajaan berilah elaun bulanan kepada imam-imam ini supaya mereka dapat tadbirkan masjid itu dengan baik. Kadang-kadang bila masuk waktu barulah buka pintu masjid. Imam ini teruk, pergi potong getah, pergi ke laut tangkap ikan, masuk waktu nak kena jadi imam, kemudian orang nak berkahwin pun dia juga. Jadi tugas imam ini bukan mudah. Dia ini duduk di kampung diibaratkan sebagai tempat merujuk, kalau bergaduh cerai-berai pun tok imam hendak kena perbetulkan. Kadang-kadang kita tengok tok imam pun letih, berilah vitamin lebih sedikit.

Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan berilah elaun. Biasa dahulu kita hendak duduk di belakang imam, makmum seriau takut kain dia carik, dia ruku', ruku', praaap, berselerak makmum di belakang. Jadi, yang ini kita bimbang tetapi sekarang ini tidaklah. Cuma saya hendak kalau boleh imam-imam ini diberi elaun khas. Kalau kita boleh beri kepada pegawai-pegawai lain, kita berilah yang ini sama. Kerajaan Kelantan pun kena buatlah sama, jangan dok bersyarah, phaang, phaang, phaang, tak buat. Em, beri tak cukup makan, nak buang kerja pun banyak, kasihan imam-imam bekerja, ada yang menganggur hari ini. Jadi kasihan kepada imam-imam, jangan dok buang, depa ini orang baik-baik.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat dari Yan mencadangkan supaya elaun imam ini dibayar. Elaun imam ini di mana yang tak dibayar, di negeri Kedahkah? Sebab di negeri Kelantan elaun imam dibayar tiap-tiap bulan, RM400 satu bulan. Apakah di Kedah tak ada satu sen pun elaun dibayar? Malu saya ini Barisan Nasional memerintah kalau macam itu?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya beri laluan, Yang Berhormat nak cari gaduh dengan saya. (Ketawa) Sebenarnya di negeri Kedah dan di negeri-negeri lain sudah beri elaun. Kita beri elaun setahun tetapi kalau kita himpun balik, lebih daripada RM400 yang kerajaan Kelantan beri, itu pun kerajaan Kelantan tak adil. Imam-imam yang dilantik oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu habis dipecat, ini tak adil. Kita membubuh pasir dalam periuk nasi depa, tak adil. Insya-Allah, orang-orang yang bertanggungjawab yang memecat dan memberhentikan imam-imam di Kelantan ini akan menjawab di akhirat kelak. Saya tak tahulah kalau Marang bersubahat sama, saya tak tahu, saya harap taklah sebab dia dari Marang, Terengganu, yang itu Kelantan tetapi kena khabar kepada Menteri Besar Kelantan di samping kita hendak tunjuk yang kita ini sebuah negeri Islam, adakah adil kita memecat orang yang hendak cari makan sebulan RM400 yang kata Pas beri itu, kita beri bubuh pasir dalam periuk nasi dia, anak dan isteri dia nak makan apa? Adakah imam Umno, imam Pas ini doa dia berlain-lain? Adakah imam Pas dan imam Umno ini kiblat dia lain-lainkah? Jadi, Semangat 46 tolong perbetulkan sebab Semangat 46 kongsi dengan Pas di Kelantan, tidak bersubahat.....

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nak beri jalan?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya pun panjang bersembang, banyak lagi, tetapi tak apa sahabat saya, sila. Saya gentleman.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Rantau Panjang.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bahawa di Kelantan ada imam-imam yang dipecat atas dasar bahawa dia orang Umno. Bolehkah Yang Berhormat membuktikan dan memberikan kepada kami nama seorang dua imam di Kelantan yang telah dipecat atas dasar dianya orang Umno?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, kalau nak sekarang ini, ini soalan khas, saya nanti beritahu pegawai-pegawai, saya akan beri dan saya akan tanya, tetapi perkara yang berlaku ini takkanlah tok-tok imam ini hendak berbohong, TV3 biasa pergi interview. Dalam kawasan saya ada beberapa masjid, tok imam itu menyokong Pas, saya tak pernah usik, duduklah. Saya tak ada niat kata awak orang Pas hangit, rejam-hempuk, rejam-hempuk, Pas macam itulah, itupun saya tak kata apa, awak duduklah. Tetapi yang menyusahkan bila dia naik dan beri khutbah, dia hentam kerajaan, satu tahun sekali dia sapu duit kerajaan, jadi yang ini saya tak faham. Saya mintalah pemimpin-pemimpin Pas ini supaya perbetulkan perkara ini sedikit, kasihan, yang mana diberhentikan, ambil balik, bertaubat sebelum nyawa kita sampai ke kerongkong ini. Jadi bertaubat, kita ambil balik depa bekerja balik kerana kita buat aniaya kepada depa.....

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bachok bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh, Bachok lama dah tak bersembang dengan saya, tak pernah pun.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit sahaja. Tadi Yang Berhormat dari Rantau Panjang minta nama. Hendak ambil balik itu nak namalah, nama imam kawasan mana, siapa nama dia?

Beberapa Ahli: Jangan marah!

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Tak marah tapi bertanya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya bersyarah dekat sejam lebih saya tak emotional kerana saya sebagai orang Islam, saya banyak bersabar. Nak nama sekarang ini saya nak pergi cari ke mana? Bukan saya bawa, sekarang ini saya khabar Ahmad bin Awang mana boleh? Kalau nama tak betul? Nantilah saya pergi siasat, saya berilah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, nak nama sekarang ini, mana saya sempat sebab ini soalan tambahan.....

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Tak apalah, tempoh beri nama berapa hari?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak apa, saya siasatlah. Yang ini bukan ceramah Pas, ini Dewan Rakyat.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Yalah, nak tanya berapa hari?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak apa, nanti saya siasat. Saya nak balik pergi siasat siapa dia? Kita datang baru kita berilah, bukan?

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Inilah tak adil, Yang Berhormat, dia tuduh dulu baru nak siasat. Orang siasat dulu baru tuduh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sama ada Yan nak jawab atau tidak, itu terserah kepada dia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, ini hak saya. Hari ini saya bercakap, esok Yang Berhormat bangkit bercakap. Ini Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat tak pernah bercakap, di kampung-kampung phaang, phaang, phaang, tuing. Berapa kali Yang Berhormat bercakap dalam Dewan Rakyat?

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Ini bercakaplah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini bukan bercakap, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Mana dulu? Tuan Yang di-Pertua nak beri siapa dulu ini?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tak mahu beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau Yang Berhormat nak minta jalan, saya rasa Yang Berhormat kena sabar, rupa-rupanya Yan nak terus berucap. Nak beri jalan lagi?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam mana nak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua, tak ada disiplin. *(Ketawa)* Saya tak berilah. Kalau ada disiplin, tak apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau tak beri, teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, saya teruskan. Duduk! Kita dok bercakap pasal hendak tinggikan elaun, dia dok kacau kita pula. Ini nasib baik pasal Islam, sabar lebih Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak biru dah. Terlepas pi tang mana pulak dah. Astaghfirullah hal'azim.

Okay, Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang Islam pula Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sudah sampai masanya menyerapkan undang-undang ini dalam pentadbiran kerajaan serta meneliti semula kedudukan undang-undang yang didapati bercanggah dengan syarak, seperti undang-undang tanah dan kerajaan tempatan. Contohnya, saya hendak tunjuk macam penama dalam EPF, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita sebagai orang Islam Tuan Yang di-Pertua, bila seseorang itu mati, kalau tidak silap saya Tuan Yang di-Pertua, ia akan menjadi harta pusaka. Jadi, tidak adil bagi orang itu membubuh nama. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, masa dia bekerja itu dia masih belum berkahwin. Dia bubuh nama adiknya atau nama kakaknya tetapi dia terlupa. Apabila dia terlupa Tuan Yang di-Pertua, apabila dia meninggal dunia, kes ini berlaku dalam kawasan saya sendiri. Duit EPF ini Tuan Yang di-Pertua, terus pergi kepada adiknya. Sedangkan si mati ini mempunyai anak dan isteri. Jadi, ini Tuan Yang di-Pertua, adalah undang-undang yang perlu kita perbetulkan balik. Begitu juga dengan harta tanah atau projek-projek tanah rancangan. Mengikut undang-undang Islam Tuan Yang di-Pertua, ada harta sepencarian suami isteri. Bermakna kalau si suami mati dan harta itu diperolehi semasa mereka berdua suami isteri, maka 50% daripada harta itu diberi kepada

isteri dan bakinya itu akan difaraitkan mengikut cara syarak kita. Jadi, benda-benda ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sudah sampai masa kita ubah sedikit demi sedikit untuk menyesuaikan supaya jangan berlaku benda-benda ini.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada penerbangan Malaysia menghentikan sajian arak kepada penumpang-penumpang. Tuan Yang di-Pertua, tidak akan rugi penerbangan tersebut kalau dihentikan pemberian arak. Kerana Tuan Yang di-Pertua, kita mahu perniagaan kita itu berkat. Berkat ini Tuan Yang di-Pertua, bila saya bercakap pasal berkat ialah benda yang tidak nampak. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, kita berniaga, kita kaya, kita untung tetapi tidak berkat. Samalah kadang-kadang seperti kita hidup kaya raya dan senang tetapi jiwa kita tidak tenteram. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, kita pulun cari duit siang dan malam. Bila kita sudah dapat duit Tuan Yang di-Pertua, kita sakit kencing manis, darah tinggi, jantung—duit itulah mengubat kita balik. Ini Tuan Yang di-Pertua, kita kata tidak berkat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya tengok Penerbangan Malaysia, saya percaya kalau dia berhentikan serving, dengan izin, arak kepada penumpang-penumpang, dia boleh substitute dengan benda lain. Beri hadiahkah ataupun makanan yang lebih baik menggantikan pemberian arak percuma ini. Kerana kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya biasa mengalami bila kita duduk di atas, kita tengok di bawah, kalau jadi apa-apa tidak ada tempat hendak bergantung Tuan Yang di-Pertua. Dalam laut boleh juga kita cari perahukah atau kita berenang dan sebagainya. Tetapi ini tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Biasa kita naik kapal terbang dalam keadaan kelam kabut kerana cuaca tidak elok. Bagi kita orang Islam, berzikirlah. Kadang-kadang cari ayat pun sudah tidak jumpa. Ayat

Al-Quran yang kita hendak baca bagi tenteram pun sudah tidak jumpa. Tetapi bagi yang bukan Islam mereka minta arak untuk menenangkan mereka. Cuba kita bayangkan perbezaannya Tuan Yang di-Pertua, kalau terjadi apa-apa, yang minum arak dengan kita sekali pi.

Jadi, saya mencadangkanlah kerana Malaysia Airlines ini sudah di“privatise”, ini bukan hak kerajaan, ini hak individu. Kita bercakap, kerajaan Barisan Nasional pun yang tidak betul, kita tegur. Sebab itu PAS kena faham. Jangan dok serang dalam kampung bertubi-tubi sampai ayam pun takut. Ayam pun takut Tuan Yang di-Pertua. Dengar PAS hendak buat ceramah, ayam masuk reban cukup awal. Dia kata. “Mat Sabu mai dah, jom kita masuk.” (*Ketawa*) Itu ayam. Hak asasi binatang pun takut!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan sebut nama Ahli yang lain.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kubang Kerian. Minta maaf. Kubang Kerian. Tambahan Rantau Panjang, kambing lembu pun lari, Tuan Yang di-Pertua. Bachok, kambing lembu pun masuk. Curfew pukul 6.00. Seriau. Depa terkejut. Jadi yang itulah Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Barisan Nasional kerajaan adil, yang tidak betul kita perbetulkan. Yang ini tugas kita. Kita akan dipersoalkan di akhirat. Jangan susah Ahli-ahli Yang Berhormat dari pembangkang. Yang menjadi masalahnya, PAS, DAP dan S46 ini bercelaru. Duduk sekelambu tetapi celaru. Seorang keluar pintu ini, seorang keluar pintu itu tetapi duduk sekelambu. Ini yang pening kepala. Cuba mai joint Barisan Nasional. Kita pintu itu yang kita masuk, pintu itu yang kita keluar. Ini masuk satu pintu, keluar berselerak. Yang ini kena perbetulkanlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua supaya Mahkamah Syariah ini

diperbetulkan. Kerana hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan 30,000 kes tertanggung. Kes cerai berai, anak tidak ada belanja dan sebagainya. Laki tinggal bini, tidak beri nafkah, anak hendak makan apa. Emak keluar bekerja, anak ini sekolah macam mana. 30,000 kes Tuan Yang di-Pertua! Jadi, saya minta kerajaan di bawah Pusat Islamkah supaya memperbanyakkan dan mempercepatkan kes-kes ini Tuan Yang di-Pertua.

Cuba Tuan Yang di-Pertua bayangkan kalau bini itu tidak ada kerja, lakinya tinggalkan bininya...*(Disampuk)* Isteri ya, orang Kedah kata bini. Bila tidak baca teks macam itulah Tuan Yang di-Pertua, tidak upaya. Itu nasib baik loghat Kedah, kalau loghat Kelantan siapa pun tidak faham. *(Ketawa)* Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalaulah si suami itu meninggalkan isteri dengan anak dua tiga orang Tuan Yang di-Pertua, nafkah tidak beri, hendak tuntutan kena pergi ke mahkamah dan memakan masa. Bila memakan masa Tuan Yang di-Pertua, anak yang tidak berdosa ini kerana emak bapa buat perangai, anak yang tidak berdosa ini apa hendak jadi Tuan Yang di-Pertua? Jadi, saya haraplah Mahkamah Syariah ini dapat dipertingkatkan kemudahan para hakim supaya benda ini dapat dijalankan dan diselesaikan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya mufti-mufti di negeri-negeri ataupun ketua kadi ataupun Yang di-Pertua Islam di negeri-negeri dilantik sebagai *ex-officio* dalam Dewan-dewan Undangan Negeri. Ini perlu Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau kita boleh lantik penasihat undang-undang sebagai *ex-officio*, Pegawai Kerajaan Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri menduduki sebagai *ex-officio* dalam Dewan Undangan Negeri, saya mencadangkan juga mufti-mufti atau Yang di-Pertua atau ketua-ketua hakim ini diletak bersama di dalam itu supaya menasihati kerajaan negeri dari segi pentadbiran keagamaan

kita. Yang ini saya harap mendapat persetujuan daripada kerajaan-kerajaan negeri. Tidak salah, seorang sahaja, bukan ramai. Tambah seorang lagi, beri dia duduk.

Tuan Yang di-Pertua, apabila berakhir Rancangan Malaysia Ketujuh, insya-Allah, Malaysia akan menjadi sebuah negara membangun, akan tetapi dapatkah kerajaan menyelesaikan masalah perumahan. Saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya kerajaan sedaya upaya mempercepatkan penyelesaian masalah perumahan. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mengkaji permohonan rancangan perumahan yang dibuat oleh syarikat-syarikat swasta ini mengkaji keuntungan mereka bersama. Jangan kita beri allocation 30 peratuskah atau 20 peratus rumah ini diberi kepada kos rendah. Kita kena kaji keuntungannya. Yang 30% itu minimum. Tetapi kalau rancangan perumahan tersebut untung berjuta-juta, mungkin mereka perlu mengadakan 50% rumah kos rendah. Dan saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, rumah kos rendah ini dibuat tiga bilik. Ini banyak kali saya sudah cakapkan Tuan Yang di-Pertua. Kerana ini adalah cara Islam kita. Mana boleh dua bilik. Kalau dia ada anak perempuan dan anak lelaki, takkan bila sudah baligh hendak duduk sekali. Mereka kena diasingkan. Jadi, saya mencadangkan, tidak salahlah dibuat sebilik lagi. Begitu juga rumah PPRT Tuan Yang di-Pertua, kena buat bilik. Saya bercakap sudah berapa kali. Kalau tidak ada bilik Tuan Yang di-Pertua, cukup susah kita hendak buat kerja apa pun. Jadi, biar ada tiga bilik di dalam rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memendekkan Tuan Yang di-Pertua, pasal sudah panjang. Nanti kawan-kawan marah. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya berharap daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya ucapkan

terima kasih banyak di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kerajaan akan memperbanyakkan rancangan luar bandar. Kerana kita dapati Tuan Yang di-Pertua, memang hari ini rakyat berasa megah dengan kerajaan hari ini, cuma di negeri Kelantan rakyat menanggung penderitaan. Cukup menderita kerana kemajuan pembangunan amat-amat menyedihkan. Jadi, saya berharap di kawasan-kawasan lain Tuan Yang di-Pertua, kita buat. Berilah peruntukan banyak.

Dalam kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, depa mahu api, air dan jalan. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, depa hendak telefon pula. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, orang kampung hendak telefon. Saya tanya, "Pasal apa pak cik hendak telefon. Pak cik hendak telefon siapa, umur sudah 70." Dia kata, "Anak dia hendak telefon dari Kuala Lumpur. Cucunya hendak telefon dari US." "US itu apa dia pak cik?" "United States", katanya. Cucu hendak telefon tok wan dari United States. Jadi, sekarang ini menunjukkan pembangunan negara ini sudah baik. Jadi, saya harap Kerajaan Kelantan perbetulkan sama. Kesian orang di Kelantan. Baru ini saya jumpa orang Kelantan, dia menangis hampir setengah jam. Dia ceritakan macam-macam masalah. Dia hendak keluar dari kampung datang ke bandar pun susah. Kesian sangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu mempertingkatkan peruntukan kepada orang miskin. Dahulu harga lain, sekarang ini ekonomi sudah baik, naikkanlah sedikit elaun. Saya minta elaun bulanan kepada orang miskin itu ditambahkan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana kementerianya membuat kerja cukup baik—cukup bagus, Menteri pun bagus.

Menterinya tidak cakap banyak, Tuan Yang di-Pertua, Menterinya serius, lemah-lembut, tetapi kerja buat, kalau timbang kati ini silap sedikit—tangkap. Jadi, yang ini saya suka. Pada Hari Raya tahun ini pun berjalan dengan baik, masalah ayam selesai, masalah daging selesai, masalah sayur selesai, FAMA pun tolong buat kertas kerja sama. Ini mendatangkan manfaat kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, UMNO akan menyambut kewujudan 50 tahun tidak berapa lama lagi. UMNO adalah parti ulung di tanah air dan tidak dapat dinafikan telah banyak berbakti kepada rakyat Malaysia di segenap lapisan bangsa. Kewujudan UMNO adalah di atas kesedaran orang-orang Melayu yang tidak sanggup dijajah dan melihat cucu cicit mereka hidup melarat di tanah tumpah darahnya sendiri.

UMNO adalah parti yang tertua di dunia dan boleh dijadikan parti contoh kepada parti-parti lain termasuk parti pembangkang, malah PAS dan Semangat 46 wujud di atas tidak tercapai matlamat kepentingan peribadi pemimpin-pemimpin tertentu dalam UMNO lantas mereka keluar dan menubuhkan parti PAS dan Semangat 46. Jadi, saya hendak cerita sejarah sedikit kepada PAS dan Semangat 46 ini, asal "tok" itu UMNO, semua kita cucu cicitnya.

Dalam kepimpinan untuk memperjuangkan UMNO dan dalam kepimpinan untuk memperjuangkan agama, bangsa dan tanah air, kepentingan peribadi tidak perlu ada. Dalam perjuangan Tuan Yang di-Pertua, kita tidak perlu ada kepentingan peribadi kerana perjuangan kita adalah untuk agama, bangsa dan tanah air. Nasionalis UMNO memperjuangkan kemerdekaan dan kesejahteraan, tetapi kita tidak mengharap keuntungan peribadi dan tidak berkecil hati apabila tokoh-tokoh korporat Melayu mendapat keuntungan kekayaan

dan kenikmatan kerana mereka adalah bangsa kita, mereka adalah rakyat Malaysia dan perjuangan kita adalah untuk generasi anak bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, memang itulah nasib pemimpin ibarat lilin membakar diri untuk menerangi perjuangan. Ini tidak akan berakhir selagi Melayu di muka bumi Malaysia ibarat kata Khairil Anuar "Biar seribu peluru menembusi dadaku akan tetapku menendang dan menerajang kerana aku ingin hidup seribu tahun lagi".

Tuan Yang di-Pertua, UMNO ibarat burung, kepalanya politik, sayap kanannya agama, sayap kirinya ekonomi dan budaya. Sejauh mana ia terbang ia tidak pernah lupa sarangnya. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap jangan ada golongan-golongan tertentu yang ingin melaga-lagakan kepimpinan UMNO, jangan ada tokoh-tokoh korporat tertentu yang ingin melagakan kepimpinan UMNO.

Kepimpinan UMNO yang ada hari ini begitu mantap dan kepimpinan ini akan terus, insya-Allah, mentadbirkan negara ini dengan kerjasama Barisan Nasional untuk kebaikan dan kesejahteraan negara kita ini. Saya memberi amaran kepada pemimpin-pemimpin luar negara yang ingin melaga-lagakan kepimpinan kita, kita akan perangi habis-habisan walaupun ketitisan darah yang terakhir demi untuk UMNO, demi untuk bangsa Malaysia, kita akan teruskan perjuangan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ketua Penerangan UMNO negeri Kedah saya bagi pihak negeri Kedah menyokong penuh kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri dan sebagai Presiden Parti. Tidak perlu diperkait-kaitkan, tidak perlu diputarbelitkan, walaupun ada masalah, ini adalah masalah kekeluargaan dan jangan sesiapa dari luar yang datang untuk menanggung di masa yang keruh ini. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, kerana kita akan menyambut 50 tahun penubuhan UMNO, saya menyeru supaya semua orang Melayu tidak kira apa parti yang mereka jadi dan rakyat Malaysia menyambut hari kelahiran UMNO dengan penuh kesyukuran dan keinsafan mudah-mudahan dengan sambutan ini kita Melayu dapat bersatu demi agama, bangsa dan tanah air. 'Hidup UMNO'.

Saya berharap jemputan yang akan dihulurkan oleh UMNO kepada PAS dan Semangat 46 jangan ditolak, kerana yang menjemput adalah "tok" kepada cucu-cucu yang melarikan diri'. Janganlah hendak adakan muzakarah sebelum hendak datang ke majlis perhimpunan ini, kerana dengan menghulur tangan itu adalah tanda persahabatan kita sebagai umat Islam. Kita menghulur tangan menjemput orang PAS, orang Semangat 46 atau parti-parti lain, parti-parti Melayu lain untuk hadir - ini adalah tanda keislaman kita. Tanda kebersihan hati kita sebagai umat Islam menghulur tangan menjemput saudaranya menghadiri satu perhimpunan yang besar untuk menunjukkan bahawa UMNO adalah parti yang pendokong kerajaan pada hari ini dengan kerjasama Barisan Nasional kita dapat nikmat di atas muka bumi Allah S.W.T. ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat ada yang bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan dari sahabat saya dari Yan. Bagaimanakah kalau cucu-cicit tok itu dia hendak hadir dengan syarat-syarat yang tertentu?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai orang Islam, kena bersikap tolak-ansur.

Sebagai orang Islam kalau seorang Islam itu menjemput seseorang itu makan kenduri, kita pergi, kalau tidak pergi itu tidak baiklah - berdosa, Tuan Yang di-Pertua. Kalau orang tidak jemput kita pergi - haram, makan itu haram. Tetapi kalau kita jemput, kalau orang tidak datang itu tidak elok, budaya itu Melayu sebagai orang Islam. Jadi, saya pun merasa kecewa, Parit Sulong saya baca dalam akhbar bila UMNO bercadang hendak panggil dan di negeri Kedah pun saya mempengerusikan itu, saya hendak panggil semua orang PAS datang. Oh! kena ada syarat muzakarah, hendak muzakarah apa, datanglah dahulu, kita bersembang, datang dahulu ke perhimpunan itu, sebelah sini (*kepada Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang*), ha! Jelutong pun datanglah, apa salahnya. (*Ketawa*) Kita rakyat Malaysia, kita kena bersatu, soal politik, pilihan raya kira lain, tetapi bila datang soal macam ini kita buat.

Saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, kalau orang PAS buat kenduri, dia panggil saya, saya pergi - saya pergi, walaupun kadang-kadang apabila saya pergi penyokong PAS jegil saya macam hendak telan saya, tetapi saya pergi, saya hulur tangan, saya sua tangan sebagai apa? Sebagai kita orang Islam, kita kena macam itu, hendak bergaduh apa kita apa ini, kiblat kita satu, doa kita hendak baca itu, semua hak itu. Cuma PAS-UMNO ini, asal PAS pun UMNO, kerana pemimpin dahulu dia berasa tidak puas hati, tidak dapat itu, tidak dapat ini dia lari macam Semangat 46lah, tidak boleh jadi presiden, tidak boleh jadi itu, dia lari pergi duduk parti 46. Tetapi asal dia UMNO, kita trained PAS ini, tetapi dia keluar, dia menderhaka, hendak buat macam mana? Jadi yang lapis-lapis muda ini jangan buat macam inilah, kena belajar.

Saya baca sejarah, sebab itu saya tahu sejarah UMNO, zaman Allahyarham Dato' Onn, masa penubuhan UMNO dahulu, tok, tok nek saya adalah darah daging UMNO. Jadi kita ini kena baiklah. Oleh itu saya berharaplah kalau kita hulur jemputan itu, datanglah saya hendak tengok, tok hendak hulur kerana anak cucu, kalau tidak mahu datang kita hendak tengok, maknanya tuan-tuan dari parti pembangkang Islam, parti pembangkang Melayu ini tidak prihatin dan tidak balik kepada ajaran kita sebagai umat Islam untuk kita berbaik-baik di antara satu sama lain.

Kita baru menyambut bulan Ramadan—beraya. Saya pergi rumah orang PAS beraya dan sebagainya. Yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin kita ini, pemimpin-pemimpin PAS dan saya ini, kita boleh minum sekendi. Tetapi di kampung mereka pergi racun otak orang kampung itu, sampai selisih pun tidak mahu tengok muka.

Sembahyang Jumaat, Tuan Yang di-Pertua, salam sebelah kanan saja, sebelah kiri, tidak mahu salam fasal saya duduk di sebelah kiri, saya orang UMNO, bukan saya tangan kudung, saya ada tangan, kalau dia sua, saya sualah. (*Ketawa*) Perkara itu berlaku jangan main-main, ini perkara yang serius, jadi saya harap sangatlah tidak berlaku lagi.

Begitu juga sembelihan lembu oleh orang UMNO mereka tidak makan, tetapi yang daging lembu import dicop 'halal' mereka makan. (*Ketawa*) Ini yang menjadi masalah. Saya pun tidak tahu hendak fikir. Jadi saya berharaplah Yang Berhormat dari Marang itu kira orang tualah, tolong nasihatkan orang muda-muda ini, dia garang tidak tentu fasal, macam saya kata tadi Tuan Yang di-Pertua, lekat poster ayam pun tahu berkurung malam ini off—curfew masuklah reban, lembu kambing masuk habis, hendak serang orang kampung tidak fasal-fasal.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam kawasan saya Pas berceramah mengenai borang. La ini bila kerajaan menswastakan (privatise), borang-borang permohonan ini kenalah bayar duit. Kalau tidak bayar duit, orang yang mengambil borang, setengah itu dia buat membungkus barang dan sebagainya. Jadi, bila kerajaan caj seringgit, dua untuk borang hendak masuk ke universiti dan sebagainya, mereka membangkitkan isu-isu di kampung—tengok, kerajaan menjual kertas kerana hendak duit. Itu bukan kertas, itu borang, sedangkan budak itu tidak lama lagi dapat kerja menjadi guru, menjadi lecturer dan sebagainya - gaji beribu. Hendak bayar seringgit, dua pun tidak boleh. Jadi, ini yang saya tidak mahu. Kalau pergi ke kampung kita khabar bahawa kita kena bersatu - sebagai orang Islam kita kena bersatu, sebagai Islam itu pegangan kita dan penyatuan kita. Hayati yang itu, bagus. Lepas itu last sekali undi Barisan Nasional, tidak apa. (*Ketawa*)

Jadi, yang ini saya mintalah sahabat kita, sempena 50 tahun ini, kita ambil kesempatan ini untuk kita bersama-sama menyokong. DAP pun beritahu, mari, Kepong pun mari, jangan dok terkepong sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun hendak minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar celoteh dia sudah lebih dua jam. Sepatutnya kita memadamkan ucapan supaya orang lain ada peluang untuk memberi sumbangan yang membina.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat kecewa kerana Yang Berhormat daripada Kepong tidak

menghormati ucapan Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan celoteh, ini ialah benda yang realiti, bila saya bercakap. Saya pergi mencari fakta.

Tuan Yang di-Pertua, semalam pukul 2.30 pagi baru saya tidur. Bukan main-main, bukan celoteh, yang celoteh ialah Yang Berhormat dari Kepong, dok pegang tie urut-urut, tetapi bercakap tidak habis lagi - itu kerja dia. Saya bercakap fakta, tetapi saya hendak memberitahu kepada sahabat-sahabat saya dari PAS dan Semangat 46, sebagai orang Melayu dan orang Islam supaya kita bersatu antara kita sesama kita - hendak bergaduhkan apa? Tengok MCA pun bagus, duduk sekali dengan GERAKAN, SUPP dan semua. Yang DAP duduk menjerit tidak tentu fasal macam kena melolong, itu tidak bolehlah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah, kita semua dalam Dewan yang mulia ini adalah pemimpin, semua kita dalam Dewan ini adalah pemimpin, sama ada Wakil Rakyat, Menteri, Timbalan Menteri, semuanya adalah pemimpin, termasuk pegawai-pegawai kerajaan, mereka adalah pemimpin. Dan setiap pemimpin akan dipersoalkan di akhirat kelak, sama ada semasa kita menjadi pemimpin adakah kita menjalankan kepimpinan kita itu dengan adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan satu cerita sejarah di zaman Saidina Omar. Saidina Omar ini adalah orang yang serius, tekun dan berani. Satu hari Saidina Omar menziarahi seorang tua yang sedang uzur. Bila dia tengok orang tua yang sedang uzur ini, dia mengalirkan air mata, dia menangis. Bila dia menangis, sahabat-sahabatnya bertanya "wahai Amirulmukminin, kenapakah kamu menangis?". Dia menjawab "orang tua inilah yang

senantiasa menasihati saya, orang tua inilah yang senantiasa memberi teguran kepada saya, dan apabila dia sakit, saya merasa amat sedih dan pilu, dan sebagai pemimpin, kita kena menerima teguran dan juga nasihat. Kalau kita sanggup menerima teguran dan nasihat insya-Allah, kita akan menjadi seorang pemimpin yang adil”.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, kejayaan, kesejahteraan dan kesenangan yang kita nikmati sekarang adalah di atas limpah kurnia Allah s.w.t. Kita hanya dapat merancang, Allah juga yang menentukannya. Oleh yang demikian, marilah kita senantiasa bersyukur dan mematuhi kehendak dan suruhan Allah S.W.T. semoga Tuhan akan mencucuri rahmat, rezeki dan melindungi Malaysia di bawah lindungannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh takzim, saya sekali lagi dengan merasa rendah diri memohon ampun ke hadrat Allah S.W.T. dan maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan kepada Tuan Yang di-Pertua, seandainya dalam ucapan saya ini, saya terlanjur kata dan terkasar bahasa dan dengan penuh takzim, saya sekali lagi dengan segala rendah hati mengemukakan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sudi menyampaikan Titah Baginda di Persidangan Kedua, Parlimen Kesembilan. Wabillahitaufik-walhidayah-wassalamualaikum-warahmatullahi-wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta seorang menyokong. Ipoh Timor.

5.37 ptg.

Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda, yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang rakyat Malaysia keseluruhannya patut bangga ialah kita dapat hidup dalam suasana aman dan harmoni walaupun terdapat perbezaan etnik, bahasa, agama dan kebudayaan. Keharmonian kaum dan keamanan negara merupakan satu pencapaian yang tiada bandingannya di negara-negara lain. Sekiranya kita melihat kekacauan yang berlaku di Bosnia Herzegovina, kita patut bersyukur kerana negara kita terus maju dalam semua bidang, hasil daripada keamanan sosial yang berterusan.

Dalam hubungan ini, kita tidak boleh menafikan sumbangan dan peranan politik yang telah dimainkan oleh Barisan Nasional. Falsafah politik Barisan Nasional yang pragmatis menegaskan bahawa rakyat mesti bersikap konstruktif, saling menghormati, bertolak ansur, berwawasan dan bersemangat dinamis. Budaya Barisan Nasional yang berlandaskan kepada ciri-ciri yang positif telah dan akan terus membawa kemajuan, keamanan dan kesejahteraan kepada rakyat Malaysia keseluruhannya. Rakyat Malaysia kini telah membuktikan kepada dunia bahawa kita yang berbilang kaum ini boleh bekerja sebagai satu pasukan yang padu untuk membangunkan negara Malaysia yang disegani di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang mengalami transformasi yang menyeluruh dalam semua aspek kehidupan kesan proses globalisasi (globalisation), ekonomi dan perdagangan antarabangsa. Menyedari hakikat inilah maka Akta Pendidikan, 1995 telah dibentang dan diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini dengan tujuan menangani cabaran di abad yang ke-21. Aspirasi dan cita-cita kita adalah untuk melangkah jauh ke hadapan sebagai sebuah negara yang maju, bermaruah dan dihormati. Kita memerlukan satu sistem pendidikan yang membolehkan kita membuat lonjakan berganda dan membawa kita masuk ke abad 21 dengan penuh

keyakinan. Banyak telah diperkatakan tentang Akta Pendidikan, 1995 semasa ia dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Apa yang saya mahu sentuh di sini ialah bidang pendidikan dari segi Aero-Space (Aero-Angkasa). Malaysia melalui pelancaran satelit pertama, MEASAT 1 telah membuktikan keupayaannya dan melangkah ke hadapan dalam industri aero-angkasa. Malaysia dijangka memiliki 4 satelit iaitu MEASAT 1, MEASAT 2 serta dua satelit mikro lain yang dijangka akan dilancarkan pada tahun 1997 dan pada tahun 2000. Penguasaan pancaran MEASAT 1 dapat meliputi sebahagian besar Wilayah Asia Timor dan Utara Australia. Penggunaan satelit ini menjadikan Malaysia sebagai satu pusat komunikasi satelit di rantau ini. Memandangkan kepada kedudukan geografinya yang strategik untuk mengendalikan sistem komunikasi canggih di angkasa lepas.

Sehubungan itu, program baru harus diatur dalam bidang kejuruteraan dan sains angkasa lepas. Ini kerana, tenaga profesional dan separa profesional adalah diperlukan dalam bidang ini, baik untuk penyelenggaraan, baik pulih, reka bentuk atau pembuatannya pada masa akan datang sekiranya kita benar-benar hendak menguasai bidang ini.

Dalam konteks ini, memanglah wajar bagi universiti-universiti tempatan memulakan kurikulum khas dalam bidang kejuruteraan angkasa lepas. Universiti-universiti ini seharusnya mengambil inisiatif untuk menawarkan program berkenaan dengan bidang ini di peringkat Ijazah. Sebenarnya, universiti-universiti tempatan pada masa ini mempunyai lebih 100 pemegang Ijazah Doktor Falsafah dalam pelbagai jurusan yang mempunyai kaitan secara langsung dengan kejuruteraan sains angkasa lepas. Tenaga pengajar ini tidak harus dibiarkan begitu sahaja. Mereka harus diberi inisiatif dan peluang yang lebih untuk mengusahakan tugas penyelidikan dalam bidang angkasa lepas.

Di peringkat politeknik pula, kursus bertaraf sijil dan diploma bagi bidang yang sama adalah wajar ditawarkan. Oleh itu, Bahagian Teknik dan Vokasional dari Kementerian Pendidikan harus mengambil langkah yang proaktif dalam mempercepatkan tawaran kursus kejuruteraan angkasa lepas di peringkat politeknik.

Pada masa yang sama, generasi muda kita patut didedahkan kepada teknologi yang baru ini di peringkat sekolah juga. Semua ini adalah bertujuan untuk meletakkan negara Malaysia kita ini di landasan yang kukuh untuk menghadapi cabaran zaman komunikasi dan informasi yang semakin canggih pada abad yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional adalah komited untuk meningkatkan bilangan ahli sains, jurutera dan penyelidik di negara kita. Usaha akan ditumpukan bagi menarik pakar asing serta ahli sains tempatan yang bekerja di luar negeri. Pelaburan dalam infrastruktur teknologi dan penyelidikan strategik akan ditambah seperti Taman Teknologi Malaysia dan Taman Aerospace. Namun demikian, saya mencadangkan satu agensi atau organisasi khas bagi penyelidikan angkasa lepas seperti NASA di Amerika Syarikat atau Indian Space Research Organization (ISRO) di India adalah perlu ditubuhkan.

Setakat ini, Bahagian Kajian Angkasa iaitu PAKSA dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hanya menunggu sebahagian besar kajiannya ataupun kerjanya kepada menjaga planetarium negara atau memerhati gerhana matahari dan bulan sahaja.

Bidang PAKSA tidak seharusnya terhad kepada aspek astrofizik sahaja. Ia patut menyusun program yang lebih menyeluruh sebagai pusat untuk mengkaji angkasa lepas dan seandainya ini adalah bercanggah dengan tujuan asal penubuhan

PAKSA, maka saya mencadangkan bahawa satu agensi baru ditubuhkan oleh kerajaan ataupun dengan usaha sama kerajaan dan sektor swasta. Ia boleh dinamakan MASA, misalnya—Malaysian Aerospace Agency (MASA) ataupun nama-nama yang lain dengan tujuan menjalankan sepenuhnya penerokaan penyelidikan dan pembangunan industri aerospace.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, ekonomi negara kita telah berjaya mencatat pertumbuhan yang cukup tinggi. Kita telah mencapai pertumbuhan ekonomi melebihi 8% untuk 8 tahun yang berturut-turut. Sekiranya kita dapat mengekalkan pertumbuhan KDNK yang melebihi 7% sahaja, maka kita tetap akan mencapai pendapatan per kapita sebanyak RM40,000 pada tahun 2020, berbanding dengan RM10,000 sekarang sebagaimana yang disasarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita di dalam Wawasan 2020.

Akan tetapi, semasa kita mengejar pembangunan ekonomi yang pesat, kita tidak seharusnya mengabaikan satu aspek kehidupan yang penting, iaitu kualiti hidup. Apabila kita menyentuh tentang kualiti hidup, aspek yang penting pula ialah kebersihan alam sekitar di mana kita makan, bernafas, bekerja, bermain dan lain-lain. Dalam konteks ini, Kerajaan Barisan Nasional juga peka dengan pencemaran alam sekitar serta pemeliharaan sumber semulajadi negara.

Pengisytiharan Langkawi atau Langkawi Declaration tentang alam sekitar pada tahun 1989 dan penyertaan Malaysia di Sidang Kemuncak Bumi di Rio De Janeiro pada tahun 1994 merupakan komitmen Malaysia dalam usaha menjaga dan melindungi alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak sebab mengapa bumi kita telah dicemar. Pertama, setengah-setengah pihak mementingkan keuntungan lebih daripada mementingkan kualiti alam sekitar. Contohnya, pemaju-pemaju perumahan dan pengusaha-pengusaha kilang yang mendirikan rumah atau kilang tanpa menyediakan sistem pengairan dan saliran yang sempurna dengan akibatnya pokok dipotong, hakisan berlaku dan banjir kilat terjadi.

Ada juga pengusaha-pengusaha yang sengaja membenarkan bahan-bahan buangan kilang mereka dibuang ke dalam parit, sungai dan laut dengan kesannya bahawa air tersebut telah dicemar. Pembangunan industri seperti inilah merupakan salah satu sebab mengapa sumber air kita dicemar. Selain daripada ini, laut kita juga dicemar oleh pembuangan sisa minyak oleh kapal-kapal di laut.

Kedua, pembalakan yang berleluasa tanpa perancangan dan pembalakan haram juga menyebabkan ekologi bumi kita terjejas. Ini ialah sebab utama sumber tanah kita tercemar.

Ketiga, berkenaan dengan pencemaran udara pula, asap yang dikeluarkan oleh kenderaan dan kilang, kebakaran hutan dan kebakaran sampah sarap oleh isi rumah adalah antara sebab mengapa udara kita ini menjadi semakin kotor.

Selain daripada yang tersebut di atas, kesedaran yang rendah tentang pemeliharaan alam sekitar di kalangan orang ramai juga menyumbang kepada bumi kita yang semakin tercemar.

Sikap umum yang tidak begitu mementingkan kebersihan persekitaran kita ini telah memburukkan lagi keadaan alam sekitar, sama ada dari segi pencemaran tanah, air atau udara.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan di negara kita, sektor yang menyebabkan pencemaran air ialah:

- (i) industri makanan dan minuman sebanyak 41.2%; dan
- (ii) industri getah sebanyak 14.6%.

Sektor yang mencemarkan tanah pula ialah:

- (i) aktiviti pembinaan yang tidak terancang;
- (ii) perlombongan dan pembalakan; dan
- (iii) kumbahan najis-najis dari sektor domestik.

Sumber utama yang mencemarkan udara ialah:

- (i) kenderaan bermotor sebanyak 79.8%;
- (ii) sektor industri sebanyak 16.8%; dan
- (iii) pembakaran terbuka sebanyak 3.4%.

Tuan Yang di-Pertua, bumi ialah tempat tinggal kita. Bumi ialah harta kita yang mesti kita jaga dan pelihara. Apabila negara kita semakin maju dan membangun, kita tidak boleh membiarkan alam sekitar kita ini dimudaratkan kerana sekiranya bumi kita ini sakit, manusia juga akan terus sakit dan jika bumi kita ini tercemar, kita juga akan turut tercemar. Jadi, kita harus mengambil langkah-langkah awal untuk menyekat pencemaran selanjutnya.

Di sini saya ingin membuat beberapa cadangan untuk menjaga alam sekitar.

- (1) Meningkatkan kesedaran umum tentang pentingnya alam sekitar yang bersih melalui kempen-kempen besar-besaran di media cetak dan media elektronik. Kerajaan boleh menggalakkan

sekolah menubuhkan persatuan alam sekitar untuk mewujudkan kesedaran mengenai persekitaran dari peringkat awal lagi. Murid-murid juga patut dididik tentang perlindungan alam sekitar sebagai mata pelajaran sambilan.

- (2) Penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat terhadap pemaju, sektor kilang, pembinaan supaya mereka lebih prihatin kepada kebajikan masyarakat umum dan bukan setakat mengautkan keuntungan sahaja. Tanggungjawab sosial mereka adalah lebih penting daripada motif keuntungan. Sekiranya pihak-pihak ini mementingkan pemeliharaan alam sekitar dan menyediakan infrastruktur perparitan yang secukupnya, maka banjir kilat seperti yang berlaku di Lembah Klang, Shah Alam atau Lembah Kinta di Perak dan tempat-tempat lain tidak akan selalu terjadi.
- (3) Kerajaan seharusnya menambahkan lagi manpower dan juga kelengkapan untuk memastikan bahawa undang-undang berkenaan dengan alam sekitar mesti dipatuhi.
- (4) Meningkatkan usaha pemulihan hutan yang telah ditebang dan memelihara keaslian sumber alam secara sistematik.
- (5) Mengadakan jawatan R&D (Pembangunan dan Penyelidikan) untuk menerokai teknologi yang baru serta cekap bagi mencegah pencemaran sama ada dari segi air, tanah dan udara.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat berkualiti adalah asas terpenting bagi menghadapi arus pembangunan politik, aliran ekonomi dan sosial amnya. Sehubungan itu, kita harus mempergiatkan usaha-usaha membentuk generasi muda yang

beraspirasi tinggi, dinamis dan berwawasan bagi menjamin kesinambungan pembangunan negara pada masa akan datang. Dalam keadaan sosial yang kian pincang termasuk penyalahgunaan dadah, lepak, bohsia, penjangkitan Aids dan kegiatan maksiat, maka kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan patut meningkatkan agenda dan kegiatan bagi memperkukuhkan nilai-nilai moral yang tinggi di kalangan belia kita.

Program Institusi Keluarga Jaya Waris yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri kita pada bulan April yang akan datang ini merupakan satu langkah yang positif untuk membantu menangani permasalahan belia dalam zaman pembangunan yang pesat ini. Kita tidak mahu melihat jiwa golongan muda kita ini lesu dan kosong akibat daripada tidak menghayati perjuangan belia sebenarnya.

Projek Rakan Muda yang dilancarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan harus diperluaskan kepada semua pertubuhan belia. Pertubuhan-pertubuhan belia yang tidak berfungsi harus di“activate” semula. Mengikut laporan, hampir 6,000 pertubuhan belia peringkat cawangan adalah tidak aktif dan ini merupakan satu keadaan yang membimbangkan. Kementerian Belia dan Sukan bersama-sama dengan pertubuhan induk belia harus menyegerakan penyelesaian kepada masalah ini. Disebabkan golongan belia adalah penggerak negara dan bangsa, kita mesti menyekat unsur-unsur yang tidak sihat dari melanda mereka. Kalau kita mahu merealisasikan Wawasan 2020, kita terlebih dahulu mesti membentuk generasi muda yang sihat dari segi pembangunan fizikal dan rohaniah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin memanjangkan kata lagi di sini, maka dengan kata-kata demikian, saya sekali lagi dengan rendah hati menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Yan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Tanjong.

5.55 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyertai Usul Ucapan Terima Kasih kepada Yang di-Pertuan Agong oleh kerana merasmikan pembukaan penggal persidangan Parlimen.

Profesor Madya Undang-undang di Universiti Monash, Australia, Prof. H.P. Lee, yang merupakan editor bersama *The Constitution of Malaysia - Its Development: 1957-1977 (1978)* serta *Constitution of Malaysia: Further Perspectives and Development (1986)*, di dalam kajian terbaru beliau ke atas undang-undang perlembagaan di Malaysia, *Constitutional Conflicts in Contemporary Malaysia (1995)*, ditulis di Bab 3 “*The Judiciary Under Siege*” (muka surat 73) dan saya mohon untuk memetik:

“In 1987, Tun Mohamed Suffian, a former Lord President of Malaysia, in delivering a lecture on ‘*The Role of the Judiciary*’ said, ‘So far the independence of the judiciary has never been in jeopardy, thanks mainly to the fact that our first three Prime Ministers were lawyers who understood the importance of having a judiciary that enjoys public confidence. But what of the future?’”

This comment could be construed as reflecting a troubled state of mind as to what was in store for the judiciary under the Mahathir Government. While clearly concerned about possible threats to the independence of the judiciary, Tun Suffian could not have envisaged the events which were to unfold shortly after his comment was made.

"In the period from independence in 1957 to the constitutional convulsion in 1988, it was widely acknowledged that the Malaysian judiciary had nurtured a quality of independence which was the envy of judiciaries in many Third World countries. The tragicomic events which led to the removal of the Lord President (Tun Salleh) and the two Supreme Court judges rudely undermined that quality of independence. The clock cannot be turned back, but it is possible for certain measures to be taken to ensure a truly independent judiciary in Malaysia. At this point in time it may be wishful thinking to expect priority to be accorded to the restoration of the quality of independence of the judiciary, which had been the pride of the Malaysian nation. Nevertheless, these measures should be seriously considered once common sense prevails among those who wield the power to implement the changes."

Tuan Yang di-Pertua, bolehlah dikatakan bahawa Prof. Lee tidak mungkin dapat meramalkan bahawa sementara beliau menulis kata-kata ini, peristiwa akan berlanjutan dan mencipta krisis kedua di dalam dunia kehakiman Malaysia di mana keyakinan orang ramai terhadap kebebasan dan integriti badan kehakiman telah menjunam ke tahap yang paling rendah di dalam sejarah negara ini.

Disember yang lepas, semasa membuka Mesyuarat Agung Kesatuan Undang-undang Asean, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merujuk kepada satu peribahasa Inggeris yang berbunyi, dengan izin, "There are two kinds of lawyers: those who know the law and those who know the judge" dan beliau berkata bahawa, dengan izin, "growing concern of the public as regards the increasing incidence of judicial indiscretions is not a matter to be taken lightly, nor viewed negatively." Beliau

menekankan bahawa para hakim bukan sahaja perlu mempertunjukkan "the requisite level of competence and expertise, they must, like Caesar's wife, be above suspicion."

Minggu lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di upacara pembukaan Persidangan Tahunan Hakim mengingatkan para hakim supaya jangan dipergunakan oleh tokoh-tokoh korporat.

Peguam Negara, Datuk Moktar Abdullah mengumumkan di persidangan yang sama bahawa beliau telah mengarahkan pihak polis supaya memulakan penyiasatan ke atas "surat layang" sepanjang 33 muka surat yang mendakwa bahawa rasuah berlaku di dalam badan kehakiman yang beliau kata, "jelas sekali ditulis oleh mereka daripada kalangan pengamal perundangan termasuk pegawai kehakiman dan hakim."

Secara dramatik, beliau juga berkata, "Hari ini merupakan "Ides of March". Tetapi berbeza dari hari yang ditakdirkan di Rom purba di mana binatang yang kejam berjaya membunuh Caesar, hari ini kita akan melancarkan serangan terdahulu terhadap pengkomplot-pengkomplot ini dan insya Allah kita akan berjaya memburu mereka dan membawa mereka menghadap keadilan."

Dari kenyataannya di Persidangan Hakim-hakim ini, Peguam Negara telah memberikan satu gambaran yang jelas bahawa beliau hanya berminat dengan identiti penulis surat layang dan mereka yang bertanggungjawab mengedarkan surat layang berkenaan dan bukannya berminat untuk menyiasat kesahihan isu kandungan surat layang ini. Jika tidak, beliau tidak akan hanya mengarahkan pihak polis supaya menyiasat orang yang bertanggungjawab menulis dan mengedarkan surat layang ini, tetapi juga akan mengarahkan supaya satu laporan dibuat dengan Badan Pencegah Rasuah untuk menyiasat keesahan dakwaan-

dakwaan rasuah yang dilakukan oleh para hakim di dalam surat layang berkenaan.

Sungguhpun Peguam Negara seterusnya berkata bahawa penyiasatan pihak polis ke atas surat layang berkenaan bukannya satu usaha memburu ataupun satu tindakan membalas dendam terhadap mereka yang berada di kalangan pengamal undang-undang, dan bahawa penyiasatan pihak polis ke atas surat layang ini juga akan merangkumi siasatan ke atas dakwaan-dakwaan yang dinyatakan, dan sekiranya wujud elemen benar di dalam dakwaan yang berkenaan, maka tindakan yang sepatutnya akan diambil tetapi ini tidak dapat melindungi kerosakan yang telah berlaku.

Orang ramai langsung tidak berkeyakinan bahawa pihak yang berkenaan benar-benar berminat untuk menyasat keesahan dakwaan rasuah yang berlaku di kalangan kehakiman tetapi hanya berminat untuk memburu mereka yang menulis surat layang ini sahaja.

Ini adalah kerana rakyat Malaysia tahu mengenai hasil siasatan pihak polis ke atas kes Tan Sri Rahim Tamby Chik, sebagai contoh, yang berkaitan dengan rasuah dan kes gadis berumur 15 tahun, dan bagaimanakah Ahli Parlimen DAP untuk Kota Melaka, dan bukan Tan Sri Rahim Tamby Chik yang kini dihadapkan ke mahkamah serta terpaksa berusaha kuat untuk menyelamatkan kehidupan politiknya sendiri?

Tan Sri Rahim Tamby Chik bukan sahaja menjawat kembali jawatan Ketua Pemuda UMNO, malah juga mendakwa bahawa beliau adalah bersih sampai ke jari kakinya, lebih bersih daripada lain-lain pemimpin UMNO atas sebab beliau telah disiasat secara menyeluruh dan telah diumumkan oleh Badan Pencegah Rasuah sebagai tidak bersalah. Walaupun beliau tidak bersedia untuk mengumumkan asetnya serta menjelaskan bagaimana beliau berjaya mengumpulkan sejumlah

kekayaan yang luar biasa semasa memegang jawatan Ketua Menteri Melaka.

Saya bersedia menyokong ketetapan yang diluluskan oleh Kesatuan Pegawai-pegawai Kehakiman dan Perundangan pada hari Sabtu lepas untuk mengutuk pendedaran surat layang yang mendakwa bahawa rasuah berlaku di dalam badan kehakiman.

Bagaimanapun, tindakan mengutuk surat layang malah kejayaan memburu dan menghukum orang yang bertanggungjawab terhadapnya tidak akan dapat mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap kebebasan dan integriti bidang kehakiman melainkan orang ramai percaya dan berpuashati bahawa semua dakwaan yang terkandung di dalam surat layang itu telah disiasat dan dibuktikan tidak benar.

Ini adalah kerana sebarang tindakan yang lain akan dianggap sebagai melanggar peringatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Disember lepas supaya jangan "memandang ringan atau melihat secara negatif" keprihatinan orang ramai terhadap "tingkah laku kehakiman yang tidak bijaksana" serta peringatan Perdana Menteri bahawa para hakim jangan dimanipulasi oleh pihak korporat.

Sungguhpun saya bersetuju dengan Peguam Negara bahawa surat layang sepanjang 33 muka surat ini mengandungi dakwaan yang memperolok-olokkan, mencaci dan mencela bidang kehakiman, tetapi Parlimen dan kerajaan mestilah mengakui fakta bahawa sekiranya sebahagian kecil dari dakwaan yang diutarakan itu mengandungi kebenaran, walaupun hanya 10 peratus daripadanya, kerosakannya ke atas integriti dan kebebasan badan kehakiman memang tidak dapat ditebus.

Surat layang mempunyai catatan sejarah yang lama dan kaya di Malaysia, terutama sekali surat-surat layang yang melibatkan personaliti politik atau korporat, tetapi ini merupakan kali pertama di mana badan kehakiman telah dijadikan subjek layanan meluas di dalam surat layang.

Sebenarnya, di dalam tempoh kemerdekaan tiga dekad pertama negara ini, integriti badan kehakiman tidak pernah dipertikaikan dan surat layang yang sebegini langsung tidak dapat dibayangkan (unthinkable). Ini merupakan satu gambaran yang sedih sekarang mengenai apa yang dinyatakan oleh seorang hakim Mahkamah Rayuan semasa mengendalikankan kes Ayer Molek yang dahsyat tahun lepas yang memetik Shakespeare dan tertanya-tanya sama ada, dengan izin, "something is rotten in the state of Denmark" berhubung dengan pengendalian keadilan di Malaysia.

Baru-baru ini, negara kita bersedih dengan pemergian Tan Sri Eusoffe Abdoolcader yang dikenali oleh bekas Ketua Hakim, Tun Salleh Abas sebagai "salah seorang hakim teragung yang pernah wujud di abad ini di sebuah negara yang mengamalkan common law."

Kematian Eusoffe membangkitkan persoalan sama ada Malaysia masih berupaya mengeluarkan gergasi (giant) kehakiman sebegini, berupaya menulis keputusan mahkamah perlembagaan dan pentadbiran yang menjadikan rujukan generasi seterusnya atau landmark judgement on constitutional administrative law seperti penentangan (vigorous defend) beliau dalam kes United Engineers Malaysia atau Lim Kit Siang vs. United Engineers Malaysia 1988 serta kesediaan beliau untuk dengan izin, appeal to the brooding spirit of the law, to the intelligence of a future day terhadap suatu keputusan yang terkemudian untuk membetulkan satu kesilapan kehakiman masa kini, tetapi hari ini keyakinan orang

ramai terhadap kebebasan dan integriti badan kehakiman telah terhakis ke tahap yang paling asas.

Lebih dari satu dozen hakim, lebih dari sebelas orang hakim dari Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan termasuk mereka yang memegang jawatan kehakiman yang paling tinggi di negara ini telah disebut nama mereka di dalam surat layang yang mendakwa telah terlibat dalam rasuah dan salah laku. Dan sekiranya nasihat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa dakwaan-dakwa terhadap kehakiman ini tidak harus dipandang ringan atau dilihat secara negatif, maka satu siasatan yang menyeluruh serta berkuasa tinggi harus dilakukan ke atas semua dakwaan yang terkandung di dalam surat layang berkenaan untuk melindungi nama baik, kebebasan dan integriti badan kehakiman.

Di dalam kenyataan "Ides of March"nya minggu lepas, Peguam Negara telah membangkitkan "hari tertakdir di Rom purba" di mana Caesar telah dibunuh. Rakyat Malaysia tidak mahu para hakim kita "dibunuh" seperti Caesar. Bagaimanapun, rakyat Malaysia juga mahu melihat para hakim mereka berupaya mencapai piawai (standard) yang ditentukan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam ucapannya di Mesyuarat Am Kesatuan Undang-undang Asean, Disember lepas bahawa hakim haruslah bertindak seperti isteri Caesar, Caesar's wife must be above suspicious.

Para Ahli Parlimen mesti faham apa yang dimaksudkan oleh like Caesar's wife above suspicion. Di mana Caesar menceraikan isterinya kerana beliau terlibat dalam satu tuduhan, bukannya Caesar percaya yang isterinya bersalah, tetapi kerana isteri Caesar langsung tidak boleh disyaki melakukan sebarang jenayah.

Caesar tidak percaya isterinya ada bersalah, tetapi ada tuduhan dan kedudukannya sebagai isteri Caesar, ini tidak boleh dibenarkan, sebab itu Caesar's wife above suspicion.

Tanpa satu penyiasatan yang menyeluruh dan berkuasa tinggi terhadap para hakim yang tersebut di dalam surat layang berkenaan untuk membersihkan nama baik dan menegakkan kebebasan dan integriti kehakiman, maka sedozen hakim yang kini memegang jawatan badan kehakiman paling tinggi di negara ini tidak akan dapat mencontohi Caesar's wife yang menjangkau segala syak wasangka.

Pihak polis telah mula bertindak terhadap keprihatinan Peguam Negara supaya memburu orang yang bertanggungjawab terhadap surat layang ini, tetapi persoalan yang timbul mengenai kebebasan dan integriti badan kehakiman adalah satu persoalan yang lebih besar dan penting dan ini merupakan perkara yang terkeluar dari bidang kuasa serta tanggungjawab Peguam Negara dan lebih sesuai dikendalikan secara langsung oleh Kabinet dan Parlimen.

Kabinet dan Parlimen harus berani dan terus mengakui bahawa surat layang yang sepanjang 33 muka surat yang mendakwa seramai sedozen hakim terlibat dengan rasuah ini telah pun menolak badan kehakiman Malaysia ke satu lagi krisis keyakinan dalam tempoh kurang daripada 10 tahun, dan perkara ini telah menolak badan kehakiman Malaysia ke tahap paling merosot dari segi kehormatan, kedudukan dan keyakinan orang ramai.

Adalah amat ironik malah trajik bahawa krisis kehakiman kedua sebegini berlaku pada masa yang begitu dekat dengan penggubalan dan pelaksanaan Kod Etika untuk Hakim dan menyebabkan Kod Etika Hakim ini hilang segala kredibilitinya.

Saya ingin meminta Parlimen supaya mempertimbangkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Profesor Lee di dalam mukadimah bukunya tadi yang saya sebut 'Constitutional Conflicts in Contemporary Malaysia' dan inilah kenyataannya dengan izin:

"When the legacy of the Mahathir era is finally debated, the economic achievements will have to be balanced against the recorded destruction of those checks and balances crucial for the vitality of a nation founded upon the belief of government by law and not by men".

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen mesti memutuskan sama ada melalui ketidaksiatan ataupun sikap tidak kisah, sama ada salah satu 'checks and balances' yang penting ini merupakan tindakan memusnahkan kebebasan dan integriti badan kehakiman, di mana tanpa kebebasan dan integriti, makna rule of law hanya merupakan kata-kata kosong tanpa sebarang makna.

Pemulihan keyakinan orang ramai terhadap kebebasan dan integriti badan kehakiman mestilah diletakkan di atas agenda negara yang paling tinggi dan fakta bahawa perkara ini langsung tidak disentuh di dalam Titah Ucapan DiRaja semalam yang mewakili kenyataan dasar kerajaan merupakan perkara yang paling dikesali.

Satu-satunya cara untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap kebebasan integriti badan kehakiman di dalam krisis kehakiman kali yang kedua ini adalah dengan mengambil perhatian tentang nasihat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya jangan memandang ringan atau berpendirian negatif terhadap dakwaan-dakwaan terhadap badan kehakiman ini dan menubuhkan satu suruhanjaya siasatan yang berkuasa tinggi yang terdiri dari

ahli-ahli terkemuka dan bereputasi untuk menjalankan siasatan yang menyeluruh dan komprehensif bukan sahaja terhadap dakwaan surat layang, tetapi juga diberi kuasa untuk menangani semua isu yang lain yang merosakkan keyakinan orang ramai terhadap kebebasan dan integriti badan kehakiman.

Cabaran paling besar terhadap suruhanjaya siasatan ini adalah mengemukakan cadangan-cadangan kepada Kabinet dan Parlimen mengenai cara-cara yang boleh diambil untuk memulihkan kualiti kebebasan badan kehakiman supaya ia sekali lagi menjadi kebanggaan negara Malaysia dan dipandang tinggi oleh masyarakat dunia.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan penting mengenai pemulihan keyakinan orang ramai terhadap kebebasan dan integriti badan kehakiman bukannya perkara ulung yang tertinggal di ucapan polisi kerajaan di dalam Titah Ucapan DiRaja semalam.

Antara perkara lain yang tertinggal adalah perkara penting mengenai komitmen kerajaan terhadap prinsip akauntabiliti dan ketulusan sebagaimana yang ditunjukkan oleh penolakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hujung minggu lepas terhadap satu seruan saya supaya dibentangkan kertas putih di Parlimen mengenai krisis kewangan Perwaja kali yang kedua ini.

Pada hari Sabtu lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menuduh DAP hanya mahu mendapatkan faedah "political mileage" dan membesar-besarkan sesuatu isu.

Beliau memetik contoh kerugian Bank Bumiputera pada tahun lapan puluhan sebagai alasan mengapa tidak perlu dibentang kertas putih di Parlimen.

Beliau berkata, saya memetik "Sekiranya awak pernah dengar apa yang

diperkatakan oleh DAP mengenai Bank Bumiputera, awak akan sangka bahawa pada masa itu negara kita akan meletup dan bankrup. Tetapi sekarang Bank Bumiputera telah mendapat keuntungan RM1 bilion. Ini merupakan cara kita mengendalikan masalah dan bukannya seperti cara DAP yang heboh-hebohkan isu".

Biarlah sejarah dan rakyat Malaysia yang menentukan sama ada pendirian DAP yang tidak berganjak menentang skandal kewangan seperti skandal Bumiputera Malaysia Finance yang bernilai RM2.5 bilion telah menyumbang ke arah pemeliharaan budaya akauntabiliti dan bertanggungjawab di dalam sektor awam dan membentuk memupuk semangat kewajipan, amanah dan tanggungjawab untuk semua pegawai awam di kedudukan mereka masing-masing.

DAP memuji kerajaan kerana berjaya memusing (turn around) Bank Bumiputera dari sebuah entiti yang rugi sehingga mendapat keuntungan RM1 bilion hari ini, tetapi ini tidak boleh dijadikan alasan bahawa kita boleh melupakan rekod lama di mana sekiranya bukan kerana berlakunya skandal BMF RM2.5 bilion pada tahun lapan-puluhan, keuntungan Bank Bumiputera hari ini tidak akan terhad kepada RM1 bilion, tetapi akan mencapai angka sekurang-kurangnya RM3.5 bilion.

Tidak kira kerajaan ataupun rakyat jelata, semuanya tidak boleh berpura-pura bahawa oleh sebab Bank Bumiputera telah mendapat keuntungan RM1 bilion, bermakna skandal RM2.5 bilion tidak pernah berlaku atau boleh dilupakan begitu sahaja.

Tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menolak seruan saya supaya dibentangkan satu kertas putih mengenai krisis kewangan Perwaja di Parlimen minggu lepas bukan sahaja tidak meyakinkan, malah merupakan satu

pengunduran atau satu set-back untuk rakyat Malaysia yang mahu melihat budaya akauntabiliti dan bertanggungjawab dipupuk di kalangan kakitangan awam kita.

Saya mesti menjelaskan di sini bahawa saya tidak pernah menuduh bahawa Perwaja telah mengalami kerugian sebanyak RM10 bilion. Apa yang saya katakan adalah: Krisis kewangan Perwaja ini mungkin melibatkan kerugian angka RM10 bilion, dengan mengambil kira kerugian terkumpul pada Mac 1995 sebanyak RM2.5 bilion (yang pada masa kini tentu telah bertambah lagi), hutang belum dibayar sebanyak RM5.7 bilion, pinjaman kerajaan kepada Perwaja untuk membantu usaha perluasannya sebanyak RM1.2 bilion serta ekuiti Kerajaan Persekutuan di dalam Perwaja Terengganu sebanyak RM852.2 juta.

Saya tidak dapat percaya bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mencadangkan bahawa perbincangan terbuka mengenai krisis kewangan Perwaja sama ada dalam bentuk Kertas Putih ataupun lain-lain bentuk tidak akan dapat menyelesaikan masalah dan bahawa nilai perkara atau nilai satu syarikat yang menaik dan menurut mengikut khabar-khabar angin yang tersebar.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus tahu bahawa maklumat mengenai krisis kewangan Perwaja kali kedua ini telah dilaporkan secara meluas di dalam akhbar antarabangsa dan dunia korporat serta personaliti korporat yang terlibat serta berminat dengan Perwaja mempunyai maklumat yang sepenuhnya mengenai perkara ini. Orang yang tidak mendapat maklumat sepenuhnya hanyalah rakyat jelata Malaysia sendiri. Sekiranya kita berhasrat untuk memupuk budaya bertanggungjawab dan akauntabiliti di kalangan pegawai awam kita, perkara seperti ini haruslah diperbetulkan.

Saya mendapati cara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menolak seruan untuk membentangkan Kertas Putih mengenai krisis kewangan Perwaja kedua ini amat merunsingkan dan meragui sama ada ia membuktikan bahawa kerajaan tidak bersedia bertanggungjawab dan menjelaskan skandal-skandal kewangan yang berlaku di sektor awam.

Sekiranya ini merupakan sikap kerajaan pada tahun 1970-an, maka Perdana Menteri masa itu, Allahyarham Tun Hussein Onn tidak akan membentangkan di Parlimen satu Kertas Putih mengenai skandal kewangan Bank Rakyat. Adakah kita kini mempunyai standard tanggungjawab dan akauntabiliti awam yang lebih tinggi atau lebih rendah pada tahun 1996, 4 tahun sebelum 2000 bila dibandingkan dengan tahun 1970-an.

Saya ingin menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mempertimbangkan semula penolakan beliau terhadap cadangan supaya dibentangkan Kertas Putih di Parlimen mengenai krisis kewangan Perwaja kali kedua demi memupuk budaya bertanggungjawab dan akauntabiliti para pegawai awam. Mereka yang diamanahkan dengan sejumlah besar tabung awam dan melaksanakan kuasa awam, supaya faham bahawa mereka tidak dibenarkan lari dari sebarang tanggungjawab, salahlaku pengurusan ataupun salahlaku kewangan.

DAP mengulangi seruan supaya dibentangkan Kertas Putih mengenai krisis kewangan Perwaja berbilion ringgit kali kedua sebagai ujian sama ada komitmen kerajaan terhadap akauntabiliti adalah lebih tinggi ataupun lebih rendah daripada kerajaan Hussein Onn pada tahun 70-an, terutama sekali memandangkan krisis Perwaja kali kedua ini merupakan skandal kewangan dan perniagaan kerajaan yang paling serius di dalam sejarah negara ini, jauh lebih

serius dari skandal BMF RM2.5 bilion yang terlibat yang merupakan skandal kewangan yang paling serius pada tahun 1980-an sampai sekarang.

Kertas Putih tidak harus hanya terhad dengan menangani skandal Perwaja, iaitu mengenai kerugian terkumpul dan hutang belum dibayar sebanyak RM10 bilion, tetapi juga mengenai salah laku dalam pengurusan dan kewangan yang terlibat dalam pengendalian Perwaja dan bagaimanakah kerajaan bercadang menyelamatkan Perwaja untuk kali yang kedua. Dengan menggunakan Bank Bumiputera sebagai contoh, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendakwa bahawa kerajaan berkeyakinan untuk menyelamatkan Perwaja Steel yang dibebankan dengan hutang.

Rakyat Malaysia harus masih ingat bahawa semasa kerajaan melancarkan proses menyelamatkan Perwaja Terengganu pada tahun 1990, dengan memasukkan RM250 juta ke dalam sebuah cawangan baru atau syarikat baru, iaitu Perwaja Steel untuk bermula dengan akaun yang bersih setelah Perwaja Terengganu memindahkan asetnya sebanyak RM500 juta serta operasinya kepada Perwaja Steel dan melantik Tan Sri Eric Chia sebagai pengarah pengurusan, para pemimpin kerajaan pernah menjanjikan satu permulaan yang baru untuk Perwaja. Tetapi ia bukan sahaja sebagai satu permulaan yang baru, tetapi masalah kewangan Perwaja bertambah serius lagi sehingga memperolehi kerugian terkumpul sebanyak RM1.6 bilion pada Mac 1992 dan naik menjadi RM2.5 bilion lagi pada Mac, 1995.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengesahkan beliau telah menerima satu laporan dari Jawatankuasa Audit Khas yang menyiasat masalah perniagaan dan kewangan Perwaja. Hasil siasatan Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh pengurusan baru Perwaja

ini telah dilaporkan di suratkhbar antarabangsa dan adalah betul dan wajar bahawa kerajaan mengemukakan satu laporan kepada Parlimen mengenai laporan Jawatankuasa Audit Khas ini.

Para Ahli Parlimen dan pembayar cukai Malaysia berhak mengetahui sebab mengapa operasi menyelamatkan Perwaja yang pertama telah gagal, dan khasnya jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan berikut yang dibangkitkan oleh akhbar antarabangsa:

1. sama ada benar bahawa Jawatankuasa Audit Khas ini telah melaporkan bahawa Perwaja tidak berupaya membayar balik hutangnya, bahawa operasinya masa kini serta masa depan menghadapi masalah dan bahawa pada masa kini Perwaja tidak dapat melanjutkan operasinya (insolvent) dan tidak dapat membayar hutangnya dalam tempoh lapan tahun berikut;
2. sama ada benar bahawa jika Perwaja tidak mengatur semula tempoh pembayaran hutangnya ataupun menanggung pembayaran pada bulan Jun atau mendapat satu lagi penyuntikan tabung kerajaan yang besar yang berjumlah berjuta-juta ringgit maka masalah kewangan Perwaja telah terbongkar sebagai skandal kewangan nombor satu di Malaysia;
3. sama ada kewangan Perwaja telah dimusnahkan oleh rekod perakaunan yang tidak betul dan oleh kontrak satu pihak yang tidak sah berjumlah berjuta-juta ringgit dengan syarikat-syarikat Malaysia dan luar negara, di mana sebagai contoh, Perwaja membayar komision setinggi US\$3 setiap metrik tan untuk bahan asli bebola besi yang harga pasaran

sedunianya hanya US\$0.75 sen. Sekiranya ia, sila nyatakan butir-butir sebenar;

4. sama ada benar bahawa di antara 1992 dan 1995, Perwaja Steel dan Perwaja Rolling Mill telah menandatangani 25 kontrak penyelenggaraan yang bernilai RM292 juta di mana syarikat tempatan yang tidak berpengalaman telah merosakkan operasi Perwaja, kerana kontrak-kontrak ini berharga melampau dan membenarkan kontraktor-kontraktor ini, di sesetengah kes, membeli bahan ganti secara bebas dan bilnya dipindah kepada Perwaja.

Kerajaan haruslah juga membentangkan laporan Price Waterhouse yang telah dicomissionkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk melaksanakan satu audit luaran dan komprehensif ke atas Perwaja. Kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Ahad bahawa Pembangkang hanya menggunakan Parlimen dan mahkamah untuk mendapatkan kepentingan politik dan bukannya keadilan telah disalahletakkan dan menunjukkan kegagalan beliau untuk memahami peranan dan fungsi penting yang berbeza untuk pembangkang dalam mengenakan sekatan dan imbalan ke atas tindaklaku kerajaan.

Apabila para Ahli Parlimen Pembangkang membentangkan Usul di Parlimen, sebagai contohnya usul mengenai Perwaja yang dibentangkan oleh Ahli Parlimen dari Kota Melaka pada mesyuarat kali ini, Ahli-ahli

Parlimen parti pembangkang bukannya menyalahgunakan proses Parlimen tetapi menjalankan tugas Parlimen mereka dan mematuhi sumpah mereka yang diambil apabila mereka mengambil tempat duduk di Dewan Rakyat pertama kali selepas pilihanraya umum.

Sekiranya kita mengikut logik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri maka hanya Ahli Parlimen yang bersedia menjadi "yes man" atau "yes woman" di Dewan ini dan yang mengelakkan dari membangkitkan isu yang menjadikan kekhawatiran rakyat Malaysia yang merupakan Ahli Parlimen yang baik, manakala yang lain adalah Ahli Parlimen buruk. Ahli Parlimen parti pembangkang tidak akan membenarkan logik yang terbalik ini (perverse logic) menghalang mereka dari menjalankan tugas Parlimen mereka terhadap rakyat dan negara dan kita akan terus bersuara untuk rakyat kita tanpa ketakutan ataupun pilih kasih dan tanpa mengambil kira akibat yang bakal melanda diri kita sendiri. Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Kita sambong besok.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KESEMBILAN
25 MAC 1996

**TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG X
TUANKU JA'AFAR IBNI ALMARHUM
TUANKU ABDUL RAHMAN**

**Bismillahir Rahmanir Rahiim,
Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan
Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.**

*Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan
limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama di Istiadat Perasmian Mesyuarat
Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesembilan pada hari ini.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

*Beta bersyukur bahawa dengan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan di
bawah pimpinan memanda Beta, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin
Mohamad dan sekalian Anggota Pentadbirannya keadaan politik negara terus stabil
dan rakyat dapat mengecapi kemakmuran yang bertambah lagi. Adalah menjadi
harapan Beta bahawa Kerajaan akan meningkatkan kemajuan di dalam berbagai
bidang dan menambah kemajuan untuk rakyat.*

*Di sepanjang tahun 1995 negara kita terus berada dalam keadaan aman dan
rakyat daripada pelbagai kaum dan agama di seluruh negara hidup dalam suasana
yang harmoni. di samping itu Beta juga percaya bahawa rakyat telah memberi taat
setia yang tidak berbelah bagi dan mempunyai perasaan cinta dan bangga kepada
negara sendiri. Semoga Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa memberi limpah
kurniaNya yang tidak terhingga agar wawasan Negara tercapai melalui Kerajaan
yang adil dan efisien.*

*Tahun ini merupakan tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh,
1996-2000 di mana ekonomi Malaysia akan memasuki fasa kedua Rangka Rancangan
Jangka Panjang Kedua 1991-2000. Dengan asas yang kukuh hasil daripada
perkembangan ekonomi yang pesat disertai dengan suasana sosial dan politik yang
teguh negara telah bersedia memasuki fasa kedua ini dengan kekuatan yang lebih
tinggi bagi menghadapi cabaran semasa. Teras dasar pembangunan negara akan
memberi penekanan kepada pembangunan insan seutuhnya ke arah mencapai taraf
negara maju seperti yang dihasratkan dalam Wawasan 2020.*

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam ekonomi negara telah berjaya mengekalkan pertumbuhan yang lebih tinggi daripada yang dianggarkan sementara inflasi dikawal pada paras yang rendah. Malaysia telah mencapai pertumbuhan ekonomi melebihi 8 peratus selama lapan berturut-turut. Pada tahun 1995 pertumbuhan ekonomi negara kita telah mencapai 9.5 peratus. Pendapatan perkapita negara dianggarkan meningkat daripada RM10,000 pada tahun 1995 kepada RM11,000 pada tahun 1996 iaitu dengan peningkatan sebanyak 10 peratus.

Sektor pembuatan akan terus kukuh dan diramal mencatat pertumbuhan nilai ditambah sebanyak 13.2 peratus.

Sektor perkhidmatan pula dijangka berkembang pada kadar 8 peratus pada tahun 1996. Bagi meningkatkan keupayaan sektor ini, Kerajaan telah menjalankan usaha-usaha seperti pemodenan infrastruktur, telekomunikasi, bekalan kuasa elektrik dan perolehan teknologi yang terkini.

Di samping meningkatkan keupayaan sektor perindustrian Kerajaan juga memberi tumpuan kepada sektor pertanian. Usaha akan terus dipertingkatkan untuk menjadikan sektor pertanian lebih moden dan dinamik. Peningkatan pengeluaran makanan akan diberi tumpuan supaya negara tidak terlalu bergantung kepada import. Bagi mencapai hasrat ini, penekanan akan diberi kepada penyediaan prasarana yang lengkap, inovasi dalam keluaran dan prosesan, peningkatan produktiviti dan penyerapan teknologi yang meluas.

Kerajaan juga akan mengambil langkah untuk memastikan daya saing komoditi utama terus dikekalkan melalui peningkatan produktiviti. Penggunaan bahan tanaman bermutu tinggi, penggunaan tanah yang lebih intensif dan penggunaan teknologi tinggi serta mekanisasi akan dipertingkatkan. Usaha-usaha Penyelidikan dan Pembangunan akan ditumpukan ke arah mekanisasi ladang dan kebun kecil serta pembangunan teknik penjimatan buruh, pembangunan produk-produk baru guna akhir serta penyelesaian masalah yang dihadapi dalam aktiviti pengeluaran, pemrosesan dan pemasaran, serta masalah-masalah yang berkaitan dengan alam sekitar. Langkah juga akan diambil bagi menggalakkan syarikat-syarikat perladangan Malaysia membuka ladang di luar negeri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kepesatan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berterusan ini telah mewujudkan keperluan yang tinggi bagi tenaga manusia. Kesannya pasaran buruh negara telah menjadi ketat dan pada tahun 1995 kadar pengangguran telah berkurangan kepada 2.8 peratus iaitu yang terendah pernah dicapai setakat ini. Keadaan tersebut mencerminkan kekurangan pekerja yang ketara di kebanyakan sektor seperti perladangan, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan. Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan telah berusaha meningkatkan kapasiti institusi pendidikan dan latihan, menggalakkan penyertaan tenaga buruh wanita, meningkat mobiliti buruh secara memperbaiki sistem maklumat pasaran buruh dan menggalak penubuhan industri yang menggunakan modal secara intensif. Sebagai kesannya lebih banyak firma mula beralih kepada proses pengeluaran yang berteknologi tinggi serta berintensif modal. Di samping itu pekerja mestilah sanggup dilatih semula untuk meningkat kemahiran sambil mereka tidak mengambil tindakan yang boleh merugikan majikan, negara dan pekerja sendiri dalam keadaan kekurangan tenaga kerja.

Pelaburan yang tinggi terhadap modal manusia akan terus dilakukan pada masa hadapan. Dalam hal ini, penglibatan sektor swasta untuk membentuk dan melahirkan tenaga kerja mahir turut diberi galakan. Pelbagai insentif cukai yang menarik untuk menggalak pihak swasta menubuh dan meningkatkan kapasiti institusi latihan teknikal dan vokasional telah disediakan. Majikan sektor swasta juga digalag meningkatkan kemahiran pekerja mereka melalui program latihan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

Selaras dengan program pembangunan perindustrian negara satu Pelan Tindakan Pendidikan Teknikal telah digubal untuk meningkatkan bilangan pelajar mengikuti jurusan sains, teknologi dan informasi di peringkat sekolah. Rancangan untuk menyediakan persekolahan selama 11 tahun telah mula dilaksanakan dengan memberikan peluang persekolahan kepada lulusan Penilaian Menengah Rendah untuk menduduki tingkat empat. Di samping itu pula satu Dasar Pendidikan Prasekolah telah dirancang untuk meningkatkan jumlah kanak-kanak mengikuti Pendidikan Prasekolah khususnya bagi masyarakat luar bandar dan masyarakat berpendapatan rendah di bandar dengan cara yang lebih teratur dan sempurna. Program Pendidikan Swasta yang bermutu dan terkawal berasaskan keperluan negara dan individu juga akan dijadikan unsur pelengkap kepada usaha Kerajaan dalam menyediakan peluang pendidikan tinggi. Melalui pendekatan ini, Kerajaan boleh menyelamatkan pengaliran wang ke luar negara dan dalam masa yang sama jumlah kemasukan pelajar daripada luar negara akan turut bertambah.

Dalam bidang infrastruktur pula, Kerajaan menyedari betapa pentingnya infrastruktur dan kemudahan awam yang lengkap disediakan bagi mengekalkan pertumbuhan pesat ekonomi negara dan membaiki lagi taraf hidup rakyat. Kerajaan akan terus mempertingkatkan penyediaan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik, telekomunikasi dan pembetulan terutamanya di kawasan desa yang bertujuan supaya masalah kekangan kapasiti dapat diatasi serta kecekapan diperbaiki.

Bagi memajukan penggunaan pelabuhan, Kerajaan sedang berusaha memastikan peningkatan penggunaan pelabuhan di Malaysia untuk mengendalikan kargo di samping menggalakkan lebih banyak kapal singgah di pelabuhan-pelabuhan kita terutamanya di Pelabuhan Kelang bagi menjadikannya sebagai pusat pemunggahan utama kargo di rantau ini. Usaha-usaha juga akan diteruskan untuk memudahkan prosedur dan dokumentasi kargo di pelabuhan-pelabuhan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan juga akan terus memberi dorongan kepada peningkatan sains dan teknologi secara mengukuhkan perkongsian di antara sektor awam dan industri, meningkatkan infrastruktur sains dan teknologi, merangka semula dan menyusun keutamaan program Penyelidikan dan Pembangunan, supaya lebih menjurus kepada program penyelidikan berpotensi komersil yang berdaya maju. Keutamaan akan terus diberi untuk meningkatkan bilangan ahli sains, jurutera dan penyelidik dalam negara. Usaha juga akan ditumpukan bagi menarik pakar asing serta tenaga kerja sains dan teknologi Malaysia yang bekerja di seberang laut. Pelaburan dalam penyelidikan strategik dan infrastuktur teknologi yang diperlukan akan ditambah seperti Taman Teknologi Malaysia, Taman Perindustrian Teknologi Tinggi Kulim dan Taman Aerospace.

Teknologi Maklumat telah dikenal pasti sebagai satu teknologi penggerak yang strategik untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup rakyat. Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan telah mengenal pasti penggunaan Teknologi Maklumat dalam beberapa projek besar. Ini termasuk pembangunan Koridor Raya Multimedia yang menjangkau pusat Bandaraya Kuala Lumpur di utara ke kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa KL di selatan. Syarikat-syarikat multimedia terkenal di dunia akan digalakkan beroperasi di negara ini bagi menjalankan Penyelidikan dan Pembangunan dan pembuatan jarak jauh serta memperkenalkan barangan dan perkhidmatan Teknologi Maklumat yang bernilai tinggi yang kesemuanya bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat Teknologi Maklumat serantau.

Kepesatan pertumbuhan ekonomi yang berterusan antara lain memberi kesan kepada akaun semasa imbalan pembayaran dan tekanan inflasi. Untuk mengatasinya, Kerajaan telah dan sedang mengambil tindakan yang tegas dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kapasiti sektor perkhidmatan negara terutamanya dalam mengeksport perkhidmatan dan mengurangkan pergantungan kepada bekalan perkhidmatan asing seperti perkapalan dan insurans, pengangkutan penumpang, pendidikan, pelancongan serta perkhidmatan perundangan. Industri membuat komponen, mesin dan peralatan kejuruteraan tempatan akan digalakkan bagi mengurangkan kandungan import dalam kegiatan ekonomi.

Kerajaan akan terus melaksanakan program pendidikan pengguna bagi meningkatkan kesedaran terhadap hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna, terutama dari segi membendung inflasi. Beberapa strategi akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan bekalan barangan dan perkhidmatan adalah mencukupi dengan harga yang kompetitif, kualiti yang terjamin dan selamat digunakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Beta bersyukur kerana Kerajaan sentiasa berusaha bagi mengimbangi pembangunan kebendaan dan kerohanian dengan komitmen yang bersungguh-sungguh melalui pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam. Segala program bagi tujuan ini akan terus dipertingkatkan khususnya bagi melahirkan umat Islam yang faham serta dapat menghayati ajaran Islam yang sebenar. Justeru itu Beta berharap agar pengajaran agama Islam dilakukan bersungguh-sungguh dengan penekanan yang kuat terhadap pembelajaran Al-Quran dan penghayatan nilai Islam yang dapat membentuk peribadi luhur dan disiplin.

Dalam keadaan sosial yang kian pincang termasuk masalah penyalahgunaan dadah, lepak, berbagai kegiatan maksiat, pembuangan bayi, penderaan kanak-kanak dan wanita maka adalah wajar semua lapisan masyarakat mengamalkan nilai-nilai moral yang tinggi supaya rakyat boleh hidup saling faham-memahami, bekerjasama, bertoleransi di antara satu sama lain bagi menjamin keamanan, perpaduan dan kemajuan negara.

Industri penyiaran negara ini sedang menghadapi cabaran yang besar khasnya dengan kemunculan siaran televisyen melalui satelit yang antara lainnya membawa rakyat berhadapan dengan pelbagai rancangan luar negara yang mungkin nilai-nilai dan budayanya tidak secocok dengan budaya kita. Dengan itu seluruh rakyat perlulah memperkuat benteng moral bagi menghadapi ancaman bidang penyiaran baru ini kerana hanya dengan mengamalkan nilai-nilai dan budaya murni dapat kita menangkis gejala-gejala yang tidak sihat.

Dalam aspek pembangunan luar bandar pula, Kerajaan akan mengambil pendekatan baru bagi mewujudkan desa yang memiliki ciri-ciri berdaya saing dengan memberi tumpuan kepada kegiatan pertanian, komersil dan industri sebagai aktiviti utama. Sehubungan itu pelbagai industri akan terus diberi galakan menjalankan aktiviti mereka ke kawasan luar bandar. Teras kepada pendekatan ini adalah pembangunan manusia supaya penduduk luar bandar menjadi penduduk yang berdaya tahan, berinisiatif, berilmu, dan berpegang kepada nilai etika yang murni.

Kerajaan Beta juga akan berusaha memperbaiki keadaan perumahan terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah di kawasan bandar. Beberapa program khas telah diadakan bagi menambahkan peluang menduduki rumah yang lebih sempurna. Sungguhpun begitu pencapaian pembinaan rumah kos rendah adalah sebanyak 76% daripada sasaran yang ditetapkan. Kerajaan akan memberi tumpuan yang lebih kepada kategori ini oleh kerana keperluan perumahan oleh golongan berpendapatan rendah masih tinggi. Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri dan pihak swasta akan terus melipatgandakan usaha pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan matlamat untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020, Kerajaan akan terus memperkasa budaya sebagai dimensi pembangunan sosial. Rakyat berkualiti adalah asas terpenting menghadapi arus pembangunan politik, ekonomi, teknologi, sosial dan budaya amnya, dan mengimbangi antara pembangunan material dan kerohanian khususnya. Strategi utama Kerajaan dalam menangani cabaran tersebut ialah menerusi usaha memperkukuhkan institusi keluarga. Kerajaan sedar bahawa keluarga yang sihat, stabil dan berdaya tahan adalah merupakan ciri-ciri terpenting ke arah melahirkan golongan rakyat yang kuat, berkemahiran tinggi, kreatif, produktif dan berdaya saing di samping sifat-sifat yang berdisiplin, bermoral tinggi, prihatin dan penyayang.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membangun dan menjadikan Malaysia sebuah negara sihat dengan setiap individu, keluarga dan masyarakat sihat melalui matlamat kesihatan untuk semua. Matlamat ini akan tercapai dengan adanya sistem kesihatan yang berteraskan keadilan, efisiensi dan kualiti, menggunakan teknologi moden yang bersesuaian, dan mampu dibiayai oleh rakyat dan Kerajaan. Perkhidmatan kesihatan akan mengutamakan keselesaan pesakit. Namun demikian, setiap rakyat hendaklah turut bertanggungjawab terhadap kesihatan diri sendiri dan semua pihak digalakkan membantu usaha-usaha Kerajaan ke arah meninggikan taraf kesihatan dan kualiti hidup. Kerajaan akan berusaha untuk mewujudkan perkhidmatan perubatan yang menitikberatkan kepada keadilan dengan menyediakan rawatan asas yang boleh diperolehi oleh semua golongan rakyat.

Kerajaan Beta juga begitu peka dengan pencemaran alam sekitar serta pemeliharaan sumber semulajadi negara. Beberapa mekanisma institusi dan program telah diwujudkan untuk memastikan alam sekitar kita akan terpelihara. Di peringkat antarabangsa Malaysia akan terus memainkan peranan yang aktif melalui penyertaan dalam pelbagai forum dan melaksanakan konvensyen-konvensyen antarabangsa mengenai alam sekitar untuk memajukan prinsip dan amalan pembangunan yang mampan.

Industri pelancongan negara pada masa ini mengalami pertumbuhan yang pesat dan berpotensi tinggi sebagai penggerak ke arah memperluaskan industri perkhidmatan negara. Usaha mempromosinya akan terus dipergiatkan lagi di semua pasaran pelancongan utama bertujuan meletakkan Malaysia di peta pelancongan dunia. Untuk memaksimumkan faedah daripada industri pelancongan negara, Kerajaan juga sedang giat menggalakkan pelancongan domestik. Berbagai program telah dan sedang dilaksanakan untuk memberi kesedaran tentang tarikan-tarikan yang ada di negara ini bagi memupuk minat rakyat melancong di dalam negara sendiri.

Kerajaan akan menggerakkan pembinaan generasi belia melalui rancangan meningkatkan pembangunan belia. Ini termasuklah usah-usaha membentuk generasi muda yang dinamik, kreatif, berwawasan, berbudaya tinggi melalui penguasaan ilmu, kemahiran, teknologi dan informasi. Latihan tidak formal dengan penekanan kepada kesedaran pendidikan sepanjang hayat sejajar dengan tuntutan sebuah negara maju tanpa lalai kepada tuntutan agama, moral dan ciri-ciri keluhuran ketimuran akan diteruskan. Usaha-usaha melahirkan pelapis pimpinan yang berwibawa dan dinamik di kalangan belia bagi memenuhi cabaran semasa dan akan datang akan terus dimantapkan. Rangkaian dan kerjasama bersinergi antara Kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan dan swasta sama ada dalam bidang penyelidikan, kewangan dan rancangan pembangunan belia akan diperkukuhkan.

Beta yakin rakyat Malaysia yang terkenal dengan keprihatinannya akan tampil menyumbang khidmat bakti kepada negara. Semua warga Malaysia boleh memainkan peranan masing-masing untuk memastikan imej dan maruah negara dalam arena sukan antarabangsa terus menyerlah. Peranan persatuan-persatuan sukan amat penting dalam usaha menjamin kejayaan para atlit dalam setiap kejohanan antarabangsa termasuk Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998 kelak.

Sejajar dengan pembangunan pesat negara, sebuah jentera pentadbiran yang cemerlang, berupaya menyediakan perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada rakyat dan negara amatlah perlu. Usaha-usaha pembaharuan oleh perkhidmatan awam dalam menuju ke arah kecemerlangan ini akan diteruskan yang mencakupi pelbagai dimensi yang membawa perubahan kepada struktur, sistem, prosedur, penggunaan teknologi dan yang tidak kurang pentingnya perubahan dari segi minda. Nilai-nilai kepada kesedaran mutu, produktiviti, inovasi, integriti, pertanggungjawaban, disiplin dan profesionalisme jelas menjadi teras kepada pelaksanaan strategi dan program-program pembaharuan tersebut.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Dalam hubungan antarabangsa, negara kita seperti di tahun-tahun yang lampau, telah mencatatkan kejayaan yang amat membanggakan. Usaha-usaha Kerajaan untuk memupuk hubungan yang lebih erat dengan negara-negara membangun di Afrika, Amerika Selatan dan Asia Tengah telah membuahkan kerjasama dan persefahaman

yang rapat antara Malaysia dengan negara-negara berkenaan. Minat untuk mengadakan hubungan ekonomi dan perdagangan dengan Malaysia telah meningkat dan ini telah membuka peluang baru kepada para pengusaha dan pedagang kita untuk menceburi pasaran baru di luar negeri.

Peranan Malaysia di forum-forum antarabangsa berkaitan dengan usaha-usaha membentuk sebuah dunia yang aman, adil dan makmur juga telah memberi kesan yang amat positif kepada imej dan nama baik negara. Pendirian Kerajaan yang tegas menentang penindasan dan kekejaman, seperti yang kita telah buktikan dalam masalah Bosnia serta masalah rakyat Palestin di wilayah yang diduduki oleh Israel, akan diteruskan sehingga masalah-masalah ini selesai berasaskan keadilan dan undang-undang antarabangsa. Kerajaan akan terus membantu rakyat Bosnia dalam usaha membangun semula negara mereka yang hancur akibat kekejaman Serb.

Kerajaan berpegang teguh kepada pendirian bahawa senjata-senjata pemusnah besar-besaran termasuk senjata nuklear patutlah dihapuskan sama sekali. Dengan berakhirnya Perang Dingin pada akhir dekad lapan puluhan tidak ada apa-apa justifikasi bagi senjata seperti itu dkekalkan di dunia ini lagi. Memandangkan bahawa senjata nuklear adalah jelas boleh mengancam seluruh makhluk, Kerajaan berazam untuk mengembeling seluruh tenaga bagi memperjuangkan penghapusan sama sekali senjata nuklear di dunia. Sejajar dengan perhatian yang aktif yang sentiasa diberi di dalam menangani isu-isu antarabangsa semasa, Malaysia buat pertama kalinya telah mengambil bahagian dalam prosiding di Mahkamah Keadilan Antarabangsa untuk menegaskan pendirian terhadap isu bagi menghapuskan kegunaan senjata nuklear.

Beta berasa amat bangga kerana keselamatan, kesejahteraan dan keamanan negara sentiasa terpelihara. Beta yakin ini tidak dapat dicapai tanpa peranan dan komitmen oleh semua pihak termasuk pasukan keselamatan. Kerajaan Beta akan meneruskan usaha bagi mempertingkatkan keupayaan pasukan keselamatan kita sebagai sebuah angkatan konvensional yang kredibel dan mantap. Proses permodenan di samping meningkatkan pembangunan prasarana pasukan keselamatan akan diteruskan.

Beta juga berbangga dengan tugas-tugas dan kejayaan-kejayaan yang telah ditunjukkan oleh pasukan keselamatan dan semua pihak yang terlibat di dalam pencegahan dan pembersihan anasir-anasir yang tidak diinginkan sehingga terus diberi kepercayaan di peringkat antarabangsa melalui penyertaan misi-misi keamanan di beberapa buah negara. Kepercayaan yang diberikan ini merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan terhadap keupayaan pasukan keselamatan dan negara amnya.

Beta menyeru Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian supaya menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan jujur demi kepentingan rakyat dan negara.

Akhirnya Beta menyeru semua rakyat menumpukan taat setia kepada negara yang tercinta ini untuk menjamin keamanan dan kemakmuran yang berkekalan.

**Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalaamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.**